

"ORANG-ORANG bergelar ti-tak boleh lari dari tanggungjawab ini, walaupun cuma sekadar ucapan doa. Namun menyalahi atau melanggar prinsip mendukung, menyokong dan membantu raja, adalah tidak boleh berlaku sama sekali. Jika berlaku, walau setitik, itu namanya tidak setia." - Titah sempena Majlis Kesyukuran Anjuran Orang-Orang Yang Dikurniail Gelaran Sempena Hari Keputeraan Ke-60 Tahun pada 10 Syaaban 1427 bersamaan 2 September 2006.

"DAN juga mereka yang diredai Allah itu ialah orang-orang yang berdoa dan berkata : Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkar-perkara yang menyenangkan hati melihatnya dan menjadikan kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertaqwa." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan ayat 73.

Allah Selamatkan Pengantin Diraja

Di antara

Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah
binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Dengan

Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari



EDISI KHAS
SEMPENA ISTIADAT
PERKAHWINAN
DIRAJA DI ANTARA
YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI
PENGIRAN ANAK
PUTERI HAJAH
MAJEEDAH
NUURUL BULQIAH
DENGAN
YANG MULIA
PENGIRAN
KHAIRUL KHALIL
DIKELUARKAN
DALAM 12
MUKA SURAT

Istiadat Bersanding Pengantin Diraja pada 10 Jun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar ketika berkenan menculik bedak diraja kepada paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. (Berita lanjut dan gambar akan dimuatkan dalam Edisi Khas PELITA BRUNEI keluaran 13 Jun). - Foto : Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin, Ramli Tengah.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja diantara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari akan berlangsung pada hari Ahad, 24 Jamadilawal 1428 Hijrah bersamaan 10 Jun 2007 bermula jam 9.00 pagi di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Selepas Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja juga akan diarak di sekeliling Bandar Seri Begawan.

Malam semalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

PENCEGAHAN PERLU BAGI TANGANI ANCAMAN SEJAGAT

BERAKAS, Khamis, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kejadian-kejadian yang mengancam keamanan sejagat perlu ditangani sebagai pencegahan.

Ancaman yang dimaksudkan dalam titah baginda, adalah dalam bentuk berbagai-bagai, ada berupa penggunaan peralatan canggih untuk mengacau-

bilaukan keadaan dan tidak kurang juga ancaman dalam bentuk psikologi melalui bermacam-macam tindakan atau perbuatan yang tidak diingini.

"Semua ini tidak boleh tidak, semestinya dihadapi. Kita perlu menanganinya sebagai pencegahan," titah baginda di Upacara Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja

Oleh :
Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Brunei Ke-46 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Supaya pencegahan itu lebih berkesan, titah baginda, kita perlu mempunyai keazaman diri dan kekuatan.

Menurut baginda, tanpa keazaman dan kekuatan,

hanya akan menjadikan kita jauh tertinggal.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan dalam bentuk kekuatan diperlukan, bentuk kekuatan dalaman dan juga kekuatan fizikal yang meliputi semangat juang yang tinggi, kesabaran dan keberanian, di samping peralatan-peralatan canggih untuk persefahaman.

"Ini menepati inisiatif Kementerian Pertahanan



mengadakan Pameran dan Forum Pertahanan Antarabangsa yang disempurnakan dengan menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini," titah baginda.

Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8, 9 dan 16

Lihat muka 16



6 JUN 2007 BERSAMAAN 1428 20 جمادى الأول

ISTIADAT GILANG-GEMILANG PERKAHWINAN DIRAJA

HARI Ahad, 24 Jamadilawal 1428 bersamaan 10 Jun 2007 merupakan satu lagi detik bersejarah di Negara Brunei Darussalam yang akan menjadi ristaan zaman berzaman. Peristiwa tersebut ialah Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari.

Istiadat tersebut juga merupakan istiadat yang gilang-gemilang dengan penuh adat istiadat diraja Brunei.

Seluruh lapisan rakyat dan negara ini sekali lagi berpeluang menyaksikan keindahan dan keunikan Istiadat Perkahwinan Diraja selepas Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah pada 9 September 2004.

Tidak syak lagi, Istiadat Perkahwinan Diraja memperlihatkan keunggulan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang penuh keunikan dan keindahan yang gilang-gemilang. Apa yang jelas setiap acara Perkahwinan Diraja memperlihatkan bukan sahaja gambaran yang jelas terhadap nilai-nilai budaya bangsa yang menjunjung tinggi adat dan adab yang murni lagi, malah juga signifikannya terhadap kehidupan berbangsa dan bernegara dengan ditunjangi falsafah MIB.

Penggunaan perhiasan dan peralatan jelas memperlihatkan keunikan alat-alat kebesaran diraja yang sudah digunakan sejak zaman-berzaman. Selain itu penggunaan bahasa dalam dan rangkai kata bahasa yang indah yang dipergunakan dalam setiap istiadat tersebut menambah lagi tentang keunikan Istiadat Perkahwinan Diraja yang jarang terdapat di mana-mana pelusuk dunia.

Keindahan bahasa itu jelas terpancar dengan memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Istiadat Bersuruh. Antara lain petikan titah baginda itu berbunyi:

"Peramba dengan sukacita mengalu-alukan kedatangan abis Pengiran kerana membawa hasrat akan menyerahkan anak Pengiran, Awangku Khairul Khalil kepada Peramba. Peramba dan keluarga dengan ini menerima baik hasrat tersebut sambil berdoa semoga Allah akan sentiasa meluruskan serta memberkati."

Kita bukan sahaja patut berbangga dengan keunikan, keindahan dan kehalusan, keluhuran dan kegemilangan adat istiadat diraja itu, bahkan dalam waktu yang sama kita juga patut berbangga kerana warisan bangsa itu dapat bertahan lama sejak kewujudan Brunei hingga ke hari ini, sungguhpun kita kini berhadapan dengan era globalisasi.

Sememangnya siapa pun tidak menafikan bahawa kita juga merupakan negara yang maju. Kita juga adalah bangsa yang moden. Namun semua itu tidak menjadi penghalang untuk kita terus tetap memelihara adat istiadat kita. Kita terus mengamalkan, memartabatkan, membudayakan sehingga ia mesra dengan kemajuan, mesra dengan modenisasi bahkan mesra globalisasi. Itulah keunikan negara kita yang tetap berpegang kuat kepada adat istiadat. Dalam makna yang lain ia disesuaikan dengan zaman dan rentak kehidupan.

Sememangnya kegemilangan adat istiadat Melayu terutama dalam Kesultanan Melayu Brunei adalah satu bukti yang jelas bahawa kita adalah satu-satunya negara di dunia yang masih bertahan malah tetap kukuh dan teguh memartabatkan adat istiadat. Kesemua adat yang kita pakai selama ini mencerminkan dan memancarkan adat istiadat Melayu berasaskan ciri-ciri kehidupan luhur orang Timur dan nilai-nilai agama Islam. Kedua-dua nilai murni itu diadun begitu rupa sehingga menjadi adat yang penuh dengan adab.

Bersempena dengan kita meraikan Istiadat Perkahwinan Diraja, marilah kita sama-sama menadah tangan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, mendoakan agar diberkati dan mendapat perlindungan Allah. Amin Yarabba 'alamin.

ALLAH SELAMATKAN PENGANTIN DIRAJA

HASRAT NEGARA

Mendekatkan diri kepada Allah SELALU MEMBACA AL-QUR'AN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalaameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaal Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Kita sama-sama bergembira, kerana berjaya pula menampilkan peserta kita ke Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Antarabangsa.

Motif musabaqah ialah untuk meningkatkan mutu kemahiran dalam pembacaan Al-Qur'an. Ianya perlu didukung secara berterusan.

Membaca Al-Qur'an bermakna memelihara dan memuliakannya. Ia banyak mendatangkan manfaat, seperti mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Ta'ala.

Tidaklah membaca Al-Qur'an itu berarti kita berkata-kata dengan Allah, kerana Al-Qur'an adalah kalam-Nya?

Barang siapa yang menyedari ini, sudah barang tentu tidak akan mengabaikan Al-Qur'an itu. Membaca Al-Qur'an adalah salah satu cara mendekatkan diri kepada Allah. Orang yang dekat kepada Allah adalah orang yang mendapat reda serta rahmat-Nya.

Setiap huruf yang dibaca adalah pahala dan cahaya. Ia khazanah yang tidak akan kering-kering tetapi boleh sentiasa bertambah jika kita mahu. Bacalah ia selalu, nescaya khazanah itu akan bertambah dan terus bertambah.

Kalau khazanah harta benda kita mahu bertambah, mengapakah khazanah pahala dan rahmat tidak?

Sepatutnya, tiap-tiap individu orang Islam mestilah berusaha menambah kha-

zanah ini. Jika ia bertambah, kesannya bukan sahaja kepada batang tubuh berkenaan, malahan juga kepada negara dan ummah.

Bukankah kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan itu rahmat? Semuanya ini tidak akan wujud kalau tidak ada rahmat. Rahmat Allahlah yang menghiaskan dan malah menyelamatkan negara serta kita semua.

Oleh itu, kita adalah tidak mampu untuk ketandusan rahmat.

Sebab itu pula, sistem pendidikan kita mengambil berat pelajaran ugama dan Al-Qur'an itu.

Perkara ini turut benar-benar difahami dan didukung oleh setiap keluarga, sebagaimana beta difahamkan bahawa ramai keluarga yang mengaturkan anak-anak mereka belajar Al-Qur'an secara private di samping belajar di sekolah.

Ini adalah pertanda baik sebagai sifat bangsa yang cintakan Al-Qur'an.

Kita juga, alhamdulillah, memiliki Institut Tahfiz Al-Qur'an. Institut ini mengajarkan ilmu-ilmu Al-Qur'an, khususnya di bidang hafalan dan bacaan murattal. Ia juga menambah fungsi, meliputi penyebaran kefahaman kandungan Al-Qur'an.

Selaras dengan projek penyebaran kefahaman kandungan Al-Qur'an itu, beta amatlah gembira difahamkan, bahawa satu usaha sedang dibuat untuk menyusun tafsir Al-Qur'an yang diberi nama 'Tafsir Darussalam'.

Beta berharap, usaha ini akan berjaya, dan dengan kejayaan itu kelak, akan menjadi satu lagi mercu tanda kegemilangan Islam di negara ini.

Ia juga akan turut menambah banyak lagi bahan rujukan memahami kandungan Al-Qur'an, di samping kitab-kitab tafsir yang muktabar yang sedia ada.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi pada hari Khamis (malam Jumaat) 8 Jamadilawal, 1428 bersamaan 24 Mei 2007 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Beta akhiri dengan memetik beberapa ayat dari awal Surah Taa-Haa, yang telah memberikan kita peringatan tentang Al-Qur'an, tafsirnya:

"Taa-Haa, tidaklah Kami menurunkan Al-Qur'an itu kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menanggung kesusahan. Hanya (ia) menjadi peringatan bagi orang-orang yang takut melanggar perintah Allah."

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Berkenan utus tahniah sempena Hari Kebangsaan Sweden dan Republik Itali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl Gustaf XVI, Raja Sweden dan Perdana Menteri Sweden, Tuan Yang Terutama Fredrik Reinfeldt sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Sweden.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang kukuh terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara Sweden.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, Kebawah DYMM berharap semoga Kebawah DYMM Raja Carl Gustaf XVI sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat negara Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Perdana Menteri Sweden, TYT Fredrik Reinfeldt, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat negara Sweden sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Sweden.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara Sweden.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing sambil berharap semoga Perdana

Menteri Sweden, TYT Fredrik Reinfeldt dan rakyat negara Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, pada 2 Jun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Itali, Tuan Yang Terutama Giorgio Napolitano dan kepada Perdana Menteri Republik Itali Tuan Yang Terutama Romano Prodi sempena ulang tahun Republik Itali.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra, saling hormat menghormati dan persefahaman yang erat yang terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Itali.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan kukuh dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya Kebawah DYMM berharap semoga TYT Giorgio Napolitano sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Itali akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada Perdana Menteri, TYT Romano Prodi, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Republik Itali sempena ulang tahun Republik Itali.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Itali. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga Perdana Menteri Republik Itali, TYT Romano Prodi, sentiasa sihat sejahtera dan rakyat Republik Itali akan sentiasa menikmati kemakmuran dan keamanan yang berterusan.

ALLAH Subhanahu Wata'ala mengurniakan kita rahmat dan nikmat yang begitu banyak. Tidak terhitung dan kadang-kadang tidak terasa atau tanpa kita sedari. Nikmat kurnia Allah itu patut kita pelihara, manfaatkan dan syukuri supaya ia akan terus berkekalan dan bertambah.

Manusia diciptakan sebagai sebaik-baik makhluk dan dijadikan khalifah di muka bumi ini. Kita diberikan akal untuk berfikir, diberikan fizikal yang sihat untuk berusaha. Allah juga menciptakan bumi dan langit yang dipenuhi dengan pelbagai sumber dan khazanah untuk diterokai dan dinikmati.

Dalam mensyukuri nikmat ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah-titah baginda sering mengingatkan kita semua agar sentiasa memelihara dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Baru-baru ini ketika bertitah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1428 Hijrah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, baginda antara lain menekankan:

"Bukankah kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan itu rahmat? Semuanya ini tidak akan wujud kalau tidak ada rahmat. Rahmat Allahlah yang menghidupkan dan malah menyelamatkan negara serta kita semua."

"Oleh itu, kita adalah tidak mampu untuk ketandusan rahmat."

Saranan titah baginda

itu hendaklah kita ambil perhatian sewajarnya kerana ia menyangkut soal kehidupan kita bukan sahaja di dunia malah di akhirat nanti. Untuk itu kita mesti menghayati nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita, di samping mensyukuri serta memeliharanya.

NIKMAT

Bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini, kita dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan nikmat yang sangat banyak dan tidak terhitung. Kita dikurniakan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang menjadikan kita dapat menikmati kehidupan yang selesa dan sempurna.

Kita juga patut bersyukur kerana bumi Darussalam bertuah ini dikurniakan khazanah dan sumber asli minyak dan gas yang menjadikan kita dapat hidup dalam keadaan mewah dan kebajikan rakyat terjaga.

Kepimpinan bijaksana

SYUKURI PELIHARA NIKMAT ALLAH

ANALISIS TITAH

Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang saksama serta sikap prihatin baginda terhadap kebajikan rakyat dan penduduk negara ini juga merupakan 'nikmat' Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita semua.

Kesefahaman serta kesepakatan rakyat dan penduduk di negara ini juga merupakan rahmat yang membolehkan kita hidup dalam keadaan damai. Kita terhindar dari peperangan, kekacauan dan ketegangan kaum. Ini membolehkan kerajaan merancang dan melaksanakan dasar dan program untuk kemajuan negara dan kebajikan rakyat.

Seperkara lagi yang patut kita syukuri ialah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala kepada negara dan bangsa kita dari malapetaka alam seperti gempa bumi, taufan, banjir besar, kemarau dan seumpamanya.

Selain dari itu kita juga terhindar dari wabak-wabak penyakit berjangkit dan merbahaya yang melanda masyarakat dunia seperti wabak

Selesema, Burung, wabak SARS, wabak Denggi Berdarah dan sebagainya.

Bukankah perkara-perkara di atas itu semuanya merupakan 'rahmat dan nikmat' kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih Lagi Penyayang. Itu antara yang dapat kita lihat dan nikmati tetapi banyak lagi nikmat-nikmat kurnia Allah yang tidak terjangkau oleh fikiran dan deria rasa kita sebagai manusia biasa.

Umumnya Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat dan rahmat-Nya melalui agama Islam dan Kitab suci Al-Qur'an. Ini kerana di dalam kitab Al-Qur'an itu ada petunjuk dan pengajaran yang amat banyak untuk dimanfaatkan oleh semua manusia.

Allah Subhanahu Wata'ala juga mengutus nabi-nabi serta rasul-rasul dan yang terakhir Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang membawa rahmat ke seluruh alam ini.

MENSYUKURI

Mensyukuri nikmat dapat

kita lakukan dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan, mentaati segala suruhan dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala, menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar, di samping memartabatkan dan memelihara kesucian agama Islam.

Meningkatkan ketakwaan bererti kita beriman kepada-Nya dengan sebenar-benar iman tanpa keraguan. Menunaikan segala kewajipan sebagai hamba-Nya baik tuntutan fardu ain mahupun fardu kifayah.

Selain dari itu sebagai hamba-Nya kita juga mesti menghindari dari sebarang bentuk kemungkaran. Ini termasuk melakukan perkara-perkara maksiat, berlaku kejam, menganiaya, melakukan rasuah, membazir, tidak bertimbang rasa dan seumpamanya.

Selain itu kita juga patut mensyukuri nikmat itu dengan berbuat perkara-perkara berkebajikan seperti melakukan kerja-kerja amal, membantu masyarakat, anak yatim, orang susah, orang cacat anggota, orang tidak berkemampuan dan lain-lain.

Sementara itu kita juga hendaklah berusaha memartabatkan dan menjaga kesucian agama Islam antaranya dengan menyebarkan Islam dan meningkatkan syiar Islam.

Ini sudah kita lakukan dan hendaklah terus ditingkatkan dengan memperkemas penyebaran dan pendidikan agama Islam.

Melalui pendidikan Islam, kita tingkatkan usaha melahirkan insan kamil yang beriman, bertakwa, berilmu, berakhlak mulia, beramal soleh, memiliki jati diri, bersopan santun, hormat-menghormati sesama insan serta mengamalkan nilai-nilai murni budaya bangsa.

Rasa kesyukuran juga dapat kita terjemahkan dengan mengagungkan keesaan dan kebesaran-Nya, Kalam-Nya (Kitab suci-Nya Al-Qur'an), nabi-nabi dan rasul-rasul-Nya serta segala apa juga ajaran-Nya.

Kita petik firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 32 Surah Al-Hajj yang tafsirnya:

"Demikianlah (ajaran Allah) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah, maka (dialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin".

Dalam Surah Al-Maaidah ayat 3, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya:

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu (Islam) dan

telah mencukupkan untuk kamu nikmat-Ku dan telah Aku redai Islam itu din (agama) kamu."

PENGAJARAN

Kita akhiri analisis ini dengan menyebutkan beberapa pengajaran yang telah ditimpakan kepada kaum yang zalim, tidak mensyukuri nikmat Allah sebaliknya ingkar dan menderhaka kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Diceritakan betapa kaum Nabi Lut dan kaum Samut telah dihancurkan dan dibinasakan kerana melakukan maksiat, ingkar dan tidak mematuhi ajaran agama Islam.

Bahawasanya Allah Subhanahu Wata'ala itu Maha Berkuasa. Hanya Allah yang mampu memberikan segala nikmat. Hanya Allah mampu memberikan kemakmuran, kesenangan, kemewahan dan kesejahteraan. Allah juga mampu menarik dan menghapuskan segalanya jika Dia menghendaki.

Apabila Allah menghendaki sesuatu, maka hanya dengan berfirman: "Jadilah" maka akan terciptalah dia. (Surah Yaa Siin, ayat 82).

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan kita rahmat dan nikmat yang berkekalan. Amin.

Tinjau kemudahan awam

Oleh: Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

Sekurup, Isau anak Jalai.

Kampung Selapon di bawah jagaan Isau anak Jalai seramai 226 orang penduduk yang terdiri daripada bangsa Murut dan Iban.

Yang Berhormat melawat dan meninjau lebih dekat lagi projek pembinaan 'Taman Aie Tenub' Kampung Selapon yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim Batu Apoi.

Taman Aie Tenub diambil daripada tiga bahasa suku bangsa iaitu Melayu, Iban dan Murut yang bermaksud Taman Air Sejuk ini dijangka siap dalam bulan Oktober depan.

Kawasan taman ini sesuai bagi kunjungan para pelancong dalam dan luar negara untuk melepaskan lelah dan bersantai di hujung minggu.

Dari Kampung Selapon, Yang Berhormat meneruskan lawatan ke Kampung Labu Estate, di sana Yang Berhormat menanam seponon pokok mangga bagi tanda kenangan dan melawat Taman Herba dan Warisan Estate.

Kampung Labu Estate pada masa lalu terkenal dengan penghasilan pengeluaran getahnya dan sehingga kini mesin getah yang digunakan pada ketika itu masih terdapat dan kini menjadi khazanah Muzium Brunei.

Yang Berhormat dan rombongan meneruskan lawatan bagi Majlis Perjumpaan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi Mukim Labu dan Mukim Batu Apoi di Balai Raya

Orang Kaya Sura Haji Tuba di Kampung Senukoh.

Tujuan utama perjumpaan tersebut untuk mendengar permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak buah kampung di samping juga memberikan penjelasan mengenai apa jua kemasyarakatan dan permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak kampung supaya akan dapat sama-sama difikirkan untuk memantapkan lagi kesejahteraan dan juga kebajikan rakyat serta penduduk setempat.

Pada majlis perjumpaan itu juga diadakan sesi soal jawab bersama menteri dan Ahli jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan kampung mengenai permasalahan yang bersangkutan paut dengan mukim dan kampung berkenaan.

Yang Berhormat dan rombongan meneruskan lawatannya di sebelah petang.

melawat Jabatan Daerah Temburong di mana Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Abdoh memberikan taklimat berhubung dengan jabatan berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat meninjau beberapa bahagian di jabatan tersebut seperti Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Kawangan, Melesen, Pentadbiran, Perkhidmatan dan Pembangunan, Teknikal, Pemeliharaan Kawasan, Bunga dan Lanskap.

Tujuan lawatan ke Jabatan Daerah Temburong, untuk mengetahui lebih dekat lagi urusan-urusan kerja yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah Temburong, di samping bagi mengetahui perancangan-perancangan dan tindakan-tindakan dari segi pengurusan, pengendalian dan garis pandu di setiap bahagian di jabatan tersebut.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menerima kunjungan muhibah Menteri Pendidikan Republik Maldives, Yang Berhormat Puan Zahiya Zareer. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Menerima kunjungan muhibah Menteri Pendidikan Maldives

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

BERAKAS, Selasa, 29 Mei.- Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menerima kunjungan muhibah Menteri Pendidikan Republik Maldives, Yang Berhormat Puan Zahiya Zareer.

Menteri Pendidikan Republik Maldives yang berada di negara ini selama dua hari sedang dalam rangka lawatan ke beberapa buah negara di Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua menteri membincangkan pelbagai isu berhubung pendidikan dan latihan termasuk mewujudkan jalinan kerjasama di antara para pendidik dan pelajar di kedua-dua buah negara agar amalan-amalan terbaik yang terdapat di kedua-dua buah negara tersebut dapat dikongsi bersama.

Hubungan kerjasama dalam bidang pendidikan, khususnya pendidikan tinggi di antara kedua-dua buah negara telah terjalin sekian lama.

Sejak tahun 1985 hingga 2002 seramai 18 pelajar dari Republik Maldives telah berjaya menamatkan pengajian di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam pelbagai kursus.

Pada masa ini seorang pelajar Republik Maldives sedang mengikuti Kursus Sarjana Muda Pendidikan Sains di UBD.

Selain di UBD, beberapa orang pelajar republik tersebut juga telah berjaya menamatkan pengajian di Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Maktub Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkiyah.

Menteri Pendidikan Republik Maldives juga membuat lawatan ke UBD, institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional dan sekolah yang bersesuaian di negara ini.

Lawatan bertujuan merapatkan lagi kerjasama sedia ada dalam bidang pendidikan di antara kedua-dua buah negara, di samping mengukuhkan silaturahim dan bertukar-tukar pandangan bagi kepentingan bersama.

Hadir semasa kunjungan muhibah itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Sheikh Adnan dan Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusof.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan semasa meninjau dan melihat secara lebih dekat lagi kemudahan-kemudahan awam yang disediakan di beberapa buah mukim Daerah Temburong. - Foto: Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.

Lawatan Yang Berhormat dan rombongan bermula di Kampung Selapon bagi menyempurnakan Majlis Perletakan Batu Asas bagi Bangunan Balai Raya baru Kampung Selapon di Mukim Batu Apoi.

Selepas itu Yang Berhormat melawat ke Rumah Ketua Rumah Panjang

Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) Ke-8



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan dialu-alukan dan dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman, TYT Frank-Walter Steinmeier yang juga selaku Presiden Majlis Kesatuan Eropah seurus tiba di Majlis Resepsi Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) di Hotel Atlantic Kempinski, Hamburg (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli baru ASEM iaitu dari negara Pakistan, India, Mongolia, Bulgaria dan Romania di Majlis Resepsi ASEM.

ASEM kuasai lebih 60 peratus dagangan a-bangsa

HAMBURG, JERMAN, Isnin, 28 Mei. - Sejak Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) ditubuhkan pada tahun 1996 di Bangkok, Thailand iaitu kira-kira sebelas tahun yang lalu, pertumbuhan ini telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara terutama dari segi ekonomi.

Di mana ASEM yang mewakili lingkungan 50 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan 58 peratus penduduk dunia dan 60 peratus perdagangan antarabangsa.

"Peningkatan ini telah memperlihatkan bahawa ASEM telah dapat dan menggunakan kesempatan yang lebih besar dalam politik antarabangsa," jelasnya.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Republik Persekutuan Jerman yang juga selaku Presiden Majlis Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier di Majlis Resepsi bagi mengalu-alukan kehadiran Menteri-menteri

Luar ASEM di sebuah Hotel Atlantic Kempinski di sini.

Menurut beliau spektrum ASEM kini lebih terjamin. Dan apa yang penting sekarang, jelasnya, ialah mengubah dan menukar dasar luar dan keselamatan termasuk situasi-situasi banyak negara ketika ini seperti di Timor Tengah dan Afghanistan, di samping isu-isu lain yang perlu ditangani segera seperti isu tenaga dan perubahan iklim, hal ehwal sosiopolitik termasuk pekerjaan dan pendidikan.

Di samping itu isu-isu meningkatkan kebudayaan antara anggota juga penting dan meningkatkan dialog perhubungan dan teknologi komunikasi, ujarnya.

Tuan Yang Terutama, seterusnya mahukan ASEM bersepat untuk mencapai bersama segala rumusan untuk menghadapi segala masalah-masalah yang mendatang.

Manakala di peringkat politik pula anggota ASEM mesti bersaing secara baik dengan konsep-konsep me-

nyelesaikan dan menghadapi segala cabaran demi untuk kebaikan rakyat dan penduduk anggota ASEM sendiri.

Dalam masa yang sama rancangan antarabangsa yang akan datang di bawah tajuk pentadbiran global yang tidak begitu teguh untuk kita bergantung secara eksklusif hendaklah ditangani bersama, tegas Tuan Yang Terutama.

ASEM Ke-8 yang berlangsung selama dua hari di sini juga telah memenamkan 45 orang anggota lama dan baru.

Pembabitan kuat dan positif Republik Rakyat China dalam ASEM telah dapat dilihat oleh Eropah sebagai satu jalan penyelesaian isu antarabangsa yang amat memerlukan kerjasama negara tersebut, di samping memberikan peluang Eropah satu peluang menjelang Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan (G8) bagi membincangkan isu pemanasan global.



ASIA-EUROPE MEETING

Oleh :
Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn

Foto : **Abdullah Haji Awang Damit**



EMPAT buah negara penyelaras ASEM Ke-8 yang terdiri dari Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, TYT Yang Jiechi dari Republik Rakyat China; TYT Frank-Walter Steinmeier, Presiden Majlis Kesatuan Eropah dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Persekutuan Jerman dan Puan Yang Terutama Benita Ferrero-Waldner, Pesuruhjaya Eropah.

Berkenan hadiri resepsi ASEM

HUMBURG, JERMAN, Isnin, 28 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi yang diberikan oleh Presiden Majlis Kesatuan Eropah dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier.

Resepsi yang diadakan di Hotel Atlantic Kempinski itu adalah bagi mengalu-alukan kehadiran para Menteri Luar ASEM yang menghadiri mesyuarat tersebut.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama dengan ahli-ahli penyelaras ASEM Ke-8 iaitu TYT Menteri Hal Ehwal Luar Republik Persekutuan Jerman; Menteri Hal Ehwal Luar Republik

Rakyat China, TYT Yang Jiechi dan Pesuruhjaya Eropah, Puan Yang Terutama Benita Ferrero-Waldner.

DYTM juga berkenan beramah mesra dan bergambar kenangan bersama anggota baru ASEM iaitu dari negara Pakistan, India, Mongolia, Bulgaria dan Romania.

DYTM kemudiannya berangkat menghadiri 'Working Dinner' bersama Menteri-menteri Luar ASEM dan Setiausaha Agung Majlis dan Wakil Tertinggi Dasar Luar dan Keselamatan Bersama bagi Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Javier Solana. Majlis tersebut juga diberikan oleh TYT Frank Walter Steinmeier.

Di majlis tersebut para Menteri Luar ASEM telah bertukar-tukar pandangan mengenai Afghanistan, Iran, Iraq, Timor Tengah dan Semenanjung Korea.



DULI Yang Teramat Mulia bersama Menteri-menteri Luar anggota Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) yang lain ketika menghadiri Sesi Plenari Kedua ASEM Ke-8 di Bangunan 'Chamber of Commerce' Hamburg.

DYTM berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran ABDB Ke-46

BERAKAS, Rabu, 30 Mei.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-46 yang berlangsung di Surau Berakas Garisson di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Majlis bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, tahlil dan doa kesyukuran dan kemudiannya diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Selesai Majlis Doa Kesyukuran, DYTM berkenan berangkat ke Mes Pegawai Berakas Garisson bagi Majlis

Oleh :

Ak. Jefferi Pg. Haji Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

Pelancaran Buku Nilai-nilai Teras dan Ciri-ciri Kepimpinan Kementerian Pertahanan.

Buku Nilai-nilai Teras dan Ciri-ciri Kepimpinan Kementerian Pertahanan ini adalah satu inisiatif Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan 2004 yang bertujuan untuk meningkatkan penghayatan nilai-nilai Kementerian Pertahanan, Usaha berterusan dan menanamkan nilai-nilai teras dan ciri-ciri kepimpinan akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT). Buku ini juga diberikan kepada setiap individu.

Hadir dalam majlis ini ialah Pemerintah-pemerintah Tentera dan Komandan-komandan, pengarah-pengarah tentera, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berangkat di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-46. - Foto : Masri Osman.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) Ke-8

ASIA-EUROPE MEETING

Oleh :
Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Foto : Abdullah Haji Awang Damit



PENGURUSAN MAPAN PERLU BAGI TENAGA DAN PERUBAHAN IKLIM

HAMBURG, JERMAN, Selasa, 29 Mei.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat ke Sesi Plenari Kedua bagi Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) Ke-8 yang berlangsung di Bangunan 'Chamber of Commerce' di sini.

Di sesi tersebut para menteri telah bertukar-tukar pandangan mengenai tenaga dan perubahan iklim dan

memerangi keganasan.

Menyentuh mengenai tenaga dan perubahan iklim, para Menteri Luar ASEM setuju dengan Deklarasi ASEM Ke-6 Mengenai Perubahan Iklim yang berlangsung di Sidang Kemuncak ASEM di Helsinki, Finland tahun 2006 dan mesyuarat mengenainya di Copenhagen pada bulan April lepas yang mencadangkan pentingnya usaha global mengukuhkan pentadbiran persekitaran antarabangsa dengan pandangan untuk memastikan ianya lebih berkesan dan bersepadu mendapatkan

pengurusan yang mapan dengan sumber asli dunia, sebagaimana persediaan yang dibuat di Jakarta dalam bulan Mac lepas.

Mesyuarat tersebut juga mencadangkan supaya sokongan padu mengenai Kerjasama ASEM Mengenai Perubahan Iklim dapat menampung pengeluaran tenaga, dan juga termasuk kerjasama teknologi untuk meningkatkan penggunaan tenaga, pembangunan dan penggunaan boleh diperbaharui dengan adanya alternatif tenaga dan langkah-langkah untuk menanganinya agar tidak kehilangan biodiversiti dan pembasmian hutan.

Mesyuarat itu juga menggalakkan dan mengesahkan sokongan untuk satu ASEM yang lebih rapat bekerjasama di bidang Keselamatan Tenaga dan langkah-langkah yang lebih stabil lagi berkesan dan telus perlu diambil dalam memasarkan global tenaga, termasuk promosi prinsip-prinsip Perjanjian Piagam Tenaga (Energy Charter Treaty).

Mesyuarat juga mengalu-alukan cadangan yang dibuat dalam 'Deklarasi Cebu' Asia Tenggara Mengenai Keselamatan Tenaga

yang dibuat di Sidang Kemuncak Asia Tenggara di Cebu, Republik Filipina, Januari lalu yang mengiktiraf keperluan segera untuk pemanasan global dan perubahan iklim.

Di Sesi Plenari Mesyuarat ASEM Ke-8 itu, Duli Yang Teramat Mulia juga telah berangkat menghadiri 'Working Lunch', di mana di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia mendahului perbincangan mengenai perkembangan Asia Tenggara.

Di akhir mesyuarat para Menteri Luar ASEM seterusnya meluluskan Penyataan Pengerusi, yang antaranya termasuklah Pembangunan Antarabangsa Isu Isu Global; Pembangunan Baru di Asia dan Eropah; Demensi Sosial ASEM dan Dialog Mengenai Kebudayaan dan Kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

ASEM juga menjelaskan persiapan-persiapan bagi Sidang Kemuncak ASEM Ke-7 yang akan diadakan pada bulan Oktober 2008 di Beijing, China, manakala Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEM Ke-9 dijangka akan diadakan di Viet Nam pada tahun 2009 nanti.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan bergambar ramai bersama Menteri-menteri Luar negara-negara anggota Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah (ASEM) di pekarangan Bangunan 'Chamber of Commerce' Hamburg (atas).



DYTM berbual mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Yang Jiechi dan Perwakilan Tinggi ASEM, TYT Javier Solana di Sesi Plenari Kedua ASEM (atas).

DYTM berbual mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Estonia, Tuan Yang Terutama Urmass Paet (kiri).



DYTM berbual mesra bersama Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong sebelum sesi Plenari Kedua berlangsung.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berucap semasa merasmikan Seminar Kebangsaan Radio Frequency Identification (RFID) di negara ini sangat terhad dan masih bergantung pada syarikat-syarikat asing untuk menyediakan perkhidmatan aplikasi tersebut.

Penggunaan RFID terhad

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

JERUDONG, Selasa, 22 Mei.- Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menjelaskan, penggunaan Radio Frequency Identification (RFID) di negara ini sangat terhad dan masih bergantung pada syarikat-syarikat asing untuk menyediakan perkhidmatan aplikasi tersebut.

Mewujudkan permintaan untuk RFID tambahan, adalah sangat penting untuk menggalakkan bekalan, oleh itu komitmen dan perubahan pengurusan adalah juga sangat penting.

"Sebagai sebuah negara kecil dengan sumber-sumber manusia yang terhad, kita perlu mengenal pasti bidang 'niche' dalam ICT yang boleh kita terokai dan menggunakan sumber-sumber yang kita ada. Adalah penting untuk kita bersikap memilih dalam memajukan kemampuan kita. Kita perlu berinovasi dan bukan sekadar meniru," jelasnya.

Pengenalan frekuensi radio atau RFID pendeknya merupakan salah satu teknologi Yang Berhormat sifatkan sebagai mempunyai potensi besar dalam memperluaskan industri ICT di negara ini.

Yang Berhormat berucap demikian semasa merasmikan Seminar Kebangsaan RFID anjuran Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) di Empire Hotel and Country Club di sini.

Menurut Yang Berhormat, RFID adalah teknologi yang Kementerian Perhubungan telah pilih untuk ditingkatkan di tahun-tahun akan datang yang dipercayai mempunyai potensi besar dalam perkembangan industri ICT di negara ini.

Katanya, walaupun kepada sesetengah orang ia mungkin kedengaran seperti teknologi komplikated yang mereka tidak dapat membayangkan cara menggunakannya dalam rutin harian mereka, tetapi sebenarnya perkara itu adalah sebaliknya.

"Kerajaan boleh memainkan peranan signifikan dengan memberikan mandat mengenai penggunaan RFID yang sepatutnya dibekal dan dibangunkan oleh pembekal tempatan," tegasnya.

Kata Yang Berhormat, kita menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam industri dan ini hendaklah disokong sepenuhnya dengan menggunakan teknologi tersebut, di samping pemasaran produk untuk memastikan survival para peniaga dan seterusnya memperkukuh dayatahan industri berkenaan.

Sambil menyedari RFID sebagai salah satu aplikasi yang berpotensi bagi kemajuan dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi masa hadapan, kita juga perlu menyedari yang kejayaan pelaksanaan inisiatif itu bergantung kepada faktor-faktor lain.

Antaranya ialah pembangunan sumber manusia, pensijilan teknologi, penubuhan rangkaian prasarana RFID, pembangunan penyelesaian isu informasi RFID dan pengembangan dasar-dasar dan peraturan-peraturan.

Oleh itu jelas Yang Berhormat, pelaksanaan faktor-faktor

tersebut hendaklah diteruskan untuk merealisasikan industri itu mapan dan bertena.

Kedua-dua pihak ujar Yang Berhormat, kerajaan dan sektor swasta perlu bekerjasama dalam melaksanakan bidang-bidang penting seperti sumber manusia dan pembangunan teknologi di mana keutamaan-keutamaan seharusnya diberikan kepada perkara-perkara tersebut.

Untuk menuju matlamat ini katanya, AITI telah menghasilkan rancangan-rancangan dan inisiatif-inisiatif untuk membangunkan sumber manusia tempatan di mana pendekatan-pendekatan tersebut akan dapat membina keupayaan untuk menyediakan permintaan-permintaan masa hadapan bagi industri itu.

Kemampuan dalam memajukan aplikasi, terutamanya RFID, seharusnya dijalankan tanpa bergantung semata-mata pada syarikat-syarikat asing.

Adalah dijangkakan pada masa depan penyelesaian RFID yang dikembangkan di peringkat tempatan 'dibuat di Brunei Darussalam', di mana seperti juga teknologi lain ia mempunyai cabaran-cabaran dalam pelaksanaannya.

Oleh itu, rancangan-rancangan dan inisiatif-inisiatif seharusnya juga menumpukan kepada mempromosi dan menyediakan pelaksanaan teknologi itu.

Dengan penubuhan pusat inovasi LKEB, adalah diharapkan perniagaan-perniagaan ICT atau syarikat-syarikat yang ditubuhkan akan berupaya merealisasikan idea-idea perniagaan mereka.

RFID menurut Yang Berhormat, sememangnya satu teknologi yang berpotensi sambil berharap agar usahawan dan pencipta tempatan meneroka ke dalam teknologi ini yang dengannya akan meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembangunan.

Kira-kira 100 orang menyertai seminar sehari yang turut mengundang lima orang pembentang kertas kerja masing-masing dua orang dari Malaysia, dua dari Republik Singapura dan seorang dari AITI, Brunei Darussalam.

Seminar bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai aplikasi pelbagai jenis teknologi RFID selain menggalakkan penggunaannya di negara ini, bersempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia bertemakan 'Connecting the Young: The Opportunities of ICT' yang disambut setiap 17 Mei.

Kg. Selapon punyai Balai Raya baru

TEMBURONG, Sabtu, 19 Mei.- Para penduduk Kampung Selapon di Mukim Batu Apoi tahun depan akan dapat menikmati kemudahan Balai Raya baru bagi menggantikan Balai Raya yang lama.

Sehubungan dengan itu Majlis Perletakan Batu Asas Balai Raya tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan yang

berlangsung di kawasan tapak pembinaan Balai Raya Kampung Selapon di sini.

Pembinaan Balai Raya Kampung Selapon ini bermula pada bulan Mac yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan April, 2008 di atas kawasan seluas 0.1352 hektar dengan perbelanjaan khas sebanyak \$100,000.00.

Kemudahan-kemudahan yang terdapat bagi Balai Raya Kampung Selapon ini apabila siap nanti akan mempunyai sebuah bilik pejabat bagi ketua kampung, stor, dapur dan gelanggang sukan di luar kawasan balai raya tersebut.

Kerja-kerja pembinaan bagi balai raya tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Daerah Temburong.

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Yang Dipertua PPNBD hadiri Anugerah Gemilang Persiden

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mei. - Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Yang Dipertua Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) bertolak ke Melaka bagi menghadiri Majlis Penganugerahan Anugerah Gemilang Presiden Tahun 2007.

Anugerah Gemilang Presiden Tahun 2007 yang dianugerahkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka selaku Presiden Pengakap Melaka akan berlangsung pada 26 Mei 2007 bertempat di kediaman rasmi YAB Ketua Menteri Melaka.

Yang Dimuliakan, Yang Dipertua PPNBD bertolak ke Melaka pada hari Rabu, 23 Mei jam 8.20 malam.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah pegawai-pegawai, pesuruhjaya-pesuruhjaya dan pemimpin-pemimpin PPNBD.

Sementara itu PPNBD juga akan menghantar satu kontinjen ke Jambori Melaka yang akan berlangsung pada 26 Mei hingga 30 Mei.

Kontinjen PPNBD seramai enam orang bertolak ke Melaka pada 24 Mei, manakala sepuluh orang lagi bertolak pada 25 Mei.

Derma darah sempena Jubli Perak BMR

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Mei. - Lebih separuh daripada pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan ahli keluarga mereka ikut serta menderma darah sempena sambutan Jubli Perak penubuhan BMR.

Ia merupakan salah satu aktiviti lanjutan

daripada majlis-majlis yang telah diadakan sebelum ini.

Memandangkan sambutan pegawai-pegawai dan kakitangan BMR sungguh menggalakkan maka aktiviti menderma darah dicadangkan dijadikan sebagai salah satu aktiviti tahunan sempena menyambut Hari Pen-

cegahan Rasuah Antarabangsa anjuran Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBBB) yang jatuh pada setiap 9 Disember.

Aktiviti seperti ini juga bagi menyahut seruan agar pegawai-pegawai kerajaan maju ke hadapan dan bersama-sama menderma darah.

Dinaikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Awang Abdul Hamid bin Abdullah, Penolong Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di Jabatan Kerja Raya dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di Jabatan Kerja Raya mulai 1 Februari 2007.



SESI taklimat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kepada penduduk-penduduk Mukim Ukong dan Rambai di Balai Purun, Tasek Merimbun, Tutong.

Penduduk Mukim Ukong dan Rambai ikuti taklimat imigresen

Berita dan Foto :
Ihsan Jabatan
Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 12 Mei.- Penduduk-penduduk Mukim Ukong dan Rambai berpeluang mengikuti penjelasan dan penerangan mengenai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), di samping kesedaran tentang pentingnya pendaftaran bagi setiap rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sesi taklimat dari JIPK itu diadakan di Balai Purun, Tasek Merimbun, di sini.

Taklimat tersebut juga merupakan susulan daripada lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke Mukim Ukong pada 7 April lepas serta Perjumpaan Ahli-ahli Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan



SEBAHAGIAN penduduk Mukim Ukong dan Rambai yang mengikuti taklimat Jabatan Imigresen dan pendaftaran kebangsaan.

Kampung (MPMK) bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua rumah panjang Daerah Tutong yang telah diadakan di sini pada 10 April lepas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah disusuli ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin.

Acara diteruskan de-

ngan taklimat ringkas mengenai fungsi dan peranan JIPK oleh pegawai-pegawai di JIPK, Awang Haji Mokhsin bin Haji Ahmad dan Awang Haji Saiful Azmi bin Haji Sulaiman.

Satu sesi perbincangan dan soal jawab juga diadakan di antara Ahli-ahli MPMK bagi Mukim Ukong dan Rambai Daerah Tutong dengan pihak JIPK.

Juga hadir Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haris bin Othman; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd. Taha yang juga selaku Penghulu Mukim Keriam, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Mukim Rambai dan Ukong serta Ahli-ahli MPMK dan para Penduduk Mukim Ukong dan Rambai.

PENDIDIKAN

Menteri Pendidikan lawat dua buah sekolah rendah

BRUNEI MUARA, Khamis, 17 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman meneruskan siri lawatan kerja di kedua-dua buah sekolah rendah kerajaan di Daerah Brunei dan Muara.

Lawatan Yang Berhormat ke Sekolah Rendah Haji Mohd. Jaafar Maun, Kampong Kiulap diberikan taklimat oleh Cikgu Dayang Hajah Halina binti Haji Minudin, Guru Kanan Pentadbiran mewakili Guru Besar sekolah tersebut.

Dalam taklimat itu, Yang Berhormat diberikan penerangan mengenai latar belakang sekolah yang dibina dalam tahun 1964 dan pada masa ini menampung 253 orang pelajar dengan tenaga pengajar seramai 21 orang.

Yang Berhormat juga dimaklumkan mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah selain usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk menjadikan sekolah sekolah

tersebut lebih kondusif.

Lawatan tersebut juga memberi peluang Yang Berhormat melihat secara dekat aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid di bilik-bilik darjah dan bilik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menteri Pendidikan juga dibawa melihat ke persekitaran kawasan sekolah dan diberikan penghormatan menanam sepohon pokok bunga untuk memperingati lawatan tersebut.

Yang Berhormat kemudian meneruskan lawatan ke Sekolah Rendah Pusu Ulak dan diberikan taklimat oleh Guru Besar, Cikgu Haji Sani bin Haji Metassan.

Dalam sesi taklimatnya, Cikgu Haji Sani memaklumkan mengenai pengurusan pentadbiran sekolah, pencapaian dan kemajuan murid-murid dalam pelajaran akademik dan peperiksaan awam, program-program memaju dan meningkatkan pelajaran akademik murid-murid serta penglibatan sekolah dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum sekolah.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman merasmikan sudut bacaan Sekolah Rendah Pusu Ulak.

Sementara itu dalam sesi soal jawab, Yang Berhormat merakamkan rasa gembira atas usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak sekolah terutama dalam meningkatkan pencapaian dan kemajuan murid di dalam peperiksaan.

Bagaimanapun, Yang Berhormat menekankan

bahawa selain daripada kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira), pihak sekolah juga perlu meningkatkan kemahiran berfikir di kalangan murid-murid.

Menurut Yang Berhormat, kemahiran berfikir tersebut amat penting dalam usaha melahirkan generasi yang bijak, berfikiran jauh

dan bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran semasa.

Yang Berhormat juga menyarankan agar kemahiran 3M diluaskan kepada kemahiran 3M+1 iaitu membaca, menulis dan mengira dan dikukuhkan dengan kemahiran berfikir.

Menteri Pendidikan juga



YANG Berhormat Menteri Pendidikan berinteraksi bersama seorang murid Sekolah Rendah Haji Mohd. Jaafar Maun, Kampong Kiulap.

dibawa melawat ke bilik-bilik darjah dan berinteraksi dengan guru-guru dan murid-murid.

Di akhir lawatan Yang Berhormat diberikan penghormatan merasmikan Sudut Bacaan Sekolah Rendah Pusu Ulak terletak berdekatan Bilik Perpustakaan sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Pusu Ulak dibina dalam tahun 1967 dan kini mempunyai keramaian murid berjumlah 507 orang.

Menyertai rombongan lawatan ini ialah Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan Kementerian Pendidikan.

Graduan ITB diharap beri sumbangan bermakna kepada negara

BERAKAS, Isnin, 21 Mei. - Para graduan Institut Teknologi Brunei (ITB) diharap akan sentiasa memberikan sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan dan kemakmuran negara khususnya dalam penyediaan sumber tenaga manusia yang cekap, berdaya saing dan dinamik di bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengurusan dan perdagangan.

Pengarah ITB, Dr. Haji Kassim bin Haji Daud menyatakan demikian dalam sembah alu-aluan selaku Pengerusi Majlis Konvokesyen ITB Ke-16, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Beliau berkata, berikutan jumlah memasuki pelajar ke institut berkenaan yang kian bertambah, pihak Kementerian Pendidikan telah pun menubuhkan satu pasukan petugas atau 'task force' untuk meneliti cara-cara meningkatkan kapasiti dan keupayaan ITB bagi menawarkan banyak lagi kursus-kursus baru dan menerima lebih ramai pelajar-pelajar baru menuntut di institut tersebut.

Hasil dari mesyuarat-mesyuarat yang diadakan hujung tahun lalu katanya, pasukan petugas itu telah berjaya mengusulkan satu program iaitu program HND dalam bidang Perkembangan Internet dan Multi Media untuk diperkenalkan dan insya-Allah program berkenaan akan mula ditawarkan pada sesi pengajian 2007 - 2009 bermula Ogos tahun ini.

Sementara itu jelasnya, dua lagi program baru iaitu program HND dalam bidang Kejuruteraan Rangkaian atau 'Network Engineering' dan HND dalam bidang Kejuruteraan Kuasa dan Kawalan Elektrik atau 'Engineering', juga dijangka akan ditawarkan bermula Januari tahun depan setelah segala keperluan bagi prasarana serta sumber pengajaran dan pembelajaran dapat disediakan.

Dr. Haji Kassim berkata, seperti tahun-tahun sebelumnya, sebilangan dari para graduan ITB diambil bekerja di syarikat-

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim

syarikat swasta dan juga mendapat tawaran dari institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah.

Tinjauan bagi graduan-graduan yang memasuki pasaran pekerjaan di tahun-tahun kebelakangan ini, jelas Pengarah ITB, menunjukkan peningkatan yang jelas bagi graduan-graduan yang memilih untuk bekerja dalam sektor swasta berbanding sektor awam iaitu meningkat dari 45 peratus bagi graduan-graduan pengambilan ke-18 kepada 58 peratus bagi graduan-graduan pengambilan ke-19.

Beliau berkata peningkatan itu adalah satu petanda yang menunjukkan bahawa kepercayaan majikan dalam sektor swasta kepada para graduan yang dikeluarkan oleh ITB adalah meningkat dari setahun ke setahun.



KOMANDAN Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel Haji Aminuddin Ihsan menyampaikan anugerah penghargaan kepada seorang anak anggota ABDB yang cemerlang dalam pelajaran.

UBD terima bahan pendidikan bahasa Korea

GADONG, Rabu, 15 Mei. - Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam (UBD) sekali lagi menerima sumbangan berupa sumber pendidikan bahasa Korea dari Kedutaan Besar Korea ke negara ini menyusuli dua sumbangan yang telah diterima oleh pusat tersebut sebelum ini.

Majlis penyampaian sumbangan berupa peralatan pengajaran bahasa Korea dan bahan terbitan dari Yayasan Korea kepada Pusat Bahasa dan Perpustakaan UBD merupakan sokongan Kedutaan Besar Korea kepada UBD untuk meluaskan lagi pengetahuan dan penyelidikan mengenai kebudayaan, ekonomi, sosial dan sejarah Korea.

Hadir menerima sumbangan yang disampaikan oleh Duta Besar Korea ke negara ini, Tuan Yang Terutama Hwang Won Kun talah Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Yayasan Korea menyumbangkan beberapa peralatan me-

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

ngajar dan buku termasuk peralatan pengenalan Korea sebanyak empat set selain peralatan dan penerbitan yang keseluruhannya sebanyak 172 buah diserahkan pada November 2006.

Sementara pada April 2007 sebanyak 440 sumbangan berupa peralatan dan terbitan juga disumbangkan oleh Yayasan Korea kepada Perpustakaan UBD, manakala beberapa sumbangan termasuk 64 peralatan dan bahan terbitan juga disampaikan kepada Pusat Bahasa pada Februari 2007.

Sumbangan terbaru itu menambahkan lagi koleksi terbitan di pusat berkenaan yang nantinya dapat dijadikan bahan rujukan oleh bakal graduan UBD dan kakitangannya.

Keputusan peperiksaan awam 2006 anak anggota ABDB meningkat

BERAKAS, Jumaat, 18 Mei. - Pencapaian keputusan peperiksaan awam 2006 kategori cemerlang dan penghargaan bagi anak-anak anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah meningkat dari seramai 43 orang tahun lepas kepada 56 orang tahun ini.

orang tahun ini.

Komandan Institut Latihan ABDB, Kolonel Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan perkara itu di Majlis Meraihan Anak-anak Cemerlang Sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-46 yang berlangsung di Dewan Pahlawan Berakas Garrison di sini.

Menurut Kolonel Haji Aminuddin Ihsan, pemilihan kategori pencapaian cemerlang dan penghargaan adalah berpandukan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Badan Pemilihan Anugerah Cemerlang dan Penghargaan Bagi Anak-anak Anggota ABDB.

"Semua keputusan yang diterima oleh Pejabat Pelajaran, Jabatanarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan telah ditapis dan diteliti untuk memastikan semua keputusan peperiksaan ditangani dengan sempurna dan adil," ujarnya.

Pada majlis itu Komandan Institut Latihan ABDB, menyeru kepada semua anak-anak anggota ABDB agar me-

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

numpukan perhatian yang lebih kepada persediaan menghadapi peperiksaan-peperiksaan yang mendatang demi untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

Kepada ibu bapa/penjaga katanya agar dapat meluangkan masa bersama anak-anak dan memata-matai hal pembelajaran anak-anak ketika di rumah, memberikan dorongan serta tunjuk ajar kepada anak-anak untuk berusaha lebih gigih lagi, di samping memberikan kepentingan ke-rohanian dengan mengarahkan anak-anak mengerjakan suruhan Allah.

Pada majlis itu juga Kolonel Haji Aminuddin Ihsan menyatakan dari tahun 2005, seramai 20 penuntut telah dianugerahkan dengan biasiswa Pemerintah Tertinggi dan Biasiswa ABDB dan baru-baru ini satu skim biasiswa khas telah diberikan kepada sepuluh orang penuntut-penuntut dari sekolah menengah Arab untuk melanjutkan pengajian mereka di Mesir.

Selepas itu tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian anugerah cemerlang/penghargaan kepada 65 orang anak anggota ABDB yang cemerlang dalam peperiksaan awam 2006 di peringkat 'A', 'O', Penilaian Menengah Bawah (PMB), Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Darjah 6 Ugama dan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB).

Hadiah bagi kategori 'penghargaan' yang berbentuk sijil dan wang tunai adalah hasil dari sumbangan Tabung Kebajikan ABDB, manakala hadiah bagi kategori 'cemerlang' yang berbentuk bawcer dan cenderahati adalah hasil dari sumbangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Majlis penghargaan yang diberikan itu adalah bertujuan untuk menghargai pencapaian cemerlang dan sebagai suntikan semangat agar anak-anak ini akan terus mencapai kecemerlangan dalam bidang pelajaran dan juga dalam apa jua pekerjaan yang akan mereka caburi di satu hari nanti.

Ulang Tahun ABDB Ke-46 penuh warna-warni



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menerima tabik hormat dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).
2. SEGAK dan kemas daripada anggota ABDB semasa baginda berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan raksasa.
3. BAGINDA berkenan memotong kek Hari Ulang Tahun ABDB Ke-46.
4. SALAH satu daripada aksi persembahan kawad senyap.
5. PERSEMBAHAN payung terjun oleh seorang penerjun payung ABDB.
6. KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke sambutan Hari Ulang Tahun Ke-46 penubuhan ABDB di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.
7. BAGINDA berkenan beramah mesra dengan seorang pemerintah angkatan tentera.
8. BAGINDA berkenan menerima pesambah.
9. ANGGOTA ABDB berbaris megah semasa acara perbarisan.
10. BEKAS perajurit sama-sama memeriahkan ulang tahun ABDB.



Oleh :
Hezlinawati Haji
Abd. Karim
Foto :
Jurugambar
Jabatan
Penerangan

BERAKAS, Khamis, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-46.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM yang juga Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga Jeneral ABDB Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan berangkat memeriksa Pasukan-pasukan perbarisan Raksasa dari semua unit di bawah ABDB.

Fasa pertama aturcara sambutan yang bertema 'Iltizam Memperkasa Pertahanan Negara', bermula dengan Pasukan-Pasukan Perbarisan dengan Panji-Panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Panji-panji Pasukan ABDB DYMM bergerak berjalan lalu dalam masa perlahan, cepat dan mara ke hadapan untuk diperhatikan semula.

Baginda kemudian menerima tabik hormat diraja dan serentak dengan itu disusuli dengan terbang lalu sepuluh buah pesawat helikopter Tentera Udara Diraja Brunei dan tiga kali laungan daulat dihadapan majlis baginda.

Baginda kemudiannya berkenan mengurniakan titah dan bagi memberkati



acara sambutan tersebut doa selamat dibacakan oleh Leftenan Kolonel (U) Haji Abdur Rahim bin Haji Abdul Karim.

Atur cara fasa kedua sambutan, baginda beserta kerabat diraja yang lain dijunjung menyaksikan persembahan arena ringkas yang dimulai dengan persembahan payung terjun dari udara, terdiri dari lapan orang anggota ABDB termasuk seorang anggota wanita yang membawa bersama bendera Negara Brunei Darussalam, bendera ABDB dan bendera unit-unit ABDB.

Disusuli selepas itu persembahan kawad senyap dan seni mempertahankan diri dari 200 orang anggota ABDB dan membentuk angka 46 sebagai simbol sambutan 46 tahun penubuhan ABDB.

ABDB yang ditubuhkan pada 31 Mei 1961 yang lalu dikenali dengan Askar Melayu Brunei dan selepas itu pula Askar Melayu Diraja Brunei dan apabila negara mencapai kemerdekaan dikenali dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan mempunyai unit Angkatan Tentera Darat, Angkatan Tentera Laut, Angkatan Tentera Udara, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata dan Institut Latihan ABDB.

Suasana sambutan dimeriahkan lagi dengan persembahan lagu 'Pahlawan Bangsa' oleh semua warga ABDB dan kepulan asap berwarna-warni di penjuru stadium.

Sejurus selepas persembahan arena, baginda dijunjung berangkat ke ruang Istirehat Diraja bagi acara memotong kek Hari Ulang Tahun ABDB ke-46. Di majlis itu, baginda dan DYT menerima pesambah dan menerima junjung ziarah dari wakil-wakil pemerintah angkatan tentera luar negeri yang diundang, bekas pemerintah dan pegawai-pegawai kanan ABDB yang bersara dan menandatangani lambaran keberangkatan serta sesi bergambar ramai.



BRIDEX buka peluang industri pertahanan



Liputan :
Dk. Fatimah Pg. Haji Md. Noor
 fatimah.noor@information.gov.bn
Bolhassan Haji Abu Bakar
 bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Foto :
Jurugambar Jabatan Penerangan



BERAKAS, Khamis, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat bagi merasmikan pembukaan Pameran dan Forum Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX) 2007.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Pusat Persidangan Antarabangsa diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Jeneral ABDB, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Mustappa serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Di majlis pembukaan itu, Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan pelancaran Kertas Dasar Pertahanan (Defence White Paper) yang memfokuskan Rancangan Peningkatan Perkembangan Keupayaan ABDB seterusnya berkenan menyaksikan pameran.

BRIDEX 2007 merupakan salah satu pameran industri pertahanan yang memperlihatkan peralatan-peralatan ketenteraan terkini dan sofistikated yang disertai oleh 108 buah syarikat di kawasan Asia Tenggara dan perusahaan terkemuka di dunia termasuk Australia, Austria, Kanada, China, Perancis, China, Jerman, Republik Indonesia, Itali, Pakistan, Poland, Portugal, Republik Singapura, Sweden, United Kingdom, Amerika Syarikat dan beberapa syarikat tempatan negara ini.

Pameran yang bermula pada 31 Mei hingga 3 Jun lepas di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini telah menarik perhatian baginda yang telah mempamerkan industri persenjataan dengan teknologi terkini bagi kegunaan kepentingan pertahanan sama ada di udara, laut dan darat, sambil baginda disebarkan taklimat ringkas oleh wakil-wakil syarikat-syarikat pembekal mengenai peralatan-peralatan canggih berkenaan.

Dalam sesi pertama Forum pada BRIDEX 2007 bermula hari ini dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

Dalam beberapa ceramah yang dibentangkan di Dewan Utama telah memfokuskan tema forum sesi pertama iaitu Program Penggalak Ekonomi.

Kertas kerja yang disampaikan oleh Ketua Perkhidmatan Ekspert Pertahanan, Kementerian Pertahanan United Kingdom, Alan Garwood mengetengahkan tajuk 'Industri dan Kerajaan - Bekerjasama Untuk Menyumbang Keupayaan Pertahanan' yang juga menekankan mengenai Strategi Industri Pertahanan (DIS) dan nilai pertahanan untuk perolehan yang menjadi kumpulan nilai utama yang dibina berdasarkan Misi



Pertahanan bagi membentuk sikap semua yang terlibat dalam perolehan termasuk menteri, pelanggan, masyarakat, kumpulan projek dan rakan kongsi sektor swasta.

Selain itu, beliau menyarankan strategi

teknologi pertahanan yang menjadi penerbitan terbuka pertama yang membolehkan Kementerian Pertahanan dan industri merancang pelaburan dalam penyelidikan dan kemajuan secara wajar.

1. **KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda 'Haji Al-Muhtadee Billah selaku Jeneral ABDB, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen bergambar kenangan dengan Ahli Jawatankuasa Penyelenggara dan para peserta Pameran dan Forum Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX) 2007 di hadapan Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).
2. **KDYMM** ketika merasmikan pembukaan Pameran dan Forum Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX) 2007 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).
3. **SEBAGAI** tanda kenangan, baginda berkenan menerima pesambah daripada ahli-ahli jawatankuasa penyelenggara BRIDEX 2007 yang disebarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Mustappa bin Haji Sirat.
4. **BAGINDA** ketika berkenan mencuba jentera ketenteraan.
5. **BAGINDA** berkenan menyempurnakan pelancaran Kertas Dasar Pertahanan (Defence White Paper) yang memfokuskan Rancangan Peningkatan Perkembangan Keupayaan ABDB.
6. **DYTM** mendengar sembah taklimat ketenteraan.
7. **YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika menyaksikan pameran.
8. **BAGINDA** berkenan menandatangani lembaran keberangkatan lawatan BRIDEX 2007.
9. **PELBAGAI** pameran yang menunjukkan kecanggihan terkini termasuk model sebuah helikopter juga menarik perhatian baginda dan DYTM.



Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

MAJLIS ini terkandung dalam istilah majlis ilmu, kerana adanya buku-buku terbitan Pusat Da'wah Islamiyah akan dilancarkan, buku-buku itu mengandungi ilmu dan ia menyumbang kepada perbendaharaan perpustakaan kita di Brunei, buku-buku itu dapat dimanfaatkan bagi menambah ilmu pengetahuan serta boleh dijadikan bahan berfikir untuk mencari kebenaran yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis ini juga dapat membantu kita untuk menikmati santapan rohani melalui bacaan syair dan lagu-lagu puisi serta deklamasi sajak. Syair dan puisi ialah hasil seni yang boleh menyentuh rasa dan mengharukan perasaan melalui susunan kata-kata dan alunan suara pembacanya, maka terasalah oleh kita akan keindahannya. Di samping itu syair dan puisi itu mengandungi nasihat dan pengajaran, menurut Kitab Al-Aghani karangan Abu Al-Farj Al-Asfahani, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum diangkat menjadi Rasul selalu pergi ke Pasar Ukaz untuk mendengar syair kerana Pasar Ukaz itu tempat para penyair mendeklamasikan hasil karya mereka.

Mengenai dengan syair itu pula, Imam Bukhari dan Imam Abu Daud ada meriwayatkan dalam hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

إِنَّ مِنَ الشَّعْرِ لِحِكْمَةٌ

"Sesungguhnya sebahagian daripada syair itu mengandungi hikmat." (Hadis riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Perjuangan di zaman Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sahaja di medan perang dengan menggunakan senjata, bahkan sebahagian pejuang-pejuang itu terdiri dari para penyair di medan sastera, mereka mempertahankan kebenaran ajaran Islam dan mereka mendakwahkan ajaran-ajaran Islam. Di antara para penyair yang terkenal yang berjuang bersama-sama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah Hasan bin Thabit, Abdullah bin Ruwahah, Ka'ab bin Zuhair, Ka'ab bin Malik dan lain-lain.

Sebenarnya golongan penyair mendapat tempat dalam Al-Qur'an sehingga kita dapati bahawa salah satu surah dalam Al-Qur'an itu dinamakan sebagai Surah 'Asy-Syu'araa' yang bermakna 'golongan para penyair'. Golongan penyair itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat 227 dalam Surah As-Syu'araa' itu mempunyai ciri-ciri tertentu.

Menurut Adi Rumi, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syu'araa' menegaskan bahawa sasterawan yang baik, yang terpuji, yang mendapat keredaan Allah iaitu sasterawan yang menghasilkan karya yang mengandungi unsur-unsur kebaikan dan kebenaran yang dicipta oleh penyair yang beriman dan beramal soleh. Unsur-unsur kebaikan dan kebenaran itu terkandunglah di dalamnya:

- Kebesaran dan Kekuasaan Allah
- Kebenaran Rasulullah dari risalahnya
- Kebenaran Islam
- Tentang jihad
- Amar makruf dan nahi mungkar.

Hasil-hasil karya itu semuanya menuju ke arah matlamat memperkukuhkan keimanan, ketakwaan dan amal saleh yang membimbing dan mendidik manusia supaya berpegang teguh kepada akhlak yang mulia, bersama-sama menegakkan amar makruf dan menjauhi kemungkaran. Demikian pendapat Adi Rumi.

Inilah di antara gambaran para penyair yang berjuang di jalan Allah, hasil karya mereka menuju ke



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin di Majlis Malam Puisi Islam, pada hari Rabu 7 Mac 2007 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

arah gambaran hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

إِنَّ مِنَ الشَّعْرِ لِحِكْمَةٌ

"Sesungguhnya sebahagian daripada syair itu mengandungi hikmat." (Hadis riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Dalam kesempatan ini, bersempena dengan Majlis Puisi Islam pada malam ini, saya ingin menyeru supaya para penyair di Brunei ini lebih bergiat pada menghasilkan puisi-puisi yang mendukung maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 227 Surah Asy-Syu'araa' itu hasil sastera yang berafaskan ajaran Islam merupakan amal soleh dan membantu ke arah dakwah islamiah, Allah yang Maha Tabu akan ganjarannya.

Suburkanlah sastera yang berafaskan ajaran-ajaran Islam di bumi Brunei ini, di samping menghasilkan sastera yang mendukung tema cintakan tanah air, taat kepada raja, patuh kepada agama, membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan kebenaran serta mendukung amar makruf nahi mungkar demi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

HALUAN

Syair, puisi mengandungi nasihat dan pengajaran

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan mereka yang menyertai Peraduan Penulisan Seni Kreatif, sebenarnya mereka itu menggunakan keindahan dalam penulisan seni kreatif mereka sebagai alat untuk berdakwah dan memperjuangkan Islam. Semoga Allah memberkati kita semua dan memberkati majlis ini.

SALAM SEJAHTERA

Seruan suci dari menara salam untuk benua,
bercahaya menerangi hati menyuluh budi,
simfoni Gua Hira beragama tiada paksaan,
sayangilah nyawa akal harta turunan insan.

Dari tanah Hijaz merdunya simfoni tauhid ketuhanan,
dari Yathrib salam sejahtera fitrah kemanusiaan,
gemanya keseluruhan benua menyembah Allahu akbar,
kafilah berangkat misi suci dakwah tersebar.

Dari Baghdad budaya ilmu menembusi kegelapan,
darul hikmah ruak Azhar masjid Qurtubah,
warisan ilmu berpasakkan wahyu Firdaus menanti,
terlanjur rasa tercanai minda purnamalah hati.

Suatu zaman sanyum menguntum aman sejagat,
sinar wahyu awan rahmat bahagia umat,
saling mengenal hidup harmoni rakan tetangga,
sakitmu sakitku berpatutan sama terasa.
Kirimlah merpati bertangkai padi keliling benua,
tiada permusuhan tiada keganasan senyum berbunga,
wahyu menderu angin damai berigakan bersama,
simfoni merdu dari menara salam untuk benua.

BUKTIKAN KEHADIRAN

Tamsil tersirat berjerumut perjalanan malam,
para nabi menunggu di Masjidil Aqsa khatamil anbia
masjid sejarah pertempuran risalah samawi,
bumi dan langit harum jejak Baginda menghadap ilahi.

Perjalanan menjunjung ketenangan santapan jiwa,
satu kiblat ummah beribadat khusuk munajat,
hubungan suci sembahyang difardukan mencegah kemungkaran,
zikir tahmid mewangi ruang menyeri kehidupan.

Tarikan nafas iringi zikir tetap berakhir, sempadannya berzakh ke alam abadi yang dirindukan,
selagi bernafas dihormati berharta berbudi,
kita punya harga diri identiti sejati.

Al-Mukminin menyedari perbezaan iqtikad,
As-Salihin membangun kebaikan sejagat,
Al-Muttaqin menolak keganasan mengelak mudarat,
As-Siddiqin terpecah bukan 'Double Standard'.

Al-Muhsinin ikhlas berkebajikan sentiasa mengabdikan,
Al-Muqarrabin hanyalah Allah di sembah di taati,
Asy-Syakirin patut menjunjung rahmat ilahi,
Al-Muslimin membawa salam keamanan abadi.

Buktikan kehadiran ummah mengunjak sumbangan,
pada kemanusiaan, keamanan dan kemakmuran,
petunjuk wahyu angin segar wangi menyuburkan,
perjalanan malam adalah rahmat seluruh alam.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Rombongan China lawat Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mei. - Ahli Jawatankuasa Tetap Politik Biro Parti Komunis Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wu Guanzheng dan rombongan membuat lawatan ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja di ibu negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman dan Pemangku Pengarah Muzium-Mu-

Oleh : Maslina Awang Kurus

zium, Awang Bantong bin Antaran serta pegawai-pegawai Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Sepanjang lawatan itu, TYT dan rombongan telah diberikan penerangan mengenai galeri-galeri yang terdapat di bangunan tersebut yang sebahagian besarnya mempamerkan alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja yang diwarisi sejak zaman-berzaman sebagai lambang kebesaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Semasa lawatan, TYT dan rombongan diiringi oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah.

Antara yang dilawati oleh TYT dan rombongan termasuklah Galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja semasa Perpuspaan 1968, Galeri Pameran Diraja dan Galeri Pameran Jubli Perak.

Sebelum mengakhiri

lawatan TYT menandatangani buku lawatan sempena lawatan tersebut.

Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 30 September 1992.

Terdahulu dari itu, TYT dan rombongan juga dibawa melawat bagi menyusur di Sungai Brunei dan ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

ROMBONGAN dari Republik Rakyat China diberikan penerangan ringkas mengenai peralatan yang dipamerkan di salah satu dewan pameran di Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.

SIRI pertama ini memaparkan mengenai Republik Indonesia, salah sebuah negara pengasas ASEAN. Republik Indonesia dipimpin oleh Presiden dan wakil Presiden, manakala 27 wilayahnya masing-masing ditadbir oleh seorang gabenor. Jakarta, ibu negerinya kini mempunyai lebih dari 13 juta penduduk.

Republik Indonesia juga mempunyai 17 ribu buah pulau di mana lima pulau terbesar ialah Kalimantan, Sumatera, Irian Jaya, Sulawesi dan Jawa. Dengan keluasan 1,919,440 kilometer persegi Republik Indonesia mempunyai penduduk lebih 245 juta (anggaran tahun 2006) dengan jangka hayat 69.9 peratus dan 89 peratus celek huruf.

Republik Indonesia merupakan negara ketiga terbesar di Asia selepas Republik Rakyat China dan India dari segi kepadatan penduduk dan keluasan. Republik ini juga merupakan negara kelima paling ramai penduduk di dunia selepas China, India, Russia dan Amerika Syarikat. Terdapat pelbagai bahasa digunakan di negara itu antaranya bahasa Indonesia, Inggeris, Belanda, Jawa dan lebih dari 580 bahasa dan dialek lain.

Republik Indonesia merupakan negara yang mempunyai penduduk paling ramai beragama Islam di dunia di mana kira-kira 90 peratus penduduknya menganut agama Islam agama lain termasuklah Kristian, Buddha, Hindu, di samping anutan agama lain.

Sebagai salah sebuah anggota Pertubuhan Negara-Negara Pengesport Minyak (OPEC), hasil eksport dari minyak dan gas asli membantu menjana ekonominya, di samping peralatan elektrik, papan lapis, tekstil dan getah.

Republik Indonesia menggunakan nilai mata wang Rupiah Republik Indonesia. Antara industri yang terdapat di Indonesia selain minyak dan gas asli ialah tekstil, pakaian dan kasut, perlombongan, simen dan



Republik Indonesia pengasas ASEAN



Oleh:
Hezlinawati Haji
Abd. Karim

Siri Pertama

baja kimia, sementara hasil pertaniannya pula ialah beras, ubi kayu, kacang tanah dan getah, di samping ternakan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDN K) per kapita negara itu pula ialah AS\$3,100.

Selepas mencapai kemerdekaan dari Belanda dalam tahun 1949, Republik Indonesia berdepan dengan kadar kelahiran yang tinggi, produktiviti yang rendah dan buta huruf, namun sekarang keadaannya bertambah maju.

Republik Indonesia juga melaksanakan dasar 'transmigrasi' untuk menyelesaikan masalah kepadatan penduduk dengan memindahkan berjuta-juta rakyat dari Pulau Jawa ke pulau-pulau lain.

Perpaduan dan kestabilan semakin meningkat meskipun Republik Indonesia terjejas teruk oleh krisis kewangan yang melanda Asia beberapa tahun lepas.

Republik Indonesia turut dikenali sebagai kawasan bagi pelbagai tumbuhan, flora dan fauna yang mempesonakan, termasuk monyet paling kecil di dunia dan bunga yang terbesar, 'Rafflesia'.

Pelancong-pelancong datang untuk menikmati keindahan alam dan budayanya, di samping melihat kepelbagaian tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar seperti naga komodo gergasi dan badak sumbu Jawa, yang tidak

Mukadimah

AKHBAR PELITA BRUNEI menyiarkan semula kolom ASEAN secara bersebelang dua minggu sekali. Kolom ini dimulakan dengan memaparkan profil negara-negara anggota ASEAN selaras dengan matlamat integrasi ASEAN. Salah satu usaha mempercepatkan integrasi ASEAN ialah dengan merapatkan hubungan rakyat di kalangan negara-negara anggota selain mengenali geografi, sejarah, adat resam dan budaya masing-masing.

Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) merupakan sebuah organisasi serantau yang ditubuhkan pada tahun 1967 oleh Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, perkembangan sosial dan budaya, selain untuk mempromosikan kedamaian dan keselamatan di rantau Asia Tenggara.

Keanggotaan ASEAN bertambah dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam tahun 1984 diikuti Viet Nam pada tahun 1995, Laos dan Myanmar pada tahun 1997 dan Kemboja pada tahun 1999. Kini ASEAN dianggotai oleh sepuluh buah negara.

terdapat di tempat lain.

Sejak awal penglibatannya dalam ASEAN, Republik Indonesia telah diberi kepercayaan menjadi tuan rumah beberapa Sidang Kemuncak ASEAN iaitu Sidang Kemuncak ASEAN yang pertama pada tahun 1967, Sidang Kemuncak Tidak Rasmi yang pertama pada tahun 1996 dan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 pada tahun 2003.

Pada 3 Mei 2007, Republik Indonesia menerima penghargaan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), atas sumbangan negara itu bagi kesihatan masyarakat global dan penghargaan atas penglibatan Indonesia pada peringkat awal pengembangan Vaccine Vial Monitors - VVM (alat untuk memantau vaksin).

Seawal tahun 2006, prospek ekonomi Indonesia lebih positif. Pertumbuhan ekonomi berkembang hingga 5.1 peratus dalam tahun 2004 dan mencapai 5.6 peratus pada tahun 2005. Pertumbuhan ekonomi terutamanya dijana oleh keperluan dalam negeri (domestic consumption) berjumlah kira-kira tiga per empat dari hasil dalam negeri kasar Republik Indonesia.

KESIHATAN

Dua bilion penduduk dunia berisiko dijangkiti penyakit tibi

Berita dan Foto:

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Rabu, 16 Mei. - Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga ke hari ini seramai dua bilion penduduk dunia berisiko dijangkiti kuman Tibi, manakala lapan juta pembawa aktif kuman berkenaan dan dua juta lagi meninggal dunia dalam masa setahun.

Sementara itu statistik Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam mencatatkan sebanyak 162 kes penyakit Tibi berlaku di negara ini pada tahun 2005 dan angka tersebut telah meningkat pada tahun lalu sebanyak 201 kes.

Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Belait, Dr. Sudhir Kamble menyatakan demikian semasa menyampaikan taklimat tentang penyakit

Tibi bagaimana cara atau kaedah jangkitan, pencegahan dan rawatan penyakit tersebut.

Taklimat bagi guru-guru besar dan penolong guru besar serta guru-guru dari 32 buah sekolah kerajaan dan bukan kerajaan



PEGAWAI-PEGAWAI kanan jabatan berkenaan serta guru-guru besar dan guru-guru dari sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan ketika mendengar taklimat.

Daerah Belait diadakan di Pejabat Kesihatan di sini. Hadir sama di taklimat itu ialah pegawai-pegawai kanan pejabat berkenaan.

Sementara itu pesakit lingkungan umur 21 hingga 30 tahun merupakan yang tertinggi dicatatkan

tahun lalu dengan jumlah 40 kes, manakala hampir 40 kes mereka yang berumur antara 31 hingga 50 tahun.

Menurut Dr. Sudhir penyakit Tibi atau batuk kering merupakan penyakit berjangkit disebabkan oleh

kuman 'Tubercle Bacillus' dan ianya sering menyerang paru-paru atau mana-mana bahagian tubuh badan.

Penyakit tersebut katanya boleh berjangkit melalui titisan air liur apabila bercakap, batuk atau bersin. Ianya boleh dicegah dengan mendapatkan suntikan BCG sejurus selepas lahir oleh itu semua anak damit yang baru lahir mesti disuntik dengan BCG dan pada umumnya penyakit tersebut boleh dicegah dengan menjaga kesihatan badan melalui pemakanan yang seimbang, kebersihan diri, bersenam dan sihat yang cukup.

Selain itu katanya perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan asasi di seluruh dunia menggunakan Pemeliharaan Rawatan Rapi (DOTS) untuk mengesan



PEGAWAI Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Belait, Dr. Sudhir Kamble.

dan merawat pesakit-pesakit Tibi dengan memastikan pesakit terabit memakan setiap dos ubat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

"Jika awda mengalami batuk yang berpanjangan melebihi dua minggu disarankan supaya berjumpa doktor, elakkan tempat yang sesak, amalkan cara

hidup sihat, buka tingkap pada waktu siang bagi membolehkan peredaran udara yang sempurna dan biarkan kediaman dimasuki cahaya matahari sebanyak mungkin kerana ia dapat membunuh kuman Tibi yang terapan di udara," nasihat Dr. Sudhir.

Taklimat sempena sambutan Hari Tibi Sedunia yang diraikan 24 Mac setiap tahun dan penyakit tersebut mula dikesan pada tahun 1882. Taklimat bertujuan memberi informasi tentang penyakit tersebut kepada pihak sekolah dan orang ramai. Selain itu mini pameran juga diadakan di ruang legar pejabat berkenaan bagi memberi pendekatan dan menyampaikan maklumat lanjut dengan lebih berkesan.

BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP BERADAT ABDB



BERAKAS, Sabtu, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Beradat Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-46 ABDB yang berlangsung di Mes Pegawai Berakas Garisyon di sini.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Jeneral ABDB.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia di Mes Pegawai Berakas Garisyon dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan DYT, Lagu Kebangsaan dimainkan dan selepas itu diikuti dengan sesi bergambar ramai dan kemudiannya beramah mesra bersama Pemerintah-pe-

merintah Tentera dan Komandan-komandan pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai ABDB.

Seterusnya Kebawah DYMM dan DYT berkenan beredar ke Dewan Santap bagi Majlis Makan Beradat diiringi dengan persembahan dari Pasukan Pancaragam Serunai dan Tambur ABDB.

Majlis diadakan untuk meraikan tetamu kehormat selain mengekalkan tradisi Makan Malam Beradat ABDB dan ini merupakan saat bersejarah dan penghormatan kepada ABDB dengan keberangkatan Kebawah DYMM dan DYT.

Majlis pada malam itu diserikan dengan persembahan muzik oleh Pasukan Pancaragam Serunai dan Tambur ABDB.

Kebawah DYMM juga berkenan memimpin Pasukan Pancaragam ABDB dan diikuti oleh DYT mencuba kebolehan me-

mimpin Pasukan Pancaragam ABDB.

Seterusnya Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi juga berpeluang mengendalikan Pancaragam ABDB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan DYT berkenan menerima junjung ziarah dari-

para pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Kebawah DYMM dan DYT seterusnya berkenan menandatangani lembaran kenangan keberangkatan diraja sempena Majlis Makan Malam Beradat.

Majlis Makan Malam Beradat dianjurkan oleh ABDB sempena memperingati ulang tahun penubuhannya setiap tahun.

ABDB ditubuhkan pada tahun 1961 dengan tanggungjawab untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
Foto : Halim Haji Sulaiman, Masri Osman,
Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Jeneral ABDB berdiri semasa Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan.
2. BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia ketika merakamkan gambar kenang-kenangan sempena keberangkatan ke Majlis Santap Beradat ABDB Ke-46.
3. BAGINDA dan DYT ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai ABDB di Majlis Santap Beradat ABDB Ke-46 di Berakas Garisyon.
4. BAGINDA ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Beradat ABDB Ke-46.
5. BAGINDA dan DYT ketika berkenan beramah mesra sejurus selepas Majlis Santap Beradat ABDB Ke-46.
6. BAGINDA ketika berkenan memimpin Pasukan Pancaragam ABDB.
7. BAGINDA dan DYT ketika berkenan menyaksikan persembahan daripada Pasukan Pancaragam ABDB sejurus selepas Majlis Santap Beradat ABDB Ke-46.
8. DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Beradat ABDB Ke-46.
9. DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan memimpin Pasukan Pancaragam ABDB.



Foto: Haji Sahrin Haji Amat.

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bergambar ramai bersama para pegawai dan anggota ABDB yang menerima pingat.

Pegawai, anggota ABDB dikurniakan Pingat Kerja Lama, Perangai Baik

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

RIMBA, Selasa, 7 Mei. - Atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 216 orang pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dikurniakan Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik (Tentera).

Upacara Penyampaian Pingat Sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-46 telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Dari jumlah tersebut, seramai 33 orang pegawai dan lain-lain peringkat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) menerima pingat-pingat di upacara yang ber-

langsung di Padang Kawad Pangkalan TUDB di sini.

Sementara itu, upacara yang serupa juga telah diadakan pada 3 Mei 2007 bagi seramai 61 orang penerima yang berlangsung di Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) di Berakas Garrison.

Manakala seramai 21 orang pegawai dan anggota ABDB telah menerima pingat-pingat tersebut di upacara yang berlangsung pada 7 Mei 2007 di Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) di Muara.

Seramai 84 orang penerima dari Perkhidmatan Bantu ABDB dan 18 orang penerima dari Institut Latihan ABDB akan menerima pingat-pingat mereka dalam upacara yang akan berlangsung pada 14 dan 15 Mei 2007.

Sebagai institusi pertahanan negara, pingat-pingat ini merupakan satu penghormatan yang sangat besar artinya kepada warga ABDB yang benar-benar layak menerimanya dan berkhidmat dengan ABDB dengan penuh dedikasi dan kebanggaan.

Sebelum seorang anggota tentera tersebut layak untuk disokong untuk menerima pingat, beberapa kriteria mestilah dahulu dipenuhi seperti mereka mestilah berkhidmat dengan ABDB tidak kurang daripada 18 tahun, tidak pernah dihukum penjara, tidak pernah diturunkan pangkat disebabkan masalah disiplin, tidak pernah dihukum dengan pemotongan gaji lebih dari tujuh hari dan mereka tidak pernah dihukum dengan 'amaran keras'.



PANGLIMA Tentera Laut Pakistan, Tuan Yang Terutama Laksamana Muhammad Afzal Tahir memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri daripada anggota Tentera Laut Diraja Brunei.

Kukuhkan hubungan bidang ketenteraan

MUARA, Khamis, 10 Mei. - Hubungan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan khususnya dalam bidang ketenteraan terus diperkukuhkan dengan adanya lawatan pegawai-pegawai tentera antara kedua-dua buah negara.

Sehubungan itu, Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kolonel (L) Dato Paduka Awang Haji Joharie bin Haji Matussin telah menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Laut Pakistan, Tuan Yang Terutama Laksamana Muhammad Afzal Tahir di Markas TLDB di sini.

Sejurus ketibaannya di Markas TLDB, Panglima Tentera Laut Pakistan telah menerima tabik hormat dari anggota TLDB dan seterusnya diberikan taklimat ringkas mengenai struktur dan organisasi TLDB.

TLDB bertanggungjawab bagi mengawal, menjaga dan meronda perairan Negara Brunei Darussalam.

Bagi melaksanakan tanggungjawab, unit itu dilengkapi dengan antara lain kapal-kapal ronda dan kapal perang laju yang dilengkapi dengan sistem peluru berpandu dan senjata penangkis kapal terbang dan sasaran darat.

TYT Laksamana Muhammad Afzal bersama rombongan tiba di negara ini pada 9 Mei bagi mengadakan lawatan rasmi empat hari.

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

bolhassan.abubakar@information.gov.bn

PERTANDINGAN BERCUCUL BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

JABATAN Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kerja Raya seperti di tahun-tahun lepas mengendalikan Pertandingan Bercucul Rumah-rumah Kampung Ayer dan di Darat, Bangunan Swasta serta Pintu-pintu Gerbang bagi Daerah Brunei dan Muara sebagai salah satu acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 bagi tahun 2007.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kerja Raya memaklumkan kepada orang ramai yang berminat untuk menyertai acara ini supaya akan dapat mengambil borang penyertaan di tempat-tempat berikut:

PERTANDINGAN BERCUCUL BAGI RUMAH-RUMAH KAMPONG AYER/DARAT DAN BANGUNAN SWASTA

1. Unit Perhubungan Awam Bahagian Pentadbiran Tingkat 3, Ibu Pejabat Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik & Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.
2. Dayang Rosnah binti Awang Besar Bahagian Pembayaran (Ledger Section), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Bandar Seri Begawan.

3. Awang Hairul Hassmira bin Rosli, Awang Mataram bin Haji Musa Cawangan Elektrik, Muara.
4. Awang Haji Khairul Hasni bin Haji Md. Hassan Cawangan Elektrik, Sengkuring.
5. Pejabat Daerah Brunei dan Muara (melalui Penghulu-Penghulu dan Ketua-ketua Kampung).

PERTANDINGAN PINTU-PINTU GERBANG

Setiasaha Peraduan Pintu Gerbang Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Bahagian Pengurusan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan.

Tarikh penerimaan akhir borang-borang ialah pada hari **Isnin, 2 Julai 2007 jam 4.00 petang**. Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan ini bolehlah berhubung terus kepada:

* Setiausaha Pertandingan Bercucul bagi Rumah-rumah Kampung Ayer, Darat dan Bangunan Swasta, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, No. Telefon: **2382090** sambungan **422/433/468**.

* Setiausaha Peraduan Pintu Gerbang, Jabatan Kerja Raya, No. Telefon: **2382920** sambungan **260** dan **253**.

Skop kerja, bidang tugas penyelamat semakin luas

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

BERIBI, Khamis, 17 Mei. - Sesuai dengan kehendak dan cabaran semasa perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) pada masa kini menyaksikan perluasan skop kerja dan bidang tugas JBP.

JBP bukan sahaja bertanggungjawab 'memadam kebakaran' tetapi juga menjalankan pelbagai kerja 'menyelamat' seperti menyelamatkan kemalangan di jalan raya, menyelamatkan kebocoran kimia, menyelamatkan di kawasan daratan dan kawasan perairan, tanah serta bangunan runtuh dan sebagainya.

Perkara ini dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman di Majlis Hari Pemerintah yang diselenggarakan dengan penyerahan dan penyampaian anugerah cemerlang, sijil-sijil yang menyampaikan derma kebajikan kepada pegawai-

pegawai, anggota-anggota dan kakitangan JBP Cawangan Operasi 'A' Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Seri Begawan, Muara dan Beribi.

Tambahnya lagi, sesuai dengan peredaran masa, jabatan itu telah merangka perancangan rapi bertujuan memberikan perkhidmatan yang mantap sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Strategik JBP 2005 - 2015.

"Saya percaya dan berkeyakinan, profesionalisme sesebuah organisasi selain diukur dari struktur organisasi, sumber jentera dan peralatan, juga terpenting dapat dinilai melalui sumber tenaga manusia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran," ujarnya.

Ini jelasnya, sejajar dengan usaha jabatan tersebut yang telah berjaya menghantar pegawai-peg-

wai dan anggota bomba bagi mengikuti program latihan, kursus, seminar dan bengkel di luar negeri dan dalam negeri untuk memantapkan lagi mutu perkhidmatan, pengetahuan dan kemahiran dalam menangani apa jua situasi kecemasan dan bencana, di samping memeduli akan kebajikan anggota bomba dan penyelamat dari semasa ke semasa.

Di samping itu juga, beliau berharap setiap anggota bomba menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih fokus atau berorientasikan kepada tugas dengan nawaitu dan keikhlasan jiwa bukan hanya semata-mata melaksanakan tugas sebagai mana yang diarahkan atau berasaskan 'Manual Prosedur Kerja (MPK), Standard Operational Procedure (SOP)' dan sebagainya.

Hari pemerintah merupakan perhimpunan bagi penyatuan warga JBP beramah mesra di antara pemerintah dengan anggota bomba dan kakitangan.

Sebanyak empat Anugerah Contoh Cawangan Operasi 2006 disampaikan di mana Anugerah Pasukan Contoh dimenangi oleh Pasukan 'C' Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Seri Begawan; Anugerah Anggota Bomba Contoh dianugerahkan kepada ASO Metassim bin Metassan; Anugerah Anggota Bomba Kreatif kepada DSO Haji Saman bin Haji Saidin, manakala Anugerah Tataterib Anggota Bomba Terbaik, Awang Sahrin bin Haji Ismail.

Majlis juga diselenggarakan dengan pembukaan rasmi perpustakaan mini Cawangan Operasi 'A'.

Warga Indonesia dituduh rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Mei. - Seorang warganegara Indonesia, Setiawan telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas pertuduhan di bawah Seksyen 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah dan Seksyen 15 (1) Akta Imigresen.

Dalam kedua-dua pertuduhan tersebut, tertuduh

didakwa bahawa pada 27 Mei 2007, di Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah, Negara Brunei Darussalam telah memberi wang suap sebanyak BND\$100.00 (Satu Ratus Ringgit) kepada seorang Pegawai Imigresen sebagai dorongan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas kesalahan yang bercanggah di bawah Akta Imigresen.

Siasatan lanjut juga mendapati bahawa tertuduh telah menetap di Negara Brunei Darussalam secara tidak sah di antara 15 Mei hingga 27 Mei 2007, memandangkan Pas Melawat yang dikeluarkan terdahulu telah mansuh pada 14 Mei 2007.

Semasa dihadapkan di mahkamah, tertuduh me-

ngaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut.

Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman enam bulan penjara bagi kesalahan pertama dan sembilan bulan penjara bagi kesalahan kedua berkuatkuasa hari ini secara berasingan, manakala jumlah wang yang terbabit dan pasport telah dirampas.

69 lukisan dipamerkan di MTM

JALAN KOTA BATU, Selasa, 15 Mei. - Sebanyak 69 buah lukisan daripada 412 penyertaan bagi Peraduan Seni Lukis Sempena Hari Kebangsaan Ke-23 Tahun 2007 dipamerkan di Muzium Teknologi Melayu (MTM).

Perasmian pameran dan penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Sebanyak dua kategori dibukakan iaitu kategori 'A' bagi penuntut-penuntut sekolah menengah dan vokasional, manakala kategori 'B' bagi penuntut sekolah rendah.

Pemenang pertama kategori 'A' dijuarai oleh Awang Hariff Nabillah bin Sayong dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang menerima sijil penyertaan dan wang tunai \$800.00.

Sementara di tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan masing-masing dimenangi oleh Dayang Nasreen Shaminimi binti Dato Paduka Haji

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

Mohammad Murad menerima sijil penyertaan dan wang tunai \$600.00 dan Dayang Siti Maziyyah binti Haji Haris menerima sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak \$400.00.

Dalam kategori ini juga sebanyak lima peserta menerima hadiah saguhati wang tunai bernilai hadiah \$200.00.

Dalam kategori 'B' juara disandang oleh Dayangku Nurul Syazwina binti Pengiran Mohd. Roslan dari Sekolah Nusa Laila Puteri Kampong Sungai Buluh yang menerima wang tunai \$500.00; Lee Hui Wen @ Yvonne Lee dari Sekolah Chuang Hwa, Bandar Seri Begawan di tempat kedua menerima \$300.00 dan tempat ketiga disandang oleh Poh Gin Kit dari Sekolah Chung Ching, Seria yang menerima \$100.00.

Lima peserta dalam kategori ini juga menerima hadiah saguhati berupa wang tunai \$50.00.

Pihak penganjur telah menerima 105 penyertaan bagi

penyertaan dalam kategori 'A' dari 21 buah sekolah menengah dan 307 penyertaan bagi kategori 'B' dari 36 buah sekolah rendah seluruh negara.

Peraduan tersebut merupakan kesinambungan dari peraduan seni lukis sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-60 tahun yang telah diadakan pada bulan Julai 2006.

Perancangan bagi mengadakan peraduan seni lukis ini adalah berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan dari penuntut selain kualiti hasil kerja yang begitu memberangsangkan.

Kali ini pengelola peraduan telah memilih tema: 'Infrastruktur Pembangunan Negara' yang menggambarkan suasana pembangunan negara.

Objektif pameran dan peraduan lukisan antara lain

bertujuan bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-23 serta memberikan kesedaran kepada generasi baru terhadap pembangunan bangsa dan negara sejak mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk memperluaskan minda dan pemikiran penggiat seni tanah air terutama sekali pelukis-pelukis muda yang berbakat, di samping membimbing mereka untuk lebih memahami kepentingan pemilihan elemen yang tepat sebagai sumber kreativiti selain sebagai landasan bagi para pelukis muda meningkatkan kebolehan dalam menonjolkan bakat dan kemampuan masing-masing dalam meniti arus alaf baru.

Pameran dibuka untuk kunjungan orang ramai sehingga 14 Jun ini.



Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang.

Projek kemajuan Daerah Belait dibentangkan dalam mesyuarat

KUALA BELAIT, Khamis, 17 Mei. - Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Daerah Belait sedang merancang usaha membangunkan Daerah Belait sebagai bandar kedua selepas Bandar Seri Begawan.

Perkara tersebut menjadi agenda utama Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Daerah Belait melibatkan jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta. Mesyuarat bertempat di Dewan Raya, Jabatan Daerah Belait dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman.

Selain berkongsi buah fikiran dan membincang-

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

sukan dan riadah bagi kepentingan orang ramai seperti membina padang permainan krekit.

Selain itu mesyuarat juga memfokuskan kemudahan awam dan kesihatan antaranya penubuhan E-Mukim yang akan ditempatkan di Pasarnika Seria, projek pembinaan Pusat Rawatan bagi pesakit buah pinggang, pengubahsuaian beberapa blok bangunan Hospital Suri Seri Begawan serta projek Pejabat Hal Ehwal Ujama bagi membesarkan masjid dan membaiki tandas masjid terutama tandas Masjid Sungai Liang dan Sungai Teraban serta projek sara diri yang akan dikendalikan oleh Pejabat Da'wah, di samping penempatan

Pada mesyuarat itu juga turut dibincangkan acara jabatan yang akan dimasukkan dalam kalendar acara peringkat daerah antaranya Forum Khas Mengenai Bahasa yang akan dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan karnival amal yang dijangka diadakan selama dua hari bermula 23 Jun ini bagi mengutip Tabung Amal Daerah Belait untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan dan kurang upaya. Di mesyuarat itu juga diumumkan penukaran nama Dewan Raya Jabatan Daerah kepada Dewan Kiadah.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Daerah Belait.

TPOR Kementerian Pembangunan terus ditingkatkan



Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menjelaskan perkara tersebut ketika berucap di Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pembangunan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 9 Mei. - Kementerian Pembangunan akan terus melaksanakan usaha bagi meningkatkan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) supaya sentiasa 'update' dan proaktif.

Ke arah itu Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) boleh membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti dalam semua segi perkhidmatan termasuk pengurusan kewangan dan tenaga manusia.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menjelaskan perkara tersebut ketika berucap di Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pembangunan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Tambahnya, kaedah-kaedah yang terdapat di dalam KKC adalah relevan dalam usaha Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan kepada orang ramai.

Penglibatan pegawai-pegawai dan kakitangan di semua peringkat dalam KKC jelasnya adalah sangat mustahak supaya mereka maklum akan masalah-masalah yang ber-

kaitan dengan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran bahagian serta jabatan.

Awang Haji Ibrahim menegaskan, KKC boleh dijadikan sebagai satu 'medium' yang penting di dalam melatih pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan.

"Saya berseru supaya semua jabatan dan bahagian di Kementerian ini akan dapat menubuhkan sekurang-kurangnya dua kumpulan KKC di dalam setiap jabatan atau bahagian seperti yang disarankan dalam mesyuarat KKC sebelum ini," tegasnya.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan menegaskan, Kementerian Pembangunan juga sangat mengambil berat kepada apa jua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Setiap pegawai dan kakitangan ujarnya, sama ada yang berkhidmat di dalam Kementerian atau jabatan dan bahagian adalah tidak terkecuali daripada tanggungjawab tersebut.

"Di antara usaha yang telah dilaksanakan ialah pembentukan unit-unit khas bagi menangani masalah-masalah yang melibatkan orang ramai," jelasnya.

Dari empat pasukan yang layak bertanding ke peringkat akhir, tempat pertama dimenangi oleh Jabatan Ukur (Kumpulan MASA) dengan tajuk kerja 'Kelewatan Kerja-karya Unit Kadastral Brunei Muara', sementara Jabatan Perancang Bandar dan Desa (Kumpulan USAHA) dengan tajuk kerja 'Kelewatan Pengeluaran Fail Permohonan Kemajuan Di Dalam Kawasan Kawalan Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan' mendapat tempat kedua.

Tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Ukur (Kumpulan B.T.M.K) dengan tajuk kerja 'Laporan Aduan Yang Kurang Teratur', manakala Jabatan Ukur (Kumpulan HIKMAH) dengan tajuk kerja 'Ketidakselarasan Kerja-karya Juruukur Tanah Berlesen' mendapat tempat keempat.

SUKAN

Liga Super Malaysia 2006/2007

DPMM FC tandatangani kontrak dengan penaja



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Timbalan Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian tajaan dengan Kelab Bola Sepak DPMM.

Berita dan Foto :

Samle Haji Jait

samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin. - Kelab Bola Sepak DPMM mengadakan Majlis Menandatangani Kontrak dengan penaja bagi Liga Super Malaysia 2006/2007 di sebuah hotel di Gadong, malam ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Timbalan Pengerusi Kelab Bola Sepak DPMM berangkat menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian berkenaan.

Majlis menandatangani telah didahului oleh Pengiran Anak Haji Basheer bagi mewakili Sri Sentosa Sendirian Berhad.

Kelab Bola Sepak DPMM juga menandatangani kontrak penaja bersama Syarikat Maju Motor Sendirian Berhad, Mitsubishi Corporation, Brunei Shell Marketing, DST Group dan Riverside Hotel.

Mewakili kelab berkenaan ialah Pengurusnya, Haji Eady Shardi dan Haji Momin Jaafar selaku Pegawai Pemasaran Kelab.



PENGURUS Kelab DPMM FC, Haji Eady Shardi dan Haji Momin Jaafar menandatangani bagi pihak Kelab DPMM FC.

Kontrak berkenaan salah satu tanda sokongan yang tinggi dari pihak berkecenderungan kepada skuad Brunei DPMM FC yang kini bersaing dalam kancah Liga Super Malaysia bagi musim ini.

PITA FC melangkah ke Bahagian 1 Liga PBDBM

Oleh : **Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 26 Mei. - Persada Liga Bola Sepak Divisyen Dua Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara, (PBDBM) akhirnya berlabuh seketika apabila kejuaraan tersebut menjadi milik Kelab Bola Sepak PITA.

Kejuaraan yang menjadi milik Kelab Bola Sepak PITA ini diperolehi apabila berjaya menumpaskan Kelab Bola Sepak AKSE di perlawanan akhir yang berlangsung di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Kejayaan yang berakhir dengan tendangan penalti 5 - 4, selepas kedudukan terikat 3 - 3 dan masa tambahan 30 minit pula kedua pasukan gagal menambahkan jaringan. Dengan kemenangan melalui sepakan penalti itu secara langsung melayakkan Pasukan Kelab Bola

Sepak PITA ini melangkah mara ke Divisyen Satu di kejohanan akan datang.

Kelab Bola Sepak PITA yang bermain secara berhati-hati memecah kebuntuan dengan berada di hadapan setelah menjelmaan sentuhan Azimanuddin Mohd. Amunuddin terlaksana di minit ke-17.

Namun kedudukan tersebut tidak bertahan lama apabila kesilapan berlaku di bahagian pertahanan Kelab Bola Sepak Pita yang seolah-olah memberi laluan kepada Rahman Bakar untuk menyamakan kedudukan dua minit kemudian.

Setelah terikat dengan kedudukan yang sama di separuh masa pertama kesilapan pertahanan Kelab Bola Sepak PITA terulang kembali setelah bola yang dirampas Saidin Haji Tudin berjaya melimpahi hadapan penjaga gol Md. Hafizuanudin Jaafar

yang menyebabkan kedudukan berbeza.

Kedudukan kembali stabil 2 - 2 apabila Kelab Bolasepak PITA di hadiahkan tendangan sepakan penalti yang disempurnakan oleh Norazmeizul Maipai-zan.

Ketika perlawanan berakhir lapan minit Kelab Bola Sepak PITA kembali dihadapan menerusi jari-

ngan Helmi Zambrin, namun kembali terikat sama menerusi sumbangan Khalid Saad tiga minit sebelum perlawanan berakhir.

Tiada perubahan berlaku semasa 30 minit masa tambahan diberikan kepada kedua-dua pasukan selain menyaksikan Azimanuddin Mohd. Amunuddin dari Kelab Bola

Sepak PITA dikeluarkan padang setelah menerima dua kad kuning.

Hadir menyaksikan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang perlawanan akhir tersebut ialah Yang Dipertua Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.



YANG Dipertua Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Ali Hassan menyampaikan trofi kepada Ketua Pasukan PITA FC.

Kejohanan Lawan Pedang Kebangsaan Ke-2

Oleh : **Samle Haji Jait**

samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 2 Jun. - Kejohanan Lawan Pedang Kebangsaan Ke-2 berakhir dengan kejayaan Pasukan Lawan Pedang Aramis merebut piala pusingan selepas memperolehi lima pingat emas, tiga perak dan lima gangsa keseluruhan.

Pasukan Portos yang memperolehi tiga pingat emas, empat perak dan empat gangsa menduduki tangga kedua, sementara pasukan Athos pula menduduki tangga ketiga dengan memperolehi tiga pi-

ngat emas, satu perak dan lima gangsa.

Kejohanan berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini menyaksikan pingat emas oleh pasukan Aramis yang disumbangkan menerusi Abdul Aziz Ibrahim dan Alina Haji Ali dalam acara Epee Perseorangan Lelaki dan Perempuan.

Pingat emas pasukan

Aramis juga diperolehi menerusi acara Foil Berpasukan perempuan dan Epee Berpasukan Lelaki.

Acara Sabre Berpasukan perempuan melengkapkan penguasaan pingat emas pasukan Aramis menerusi pasukan Rozanna Zeze Mohd. Roalee; Sheyenne Jazreel Siah Shei Yen; Syahirunissa Nazillah Munap dan Alina Haji Ali.

Kejohanan kali kedua

berkenaan mempertandingkan enam kategori untuk merebut 12 pingat emas, 12 perak dan 17 gangsa yang disertai oleh lebih 60 pemedang yang mengikut Skim Lawan Pedang Jabatan Belia dan Sukan.

Jurulatih Kebangsaan Lawan Pedang, Rocky Poerawinata berkata kejohanan itu menjadi medan terbaik semua peserta untuk menilai sejauh mana peningkatan mereka sejak menjalani latihan di bawah skim Jabatan Belia dan Sukan.

Lebih dari itu, beliau berharap kejohanan itu akan memberi semangat baru dengan memberi keyakinan diri dari segi persiapan mental dan kebolehan sebelum menyahut cabaran jika menyertai kejohanan bagi mewakili negara nanti.

Beliau juga yakin peningkatan dan potensi pemedang yang pernah mewakili negara semakin ketara dan sudah bersedia untuk bertanding dalam mana-mana kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Belia perlu aktif bergiat dalam sukan

Oleh : **Haji Ahat Haji Ismail**

ahat.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 29 Mei. - Golongan belia, khususnya penuntut-penuntut disarankan supaya sentiasa aktif bergiat cergas dalam lapangan kegiatan sukan atau permainan.

Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Arsad bin Abd. Adis, ketika membuat saranan tersebut semasa membuka rasmi Sukan Tahunan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah menjelaskan, dengan berbuat demikian akan dapat menghindarkan diri mereka tidak terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan kurang sihat.

"Para belia bukan sahaja digalakkan supaya mengisi ilmu di dada atau melengkapkan diri dengan pelajaran bagi menghadapi kehidupan masa depan tetapi mereka perlu juga menjaga diri mereka supaya tidak terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan yang kurang sihat dan yang boleh merosakkan moral," katanya.

Selaku aset negara katanya, belia-belie di negara ini bukan hanya cemerlang dalam bidang sukan, malah cemerlang dalam bidang akademik, disamping memiliki disiplin yang tinggi, berakhlak mulia, berketerampilan, cergas, cerdas minda patriotik, mempunyai jati diri tinggi serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran semasa.

"Kepada para pelajar yang mengambil bahagian dan berjaya meraih pingat dalam acara sukan ini, saya ucapkan tahniah dan kepada para pelajar tidak berjaya, jangan berputus asa, kerana penyertaan pelajar dalam sukan ini sudah pun menunjukkan bahawa pelajar telah menunjukkan satu kejayaan," terangnya.

Temasya sukan kali kelima itu mempertandingkan empat buah rumah yang terdiri Awang Semaun, Awang Jerembak, Awang Pateh Berbai dan Awang Alak Betatar.

Juara keseluruhan disandang oleh rumah Awang Semaun yang merangkul 17 pingat emas, 8 perak dan 9 gangsa. Naib juara rumah Awang Jerembak yang merangkul 16 pingat emas, 11 perak dan 10 gangsa, tempat ketiga rumah Pateh Berbai yang memperolehi 5 pingat emas, 13 perak dan 14 gangsa dan rumah Alak Betatar meraih 5 pingat emas, 10 perak dan 10 gangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah sempena sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-46. - Foto: Ramli Tengah.

Kementerian Pertahanan diingatkan:

NILAI KEUTAMAAN DENGAN BIJAKSANA

BERAKAS, Khamis, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan Kementerian Pertahanan supaya lebih bijaksana dalam menilai keutamaan-keutamaan yang diperlukan selaras dengan perkembangan semasa serta penilaian ancaman atau 'threats assessment', terhadap negara.

Selain daripada itu, baginda juga bertitah dalam pemilihan kelengkapan dan proses perolehan, ianya hendaklah dipastikan supaya benar-benar tepat dan lancar serta bersih dari sebarang ele-

men kepentingan diri, di mana ianya memerlukan penyelidikan mendalam dan pengurusan cekap yang bersistematik.

Bertitah demikian semasa sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-46 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini baginda bertitah, "Dalam hubungan ini, pada hemat beta peningkatan taraf Unit Perkembangan Keupayaan Tentera kepada sebuah jabatan adalah merupakan satu lagi



usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan integriti kepada sistem perolehan yang ada."

Menyentuh mengenai kepimpinan, baginda menjelaskan, di tengah-tengah keghairahan penguasaan teknologi ting-

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

gi, kita jangan sekali lupa bahawa biar macam mana sekalipun canggihnya teknologi itu, semua itu tidak mampu menggantikan fungsi kepimpinan di dalam organisasi.

Kepimpinan, titah baginda, akan terus diperlukan selaku tonggak utama untuk menentukan baik buruknya perjalanan sesebuah organisasi.

"Oleh itu, beta berharap, usaha meningkat-

kan kualiti kepimpinan tidak akan diabaikan, meliputi bukan sahaja faktor pengetahuan pengurusan kerja, malahan juga, lebih utama ialah penyerapan nilai-nilai luhur seseorang pemimpin di kalangan anggota," titah baginda.

Selanjutnya baginda bertitah mengambil maklum mengenai beberapa usaha ke arah peningkatan kapasiti anggota dari segi pemikiran dan kerohanian melalui program-program akademik dan penubuhan Jabatan Agama Tentera.

Dalam pada itu baginda juga menyambut baik perancangan Kementerian Pertahanan untuk menubuhkan 'Performance Optimisation Centre' yang akan merangkumi disiplin Sports Science dan Sports 'Medicine' sebagai pendekatan bagi penjagaan dan peningkatan keupayaan anggota.

Pada akhir titah, baginda mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun ABDB Ke-46, kepada seluruh anggota ABDB yang masih berkhidmat dan yang telah bersara dan keluarga serta kakitangan Kementerian Pertahanan yang sama-sama menyumbang kepada pertahanan negara.

MAJLIS ISTIADAT BERBEDAK PENGANTIN DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (tengah) dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar (kanan) ketika berkenan mencucuk bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja yang berlangsung di Darul Karamah, Berib. (Berita lanjut dan gambar akan dimuatkan dalam Edisi Khas PELITA BRUNEI keluaran 13 Jun). - Foto: Abdullah Haji Awang Damit, Haji Sahrin Haji Asmat.

Kurangkan kos, capai keutamaan keselamatan

BERAKAS, Khamis, 31 Mei. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin berkata sebagai sebuah negara kecil dengan sumber-sumber yang terhad, negara tidak mempunyai kapasiti bagi mengeksploitasi secara menyeluruh potensi teknologi bagi memenuhi keperluan pertahanan dan keselamatan.

Jika sekiranya perkara itu dilakukan jelasnya, kita akan melabur berlebihan dan melampau dalam pertahanan.

Dalam hubungan ini katanya, negara mesti mencari jalan

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

untuk mengurangkan beban ekonomi pelaburan pertahanan yang tinggi kosnya namun pada masa yang sama masih dapat mencapai keutamaan keselamatan.

Yang Berhormat menegaskan hal itu dalam ucapannya di Forum BRIDEX Pertama di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Teknologi dan inovasi sangat penting untuk masa depan tentera negara ini kerana sebagai sebuah negara yang kecil, teknologi boleh memberikan kelebihan namun pada masa yang sama boleh juga mendatangkan masalah kerana teknologi tersebut bukannya murah," kata Yang Berhormat.

Kos bagi memiliki dan mengendalikan platform berteknologi tinggi seperti pesawat pengempur dan kapal perang jelas Yang Berhormat, adalah sangat tidak menggalakkan kerana akan menggunakan sebahagian besar bajet negara.

Ini tambahnya, akan menyebabkan satu ketidakrataan dalam pengambilan bajet, seperti yang diketahui sebagai sebuah negara yang sedang membangun kita perlu mengimbangi keutamaan-keutamaan pembangunan kita.

Menurut Yang Berhormat, cabaran yang dihadapi negara pada hari ini ialah bagaimana untuk mencari jalan kreatif bagi

menangani masalah sumber yang terhad bagi menghadapi peningkatan kos teknologi.

Sesuai dengan tajuk Forum Sesi Pertama: Program Penambahan Ekonomi (Economic Enhancement Programme), beliau percaya program itu merupakan cara untuk sektor swasta memainkan peranan penting dengan menjadi rakan kongsi dalam perkembangan industri yang berkaitan dengan pertahanan negara.

Forum yang menyediakan tempat bagi peniaga dan sektor kerajaan mencipta kesepaduan dan kerjasama itu ujar Yang Berhormat, hendaklah direbut oleh semua pihak berkenaan dengan semangat kerjasama sebenar untuk kebaikan semua yang terlibat.

Dalam dunia yang serba tidak menentu dan merbahaya dan susah diramalkan ini katanya, ancaman keselamatan akan berlaku tanpa mengira sempadan atau tempat.

Sehubungan itu jelas Yang Berhormat, negara memerlukan tentera yang berkemampuan, bukan saja untuk memenangi peperangan konvensional tetapi juga melakukan dan mengekalkan kedamaian serta kestabilannya.

Forum tersebut dihadiri oleh panglima-panglima tentera, pemerintah-pemerintah angkatan bersenjata, pegawai-pegawai kanan tentera dan para peserta BRIDEX 2007.

Dari muka 1

Rakyat dan penduduk negara ini serta orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama datang beramai-ramai bagi menyaksikan dan memeriahkan perarakan tersebut.

Sempena Majlis Istiadat Bersanding dan Berarak Pengantin Diraja yang penuh dengan adat istiadat diraja Brunei serta suasana gilang-gemilang itu, siaran langsung juga akan disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB).

Dari muka 1

Acara yang disusun, titah baginda akan mendatangkan banyak manfaat kepada masyarakat, berupa pengetahuan dan pendidikan mengenai bentuk-bentuk ancaman dan teknologi terkini yang ada hubungan dengan pertahanan dan keselamatan dari pelbagai perspektif.

Baginda bertitah menjelaskan ianya juga dihasratkan sebagai asas ke arah pencapaian perancangan industri pertahanan tempatan, yang merupakan salah satu aspirasi yang mahu dijayakan melalui pengemaskinian Kertas Putih Pertahanan Tahun 2007.

Pada pandangan baginda kegiatan-kegiatan pertahanan itu juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan juga membukakan peluang-peluang baru bagi rakyat.

ALLAH SELAMATKAN PENGANTIN DIRAJA

دربيتكن اوله جياتن قراغن، جياتن فردان منيري دان دجيتق اوله جياتن فرچيتقن كراجان، جياتن فردان منيري، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Allah Selamatkan Pengantin Diraja

Di antara

Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah
binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Dengan

Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari



Liputan : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

Abu Bakar Haji Abdul Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

Foto : Jurugambar Jabatan Penerangan

MAJLIS ISTIADAT BERSURUH DIRAJA PENUH BERISTIADAT

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi puteri baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin

Pengiran Syed Haji Jaafari. Majlis Istiadat Bersuruh Diraja berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Pada Istiadat itu baginda juga berkenan menerima mengadap rombongan Bersuruh Diraja

Lihat muka 2

PETIKAN titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Istiadat Bersuruh Diraja

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Waba'du.

Peramba dengan sukacita mengalu-alukan kedatangan abis Pengiran kerana membawa hasrat akan menyerahkan anak Pengiran, Awangku Khairul Khalil kepada Peramba.

Peramba dan keluarga dengan ini menerima baik hasrat tersebut sambil berdoa semoga Allah akan sentiasa meluruskan serta memberkati.

Sebagaimana dimaklumi istilah Istiadat Bersuruh adalah permulaan untuk mengurus rancangan-rancangan Istiadat Perkahwinan yang mana dengan ini Peramba sukacita mengurniakan Gendang Jaga-Jaga kepada Pengiran yang akan dipangku oleh paduka adinda Duli Pengiran Bendahara. Miatutah saja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan titah di majlis itu.

Sembah Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor di Majlis Istiadat Bersuruh Diraja

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Ampun Beribu Ampun.

Patik mulakan sembah patik dengan bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman serta dengan berkat dan daulat Kebawah Duli Tuan Patik yang sentiasa dijunjung, dikasihi dan disayangi serta sangat-sangat dikagumi oleh seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Abis patik merasa bersyukur dan menjunjung kasih atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik kerana menerima patik dan rombongan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik di Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung pada hari yang baik lagi bersejarah.

Ampun Beribu Ampun.

Adapun kedatangan abis patik beramai-ramai ini adalah membawa hasrat dan hajat yang amat besar dengan tujuan untuk menyerahkan dan menyumbangkan anak patik, Awangku Khairul Khalil ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik kiranya menjadi sebarang-barang gunanya umpamanya mengiringi puteri Kebawah Duli Tuan Patik, paduka anakda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berangkat ke mana-mana jua atau bersiar-siar di taman istana yang indah permai dan keindahan yang sangat-sangat mengagumkan.

Ampun Beribu Ampun.

Sesungguhnya adapun maksud menyerahkan dan menyumbangkan anak patik, Awangku Khairul Khalil seperti mana yang patik sampaikan tadi, bahawa patik sekeluarga menjunjung harapan yang sangat besar, lebih-lebih lagi anak patik Awangku Khairul Khalil yang teramat sangat mengharapakan dan menunggu kiranya ada limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik.

Ampun Beribu Ampun sembah patik junjung diampun.

Sesungguhnya patik penuh percaya anak patik, Awangku Khairul Khalil akan sentiasa menyembahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi atas apa juga titah perintah Kebawah Duli Tuan Patik.

Akhirul kalam, begitulah hendaknya yang dapat patik sampaikan mengenai dengan hasrat dan hajat patik sekeluarga dan patik sangat-sangat menjunjung ampun jika sekiranya terdapat suruk langka pada menyumbangkan hasrat dan hajat patik ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik.

Abis patik berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan dilanjutkan usia Kebawah Duli Tuan Patik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, paduka-paduka anakda, paduka-paduka cucunda dan paduka-paduka adinda serta kerabat diraja agar sentiasa di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua, sihat walafiat aman bahagia. Mudah-mudahan Kebawah Duli Tuan Patik serta keturunan Kebawah Duli Tuan Patik kekal karar bersemayam di atas takhta singgahsana memerintah Negara Brunei Darussalam. Amin. Ya Rabbil 'Alamin.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bersama Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor ketika menjunjung anugerah mengadap ke hadapan majlis baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda menadah tangan semasa doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Dari muka 1

dan mengurniakan titah penerimaan lamaran Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil yang disebarkan oleh ayahandanya Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Syed Haji Mashor.

Terdahulu, sebaik sahaja rombongan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith berangkat tiba dan mengambil tempat duduk di Baitur Rahmah, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyebarkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyabdakan supaya YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela mengadap ke hadapan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia dan seterusnya menjunjung baginda berangkat.

YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela kemudian meninggalkan majlis untuk mengadap dan menyebarkan ke hadapan majlis baginda bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia dan seterusnya menjunjung baginda berangkat.

Sejurus sahaja Kebawah DYMM berangkat tiba di Baitur Rahmah dan bersemayam di tempat yang dikhaskan beserta anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian menyem-

bahkan ke hadapan majlis baginda bahawa Majlis Istiadat Bersuruh Diraja telah siap sedia.

Istiadat disusuli dengan YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof mengadap ke hadapan majlis baginda diikuti oleh Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari.

YAM Pengiran Setia Negara kemudian berdatang sembah ke hadapan majlis baginda mengenai kedatangan rombongan tersebut yang membawa hajat yang besar Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari dan menyebarkan untuk Pengiran Syed Haji Jaafari sendiri menyebarkan hasrat dan hajat keluarganya itu.

Selepas itu Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari berdatang sembah melahirkan kesyukuran dan menjunjung kasih atas kurnia perkenan baginda menerima beliau dan rombongan mengadap.

Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari kemudian berdatang sembah untuk menyerahkan anaknya Awangku Khairul Khalil ke hadapan majlis Kebawah DYMM seterusnya menyebarkan hajat rombongan tersebut.

Selesai sahaja kurnia titah perkenan Kebawah DYMM, Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bagi pihak keluarganya kemudian menyebarkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut YAM Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulu-balang dan Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para jemputan.



BAGINDA bersama putera dan adinda-adinda baginda berangkat ke Baitur Rahmah bagi Majlis Istiadat Bersuruh Diraja.



BAGINDA bersama anakanda-anakanda baginda ketika ke istiadat tersebut (atas).



BAGI memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz (kiri), sementara gambar kanan, Majlis Istiadat Bersuruh Diraja bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki yang berlangsung di Darul Karamah, Beribi.

ISTIADAT BERSURUH DIRAJA PENUH WARNA-WARNI DAN TRADISI

Liputan : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Foto : Jurugambar
Jabatan Penerangan

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith yang kemudiannya menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar balik ke tempat duduknya yang kemudiannya diikuti oleh Awang-Awang membawa doa selamat masuk ke dalam majlis dan menyebarkan kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim untuk membacakan doa selamat sebelum rombongan Istiadat Bersuruh Diraja bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki meninggalkan Darul Karamah untuk menuju ke Istana Nurul Iman.

Rombongan Istiadat Bersuruh Diraja bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bersama dengan ayahanda Pengantin Diraja Lelaki, Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor dan beberapa

orang Cheteria, Pehin-pehin Manteri serta Pengarah-pengarah berangkat menuju ke Istana Nurul Iman.

Setelah selesai Istiadat Bersuruh Diraja di Istana Nurul Iman, rombongan Istiadat Bersuruh Diraja bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja kemudiannya berangkat kembali ke Darul Karamah.

Sekali lagi Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar menyebarkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja yang Istiadat Bersuruh Diraja telah sempurna dilaksanakan dan Yang Amat Mulia kemudiannya menyabdakan supaya majlis ditutup.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan serta para jemputan lainnya.



ISTIADAT MEMBUKA GENDANG JAGA-JAGA

Liputan : Bolhassan Haji Abu Bakar

bolhassan.abubakar@information.gov.bn

Foto: Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin,
Halim Haji Sulaiman, Ramli Tengah,
Pg. Ibni Pg. Haji Hidup, Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Jun. - Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari berlangsung di Lapau, ibu negara hari ini.

Majlis yang berlangsung penuh adat istiadat telah disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dialu-alukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad.

Majlis bermula dengan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Setelah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, maka Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan supaya istiadat tersebut dimulakan.

Seterusnya Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela mengarahkan kepada Ketua Juru Laki Awang Haji Duraman supaya majlis istiadat dimulakan.

Setelah menjunjung anugeraha Ketua Juru Laki berjalan menuju Pataratna melalui peningkah sebelah kiri dan ketika sampai di hadapan Pataratna, ia pun duduk dengan hormat dan penuh tertib mengangkat sembah.

Kemudian ia pun beringsut menaiki pipak peningkah Pataratna satu demi satu terus mengambil dan mengusung Nakara di atas kepalanya lalu berjalan membelah majlis menuju ke tempat yang dikhaskan untuk Nakara itu iaitu di hadapan Alat-Alat Gendang Jaga-Jaga yang lain.

Apabila selesai Ketua Juru Laki pun mengangkat sembah dan setelah siap semuanya siap sedia ia pun menitir Nakara dan diikuti dengan tiupan Serunai dan gualan Gendang Labek, Agong dan Chanang dengan diiringi oleh tembakan meriam sebanyak 21 das.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebaik sahaja Ketua Juru Laki keluar majlis, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga.

Bisaitah Pehin Menyembahkan kepada ke hadapan majlis paduka ayahanda Kaola bahawa dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat daulat paduka ayahanda Kaola juga, Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga kerana Perkahwinan Diraja di antara paduka adinda Kaola, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari telah selamat sempurna dilaksanakan.

Jadi, sebagaimana yang Pehin telah mendengar semalam barangkali, paduka ayahanda Kaola dengan sukacita akan mengurniakan sepasukan Gendang Jaga-Jaga kepada Paduka Ayahanda Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura, menyampaikan kurnia sepasukan Gendang Jaga-Jaga tersebut pada pagi ini.

Kaya Digadong Seri Lela menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah seterusnya menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota telah sempurna dilaksanakan dan setelah itu Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan agar majlis ditutup.

Majlis dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

Dari Lapau, rombongan kurnia Gendang Jaga-Jaga yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela diiringi Pehin Pehin Manteri, Pehin-pehin Khatib, Begawan Pehin Khatib, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman menuju ke Istana Nurul Iman dan sepasukan Gendang Jaga-Jaga yang dikurniakan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota yang dititahkan memangku pekerjaan Pengantin Diraja Lelaki menuju ke Darul Karamah.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapau, ibu negara dialu-alukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad (atas).

DULI Yang Teramat Mulia menyabdakan supaya istiadat tersebut dimulakan (kanan).

YANG Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia (bawah).



PEGANDANG-PEGANDANG yang diketuai oleh Ketua Juru Laki Awang Haji Duraman menitir Nakara dan diikuti dengan tiupan Serunai dan gualan Gendang Labek, Agong dan Chanang dengan diiringi oleh tembakan meriam sebanyak 21 das (atas).

BAGI memberkati Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kiri).



KETUA Juru Laki Awang Haji Duraman menjunjung anugeraha untuk berjalan menuju Pataratna melalui peningkah sebelah kiri dan ketika sampai di hadapan Pataratna, ia pun duduk dengan hormat dan penuh tertib mengangkat sembah dan seterusnya beringsut menaiki pipak peningkah Pataratna satu demi satu terus mengambil dan mengusung Nakara.

Berkenan menjunjung kurnia Gendang Jaga-Jaga

GADONG, Sabtu, 2 Jun.-Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang memangku Istiadat Perkahwinan Diraja berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga di Darul Karamah Kampong Beribi di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dan Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor.

Majlis Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga bermula dengan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Diga-

dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad bahawa sepasukan kurnia gendang jaga-jaga yang di-anugerahkan kepada DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua telah siap sedia.

Setelah itu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Awang Yaakub mengadap YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad yang menyabdakan supaya YDM mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua bahawa kurnia Sepasukan Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna kemudian mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maha-

Liputan: Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto : Abdullah Haji Awang Damit, Haji Sahrin Haji Asmat, Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah

raja Permaisua untuk menjunjung berkenan supaya istiadat dimulakan.

Selepas itu YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna menyembahkan sabda berkenan DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudiannya menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Sejurus selepas itu Yang Mulia Juru Laki, Awang Ariffin menjunjung anugerah menuju ke Rumah Pegandangan diikuti oleh pegandangan-pegandangan yang lain.

oleh tembakan meriam sebanyak 17 das.

Istiadat diteruskan dengan Titir Gendang Alih-Alihan Tengah dan Gendang Alih-Alihan Hujung diikuti oleh Titir Gendang Perang mengikut jumlah orang-orang yang hadir.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Selepas itu Juru Laki, Awang Ariffin menjunjung anugerah menuju ke Rumah Pegandangan diikuti oleh pegandangan-pegandangan yang lain.

Kemudian YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain mengadap kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul

YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Awang Yaakub mengadap ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (kiri).

YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain mengadap Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith sejurus tiba di Darul Karamah, Beribi.

Irshad bahawa Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad menyabdakan supaya YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua bahawa Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan dan menjunjung anugerah.

YDM Pehin Orang

Kaya Maharaja Kerna kemudian mengadap dan menyembahkan ke hadapan majlis DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua bahawa Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan dan menjunjung anugerah.

YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna kemudian menyabdakan sabda DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja.

YAM Pengiran Maha-

raja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudian menyabdakan supaya majlis ditutup.

Hadir di majlis tersebut YAM Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.



SEBAHAGIAN Yang Dimuliakan Pehin-pehin yang hadir di Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga (atas kiri).

DOA dipohonkan bagi memberkati Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga (atas).

SEPASUKAN Gendang Jaga-Jaga sedang memainkan alat bunyi-bunyian (kiri).

YDM Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim ketika membaca doa selamat (kanan).





YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim mengemulangi rombongan Menghantar Tanda Diraja berangkat masuk ke Baitur Rahmah (kiri).

YANG Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menjunjung anugerah ke hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (kanan).



ISTIADAT MENERIMA TANDA DIRAJA

Liputan: Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Norlia Md. Zain

Foto : Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin,
Masri Osman, Abdullah Haji Awang
Damit, Mohd. Zul-Iszi Haji Duraman,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berkenan menerima sembah Tanda Diraja.

Istiadat Menerima Tanda Diraja bagi Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Mulia Pengiran Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari berlangsung di Istana Nurul Iman.

Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja bermula dengan rombongan Menghantar Tanda Diraja yang dikepalai oleh YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berangkat tiba di pintu besar Istana Nurul Iman dengan dialu-alukan oleh YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin; YB Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; YDM Pehin Penyurat Awang Maidin; YDM Pehin Penyurat Haji Awang Osman; YM Damong Awang Haji Ahmad dan YM Pengarah Awang Haji Abdul Rahman termasuk YM Juru Bini Dayang Hajah Rokiah dan seorang muda-muda.

Sebaik tiba di pintu besar Istana Nurul Iman, Tanda Diraja yang dikipak oleh YM Pengarah Awang Jaini diikuti oleh seorang muda-muda diserahkan kepada YM Damong Awang Haji Ahmad, diikuti oleh seorang muda-muda yang sedia menunggu dan diikuti dengan tembakan meriam 17 das sebagai menandakan Tanda Diraja telah diterima.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad dijunjung berangkat masuk ke Baitur Rahmah oleh YDM Pehin Penyurat Awang Maidin dan YDM Pehin Penyurat Haji Awang Osman dengan diiringi oleh YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana dan YB Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja diikuti oleh rombongan menghantar Tanda Diraja yang terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan yang berpakaian bergelang pengaluan, bergelang geronchong, memakai subang dan berbunga serondoh yang dikipak oleh YM Damong Awang Haji Ahmad diikuti oleh seorang muda-muda dan diiringi oleh Pengiran-Pengiran Empat serta tujuh orang pengiring Pengiran-Pengiran Empat diikuti oleh Awang-Awang yang membawa Gangsa Bawa-Bawaan yang berisi sepangad pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari dan Dian 16.

ngadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari dan Dian 16 dibawa oleh 16 Awang-Awang dengan didahului oleh YM Juru Bini Dayang Hajah Rokiah yang berjalan di hadapan rombongan.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad masuk dan duduk di dalam majlis diikuti oleh ahli-ahli rombongan.

Sejurus selepas itu Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyembahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Istiadat Menerima Tanda Diraja siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela supaya istiadat dimulakan.

Serentak dengan itu YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad menjunjung anugerah mengadap YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah diikuti oleh YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dan YAM Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh menyembahkan Tanda Diraja dan Gangsa Bawa-Bawaan yang berisi sepangad pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad menyembahkan sabda DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang ditahankan memangkuk Majlis Istiadat Perkahwinan di pihak Pengantin Diraja Lelaki untuk mengemulangi rombongan dan seterusnya menyembahkan pesembah daripada Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor iaitu Tanda Diraja yang berupa seorang kanak-kanak perempuan disertai dengan Gangsa Bawa-Bawaan untuk disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Sejurus selepas itu YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela mengadap YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela supaya membawa Tanda Diraja dan Gangsa Bawa-Bawaan disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Dari Baitur Rahmah, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela kemudian menjunjung anugerah keluar menuju ke Balai Singgahsana Indera Kencana diikuti oleh Tanda Diraja bersama Gangsa Bawa-Bawaan dan diletakkan di



TANDA Diraja yang berupa seorang kanak-kanak perempuan yang berpakaian bergelang pengaluan, bergelang geronchong, memakai subang dan berbunga serondoh yang dikipak oleh Yang Mulia Damong Awang Haji Ahmad.

ran Bendahara Seri Maharaja Permaisua, akan hasrat dan hajat Pengiran Syed Haji Jaafari. Peramba sebagai wakil yang ditahankan di sini sukacita menerimanya dan mengucapkan berbilang-bilang menerima kasih.

Insya-Allah Tanda Diraja ini akan peramba sembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Sejurus selepas itu YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela mengadap YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela supaya membawa Tanda Diraja dan Gangsa Bawa-Bawaan disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Dari Baitur Rahmah, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela kemudian menjunjung anugerah keluar menuju ke Balai Singgahsana Indera Kencana diikuti oleh Tanda Diraja bersama Gangsa Bawa-Bawaan dan diletakkan di

tenang-tengah majlis. Pengiran-Pengiran Empat dari pihak Pengantin Diraja lelaki membuka alas Gangsa Bawa-Bawaan lalu diserahkan kepada YDM Pehin Manteri Bini Datin Paduka Hajah Dayang Siti untuk disaksikan kepada majlis yang hadir.

Majlis selepas itu diikuti dengan YDM Pehin Manteri Bini Datin Paduka Hajah Dayang Aminah dan YDM Pehin Jawatan Bini Hajah Dayang Siti berserta Dayang-Dayang yang membawa Gangsa Bawa-Bawaan untuk disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Selepas disembahkan, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyembahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Tanda Diraja telah disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Majlis Menghantar Tanda Diraja kemudiannya diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, membaca doa selamat sejurus selesai Istiadat Menerima Tanda Diraja.




GANGSA Bawa-Bawaan yang diserahkan kepada Yang Dimulikan Pehin Manteri Bini Datin Paduka Dayang Hajah Aminah disaksikan kepada Kepala Majlis, Pengiran-Pengiran Empat dari pihak Pengantin Diraja Perempuan serta kepada yang hadir.



AWANG-AWANG yang membawa Gangsa Bawa-Bawaan yang berisi sepangad pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari dan Dian 16.

HUBUNGAN SALASILAH PENGANTIN DIRAJA ANTARA YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MAJEEDAH NUUR

DE
YANG MULIA PENGIRAN KHAIRUL KH



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah




Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah

KUL BULQIAH BINTI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
GAN
LIL BIN PENGIRAN SYED HAJI JAAFARI



* - Setelah Pengiran Seri Ahmad ini dikurniai gelaran Pehin Orang Kaya Digadong Seri Nara Indera anak-anaknya tidak lagi menggunakan gelaran 'Pengiran'.

** - Dikurniai gelaran 'Pengiran' setelah berkahwin dengan Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat di Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja bagi Pengantin Diraja Lelaki di Darul Karamah.

MAJLIS ISTIADAT MENGHANTAR TANDA DIRAJA BERMULA DI DARUL KARAMAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Jun.- Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja bagi Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari diadakan di kediaman Pengantin Diraja Lelaki di Darul Karamah di sini.

Berangkat di Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, yang memangku Istiadat Perkahwinan Diraja bagi Pengantin Diraja Lelaki.

Majlis pada malam tersebut bermula dengan Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja yang terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan berpakaian, bergelang pengaluan, bergelang geronchong, memakai subang dan berbunga serondoh, dikipak oleh Pengarah Awang Haji Jaini.

Rombongan diiringi oleh Awang-Awang yang membawa Gangsa Bawa-Bawaan berisi sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari. 16 Dian dibawakan oleh 16 Awang-Awang. Rombongan Menghantar Tanda Diraja dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berangkat ke Istana Nurul Iman.

Sebaik saja rombongan tiba di Istana Nurul Iman, Tanda Diraja yang dikipak oleh Pengarah Awang Haji Jaini diserahkan kepada Damong Awang Haji



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah memangku Istiadat Perkahwinan Diraja bagi Pengantin Diraja Lelaki dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim di Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja.

Ahmad, 17 das tembakan meriam dilepaskan menandakan Tanda Diraja telah diterima.

Rombongan kemudian dijunjung berangkat ke Baitur Rahmah di mana Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudian menyembahkan Tanda Diraja dan Gangsa Bawa-Bawaan, kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Tanda Diraja kemudian dibawa ke Balai Singgahsana Indera Kenchana. Gangsa Bawa-Bawaan diletakkan di tengah-tengah majlis. Barang-barang dalam Gangsa Bawa-Bawaan diangkat dan diletakkan di hadapan Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini dan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini, dibuka dan dilihatkan untuk disaksikan oleh yang hadir, kemudian disalin ke dalam gangsa lain.

Damong Awang Haji Ahmad kemudian mengipak semula Tanda Diraja keluar dari Indera Kencana diikuti oleh Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini dan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini berserta Dayang-Dayang membawa Gangsa Bawa-Bawaan untuk disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Di Darul Karamah, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa Tanda Diraja telah disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudiannya menyabdakan supaya majlis ditutup.

Doa selamat kemudiannya dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya.



MAJLIS Istiadat Menghantar Tanda Diraja bermula di Darul Karamah (atas).

DOA dibacakan sebagai tanda keberkatan bagi Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja (kiri).

MAJLIS Istiadat Menghantar Tanda Diraja terdiri dari seorang kanak-kanak perempuan yang berpakaian indah, bergelang pengaluan, bergelang geronchong, memakai subang dan berbunga serondoh, dikipak oleh Pengarah Awang Haji Jaini menuju ke Istana Nurul Iman (kanan).



ROMBONGAN Awang-Awang yang membawa gangsa berisi sepangadak pakaian, sepasang gelang, sepasang subang dan cincin dua belah jari dan Awang-Awang pembawa dian seramai 16 orang.

ISTIADAT MENERIMA PERTUNANGAN DIRAJA PENUH ISTIADAT

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Jun. - Istiadat Menerima Pertunangan Diraja bagi Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafar telah selamat disempurnakan dengan penuh adat istiadat diraja yang berlangsung di Baitur Rahmah Istana Nurul Iman di sini.

Majlis bermula dengan keberangkatan rombongan Menghantar Pertunangan Diraja yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berangkat tiba di pintu besar Istana Nurul Iman dengan diulaulukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Yang Dimulikan Pehin Penyurat Awang Maidin, Yang Dimulikan Pehin Penyurat Haji Awang Osman, Yang Mulia Damong Awang Haji Ahmad dan Yang Mulia Pengarah Awang Haji Abdul Rahman yang diiringi oleh seorang muda-muda yang sedia menunggu dan sejurus itu diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 17 das sebagai menandakan Pertunangan Diraja telah diterima.

Sebaik sahaja rombongan menghantar Pertunangan Diraja tiba di pintu besar Istana Nurul Iman, Pertunangan Diraja yang diusung oleh Yang Mulia Pengarah Awang Haji Ahmad dan Yang Mulia Pengarah Awang Haji Abdul Rahman yang diiringi oleh seorang muda-muda yang sedia menunggu dan sejurus itu diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 17 das sebagai menandakan Pertunangan Diraja telah diterima.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsad dijunjung berangkat masuk ke Baitur Rahmah oleh YDM Pehin Penyurat Awang Maidin dan YDM Pehin Penyurat Haji Awang Osman dengan diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja diikuti oleh Rombongan Menghantar Pertunangan Diraja yang terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan yang berpakaian laki-laki memakai gelang pengaluan, gelang geronchong, memakai kancing, pundu azimat, memakai jamang di kepalanya dan berpandip tidak berbaju yang diurapi dengan tamu kuning dan digaris-garis dengan sisir yang diusung oleh YM Damong Awang Haji Ahmad dan diiringi oleh seorang kanak-kanak lelaki pemutus Tali Jintong yang berpakaian lengkap yang diusung oleh YM Pengarah Awang Haji Abdul Rahman dengan diiringi oleh seorang muda-muda dan diikuti oleh seorang Pengiran Perempuan berbaju gadang dan seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langgual serta diiringi oleh Pengiran-Pengiran Empat dan tujuh orang pengiring Pengiran-Pengiran Empat dan diikuti oleh Awang-Awang yang membawa Gangsa yang berisi Surat Mahar atau Berian dan ganti-gantian yang terdiri dari segangsa Pakai (sepanjang), segangsa Gelang, segangsa Subang, segangsa Cincin dua belah jari, segangsa Ceramai, segangsa Kelakati dan Pisau serta Dian 16 dibawa oleh 16 Awang-Awang dengan diiringi 12 Sinipit berjalan di hadapan rombongan diikuti oleh YM Juru Bini Dayang Hajah Rokiah, manakala Alat-Alat Kebesaran Diraja yang terdiri daripada 8 Pedang dan Perisai, 8 Tumbak Benda-rangan dan 4 Kabok dan Panastan akan berjalan di belakang rombongan.

Pertunangan Diraja yang diusung oleh YM Damong Awang Haji Ahmad dan YM Pengarah Awang Haji Abdul Rahman diikuti oleh seorang muda-muda serta seorang Pengiran Perempuan berbaju gadang dan seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langgual dan

Liputan :
Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
Abdullah Agar
abdullah.agar@information.gov.bn
Foto : Jurugambar Jabatan Penerangan



ISTIADAT Menghantar Pertunangan Diraja dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.



PARA pembesar negara yang terdiri dari Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet dan para pembesar negara yang lain menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

diiringi oleh Pengiran-Pengiran Empat dan Awang-Awang yang membawa Gangsa yang berisi Surat Mahar atau Berian dan ganti-gantian yang terdiri dari segangsa Pakai (sepanjang), segangsa Gelang, segangsa Subang, segangsa Cincin dua belah jari, segangsa Ceramai, segangsa Kelakati dan Pisau serta Dian 16 dibawa oleh 16 Awang-Awang dengan diiringi 12 Sinipit, 6 Pedang, 6 Tumbak dan 4 Kabok dan Panastan yang dibawa oleh Awang-Awang serta 40 orang

Sementara itu, 40 Janar yang disesandingkan di bahu 40 orang Awang-Awang diikuti di hadapan pintu Baitur Rahmah dan disimpan ke dalam 2 gangsa yang akan dibawa masuk oleh 2 orang Awang-Awang ke dalam majlis dan seterusnya duduk di hadapan Dian 16.

Alat-Alat Kebesaran Diraja iaitu yang terdiri dari 12 Sinipit, 6 Pedang, 6 Tumbak dan 4 Kabok dan Panastan yang dibawa oleh Awang-Awang serta 40 orang

Awang-Awang yang membawa Janar tadi beratur di luar Baitur Rahmah.

YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain menyambahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyambahkan kepada Yang Dimulikan Lagi Dihormati supaya istiadat dimulakan.

Sejurus selepas itu, YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsad menjunjung anugerah untuk mengadap YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah diikuti oleh YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dan YAM Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Kemudiannya YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsad menyambahkan Pertunangan Diraja kepada YAM Pengiran Lela

Cheteria Sahibun Najabah.

Antara kandungan sembah YAM berbunyi, "Terlebih dahulu abis peramba menyambahkan berbilang-banyak menjunjung kasih atas keikhlasan abis Tuan Peramba mengalu-alukan kedatangan Peramba bersama rombongan Menghantar Pertunangan Diraja.

"Peramba ani disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji

Sufri Bolikiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang dititahkan memangku Majlis Istiadat Majlis Istiadat Perkahwinan bagi pihak Pertunangan Diraja lelaki untuk mengepalai rombongan dan seterusnya menyambahkan pesambah daripada Pengiran Syed Haji Jaafar bin Pengiran Syed Haji Mashor iaitu Pertunangan Diraja yang berupa seorang kanak-kanak perempuan dan seorang kanak-kanak lelaki berserta Surat Mahar atau Berian dan barang ganti-gantian yang berjumlah 25 Gangsa serta 40 Janar untuk disambahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar," sabda Yang Amat Mulia.

"Pertunangan Diraja yang abis Peramba bawa ani, abis Peramba sambahkannya ke pihak abis Tuan Peramba sebagai wakil pihak Pengantin Diraja Perempuan."



ISTIADAT Menerima Pertunangan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman didahului dengan usungan dua kanak-kanak yang dihiasai dengan perhiasan yang serba indah sebagai tanda penghantaran pertunangan (kanan dan kiri).



HANTARAN Pertunangan Diraja disaksikan oleh Yang Dimulikan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Hajah Dayang Siti dan diperlihatkan kepada para jemputan wanita yang hadir (kiri). Sementara gambar tengah dan kanan, suasana Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja.

Lihat muka 11



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Awang Yaakub menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bahawa Majlis Isitadat Menghantar Pertunangan Diraja telah sedia.

Majlis Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja di Darul Karamah

SEBAHAGIAN para tetamu yang sama-sama hadir bagi Majlis Menghantar Pertunangan Diraja di Darul Karamah, Beribi.



MAJLIS Istiadat Berjaga-Jaga bagi Istiadat Perkahwinan Diraja diadakan di Istana Nurul Iman dihadiri sama oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria.



HADIR sama di Majlis Istiadat Berjaga-Jaga ialah Menteri-menteri Kabinet dan para pembesar negara yang lain (kanan). Sementara gambar atas, Majlis Istiadat Berjaga-Jaga juga diisi dengan acara keagamaan.



KAUM wanita yang terdiri dari isteri para pembesar negara juga hadir di Majlis Istiadat Berjaga-Jaga (atas). Sementara gambar kanan, suasana Majlis Istiadat Berjaga-Jaga di Istana Nurul Iman.

ISTIADAT BERJAGA-JAGA BAGI PERKAHWINAN DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 2 Jun. - Majlis Istiadat Berjaga-Jaga bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari diadakan selama 14 hari bermula hari ini.

Majlis yang diadakan di Istana Nurul Iman dilangsungkan di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Ia dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Di ruang lain Istana Nurul Iman, Majlis Istiadat Berjaga-Jaga bagi kaum wanita telah diadakan yang dihadiri oleh isteri-isteri Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap.

Sementara itu majlis istiadat yang serupa juga diadakan di Darul Karamah di Kampong Beribi iaitu

kediaman Pengantin Diraja Lelaki yang dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salam.

Sepanjang majlis istiadat itu dilangsungkan, beberapa permainan tradisi

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Ak. Jeffery Pg. Durahman
jeffery.durahman@information.gov.bn
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka
Haji Metassim

seperti Congkak dan Pasang telah diadakan.

Lazimnya, Majlis Istiadat Berjaga-Jaga diadakan setelah sempurnanya Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga dilaksanakan yang mana pada masa itu juga pemasangan perhiasan yang di-

gunakan untuk istiadat itu mula dipasang di Pemanjangan serta di tempat yang ditentukan.

Alat-alat Gendang Jaga-Jaga turut diangkat dan diletakkan di tempat yang dikhaskan dipanggil 'Balai Pemanjangan' di hadapan Istana Nurul Iman.



Dari muka 9

Sementara itu dalam sabda menerima Pertunangan Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyabdakan:

"Alhamdulillah, menjunjung kasih jua atas rombongan abis Tuan Peramba akan hasrat dan hajat Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor atau peramba sebagai wakil yang dititahkan di sini sukacita menerimanya dan mengucapkan beribadah-banyak menerima kasih.

"Insya-Allah Pertunangan Diraja ini akan peramba sembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri," sabda Yang Amat Mulia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyabdakan supaya Yang Dimuliakan Lagi Dihormati membawa bersama-sama hantaran Pertunangan Diraja ke Balai Singgahsana Indera Kenchana.

Ketibaan Rombongan Pertunangan Diraja di Balai Singgahsana Indera Kenchana diulangi oleh Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini Datin Paduka Hajah Dayang Aminah dan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Hajah Dayang Siti.

Dayang-Dayang yang membawa Gangsa tempat menyalin Bawa-Bawaan serta Dian 16 yang dibawa oleh 16 Dayang-Dayang bersedia di luar Balai Singgahsana Indera Kenchana.

Pertunangan Diraja kemudian dibawa masuk ke Balai Singgahsana Indera Kenchana.

YDM Pehin Manteri Bini menyembahkan kepada Kepala Majlis untuk membuka Gangsa Bawa-Bawaan.

Pengiran-Pengiran Empat dari Pihak Pengantin Diraja Lelaki akan membuka alas Gangsa Bawa-

Bawaan dan mengeluarkannya lalu diserahkan kepada YDM Pehin Manteri Bini dan YDM Pehin Jawatan Bini untuk diserahkan kepada Kepala Majlis, Pengiran-Pengiran Empat dari Pihak Pengantin Diraja Perempuan serta kepada yang hadir.

YDM Pehin Manteri Bini menjunjung anugerah kepada Kepala Majlis.

Yang Mulia Damong Awang Haji Ahmad dan Yang Mulia Pengarah Awang Haji Abdul Rahman akan

mengipak Pertunangan Diraja keluar dari majlis dengan diikuti oleh seorang muda-muda serta seorang Pengiran Perempuan berbaju gadong dan seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langguai dengan diringi oleh YDM Pehin Manteri Bini dan YDM Pehin Jawatan Bini berserta Dayang-Dayang yang membawa Gangsa Bawa-Bawaan untuk disebarkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha



AWANG-AWANG yang membawa gangsa di Istiadat Menerima Pertunangan Diraja.

Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati diikuti oleh seorang Pengiran Perempuan berbaju gadong dan seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langguai dengan diringi oleh Pengiran-Pengiran Empat dan Awang-Awang yang membawa Gangsa yang telah disalin masuk semula ke Baitur Rahmah diikuti oleh Dian 16 yang dibawa oleh 16 Awang-Awang dan duduk di tengah-tengah majlis.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati seterusnya menyembahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Pertunangan Diraja telah disebarkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Selamat sahaja majlis tersebut, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, membacakan doa selamat.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibun Irsah sekali lagi menyembahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah untuk menjunjung anugerah meninggalkan majlis dan diikuti oleh ahli-ahli rombongan yang lain.

Rombongan Menghantar Pertunangan Diraja berangkat meninggalkan Istana Nurul Iman untuk balik semula ke Darul Karamah.

Sekali lagi YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyembahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Majlis Istiadat Menerima Pertunangan Diraja telah sempurna dilaksanakan dan seterusnya Yang Amat Mulia menyabdakan supaya majlis ditutup.

ALLAH SELAMATKAN MEMPELAI DIRAJA



ISTIADAT Bersanding Pengantin Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari akan berlangsung dengan penuh adat istiadat diraja Brunei di Balai Singgahsana Indera Buana pada 10 Jun 2007.

Sempena hari yang penuh bersejarah dan bermakna, rakyat dan penduduk negara ini turut mendoakan akan kesejahteraan dan kebahagiaan kedua-dua mempelai diraja dan semoga beroleh keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala kekal karir hingga ke akhir hayat.

Yang Teramat Mulia adalah anakanda keempat dan puteri ketiga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Yang Teramat Mulia mencapai pendidikan cemerlang dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam Jurusan Pentadbiran dan Dasar Awam dari Universiti Brunei Darussalam pada 30 September 2000. Pada 1 Januari 2005, Yang Teramat Mulia telah menamatkan Kursus Ijazah Sarjana Dalam Pembangunan Alam Sekitar (Master of Arts In Environment) di King's College London, Universiti London.

Semangat untuk berbakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara Yang Teramat Mulia melibatkan diri dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di beberapa jabatan kerajaan dan kementerian.

Yang Teramat Mulia berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas di Unit Alam Sekitar Kementerian Pembangunan pada 11 Februari 2002 menangani tugas yang berkaitan dengan dasar dan hal ehwal alam sekitar di peringkat strategik dan kini menjalankan tugas Pegawai Kanan Alam Sekitar sebagai Ketua Bahagian Perancangan dan Pengurusan Alam Sekitar.

Sementara itu, Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil adalah anak kedua dari empat adik-beradik di dalam keluarga Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Mashor dan Dayang Hajah Sarbanun binti Haji Abdi Manaf.

Kejayaan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil dalam bidang pendidikan bermula dengan memasuki Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dengan memperolehi Diploma Kebangsaan dalam Pembinaan pada tahun 1994. Kemudian selepas itu, Yang Mulia melanjutkan pengajian ke United Kingdom dengan menuntut di University of Teesside, Middlesbrough, dalam pengajian BTEC Higher National Diploma in Building Studies sehingga tahun 1996. Bermula tahun 1997 hingga 2000, Yang Mulia meneruskan pengajian dalam BA Architecture di University of Greenwich, Kent, United Kingdom.



SAAT yang menjadi kenangan apabila YTM berkenan menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam Jurusan Pentadbiran dan Dasar Awam dari Universiti Brunei Darussalam di Majlis Konvokesyen yang berlangsung pada 30 September 2000. Dalam gambar YTM semasa menerima ijazah daripada ayahanda YTM, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YTM ketika berkenan mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Cawangan Daerah Tutong pada 5 Disember 2005.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Mulia Pengiran Khairul Khalil mengabadikan gambar kenangan.

Susunan :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

fatimah.noor@information.gov.bn

Foto : Ramli Tengah,
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim



SEMANGAT untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara YTM melibatkan diri dalam kerajaan dan juga mempunyai tanggungjawab besar dan mencabar iaitu melaksanakan projek Forum Belia ASEAN + 3 Mengenai Daya Tahan pada awal 2007. Dalam gambar YTM berkenan mengurniakan cenderahati kepada seorang peserta forum.



YANG Mulia Pengiran Khairul Khalil ketika menjalankan tugas di pejabatnya.



YANG Mulia Pengiran Khairul Khalil mengabadikan gambar kenangan bersama ayahanda dan bonda Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Mashor dan Dayang Hajah Sarbanun binti Haji Abdi Manaf.

TALIAN PENTING	
Ambulans	Bomba & Penyelamat
991	995
Polis	Mencari & Menyelamat
993	998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	Unit Pengurusan Bencana Alam
140	
Talian Kebajikan	2381874
141	2381313
Elektrik	2382143
144	2382027
Maklumat Penerbangan	2331747
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	Selesema Burung
2332600	8984777
	8985777

BILANGAN 23

RABU 6 JUN 2007

1428 رابو 20 جمادى الأول

PERCUMA

10 MEI 2007, merupakan hari bersejarah bagi pelajar-pelajar dari institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional di negara ini kerana pelajar yang berjaya telah mendapat sijil-sijil mereka pada hari tersebut.

Seramai 740 graduan yang mengikuti Majlis Konvokesyen pada hari tersebut iaitu seramai 411 graduan adalah penerima Diploma Kebangsaan, empat graduan menerima Sijil Kebangsaan, 105 graduan penerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat Kedua, 55 graduan penerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat Ketiga, manakala 165 graduan penerima Sijil Vokasional Kebangsaan yang melibatkan enam buah institusi pendidikan teknik.

Selain itu beberapa buah sekolah menengah yang menawarkan program Sijil Vokasional Kebangsaan juga turut terlibat di hari konvokesyen tersebut. Kursus yang ditawarkan di sekolah-sekolah menengah tersebut ialah 'National Vocational Certificate in Clerical Studies'. Program ini telah mula diperkenalkan pada tahun 2005 dan mulai tahun 2006 pelajar-pelajar dari jurusan tersebut juga ditawarkan kursus Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat 3 di institusi-institusi teknik dan vokasional.

Konvokesyen atau majlis penyampaian sijil, diploma atau ijazah merupakan upacara gilang gemilang bagi para pelajar yang berjaya menamatkan pengajian setelah setiap malam bersenggang mata menelaah buku pelajaran.

"Mengorbankan masa terutama waktu rehat atau tidur untuk menyiapkan tugas merupakan perkara biasa yang dihadapi oleh para pelajar di peringkat pengajian tinggi. Tidak rugi rasanya kita mengorbankan waktu tersebut demi untuk mencapai kejayaan yang diidam-idamkan. Kepuasan akan dapat dicapai apabila kita dapat menggunakan pakaian yang lazimnya digunakan semasa konvokesyen dan seterusnya naik ke atas pentas untuk mengambil sijil masing-masing."

Begitulah pandangan

penerima Anugerah Pelajar Terbaik yang ditemui oleh Wartawan PELITA BRUNEI di majlis tersebut iaitu Awang Arizal bin Haji Md. Hussin berusia 29 tahun yang memperolehi Diploma Kebangsaan dalam jurusan 'Electronic and Communication Engineering' berharap dengan adanya pengiktirafan ini, beliau akan berpeluang lagi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya.

Beliau merupakan seorang tentera yang berkhidmat sebagai Kejuruteraan Regimen Udara di

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Tentera Udara Diraja Brunei melahirkan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ibu bapa dan isteri serta tenaga-tenaga pengajar di Bahagian Electronic and Mechanical Engineering di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal di atas kejayaan ini.

Kegembiraan pada hari tersebut turut dirasakan oleh penerima Diploma dalam bidang Pembinaan, Dayang Lila binti Haji Ismail yang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya.

Awang Khairul Anwar bin Haji Ahmad penerima Diploma dalam bidang 'Electronic and Communication Engineering' pula berharap untuk meneruskan pelajaran di masa akan datang dan sangat berharap Diploma yang diperolehi akan memudahkannya memasuki pasaran pekerjaan kelak.

Pelajar yang menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan

Peringkat 2 dalam bidang 'Electrical' di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah Awang Julprzan @ Izzul Faisal bin Haji Akop yang juga berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyatakan walaupun sebelum ini beliau berhenti dari meneruskan pengajian tetapi atas sokongan yang diberikan oleh pihak ABDB, beliau kemudiannya meneruskan pengajian walaupun dalam perkhidmatan dan akhirnya berjaya memperolehi sijil tersebut.

Ibu kepada Dayang Norbadiyah binti Haji Puteh, Pengiran Hajah Normah binti Pengiran Haji Taha pula amat bersyukur apabila anaknya telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat 3 dalam bidang 'Carpentry and Joinery'. Beliau merasa gembira kerana sokongan yang diberikan tidak disia-siakan oleh anaknya. Kakak Dayang Norbadiyah, Dayang Norhatijah binti Haji Puteh pula berharap agar adiknya nanti berusaha bersungguh-sungguh untuk men-

capai cita-cita beliau sebagai seorang tukang masak profesional dan akan sentiasa memberi galakan kepada adiknya yang mahu meneruskan pembelajaran.

Pelbagai perasaan yang dapat kita selami pada diri pelajar-pelajar itu apabila segala usaha yang dibuat tidak sia-sia. Kejayaan dalam bidang akademik yang dicapai oleh pelajar-pelajar itu tentunya akan mengharumkan nama diri pelajar itu sendiri, ibu bapa serta keluarga masing-masing.

Usia juga tidak menghalang kita untuk menimba ilmu pengetahuan. Ini jelas dari tinjauan yang dibuat oleh penulis kepada penerima-penerima di majlis tersebut ada yang 'fresh student' dan ada juga di kalangan mereka yang sudah bekerja. Pengorbanan wang ringgit daripada ibu bapa terhadap anak-anak juga terbalas dengan adanya penganugerahan diploma tersebut.

Walaupun bagaimanapun, kita sentiasa berharap agar graduan-graduan yang telah pun menerima diploma ini dapat memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara.

'Korbankan' waktu demi capai kejayaan



AWANG Arizal bin Haji Md. Hussin dianugerahkan sebagai seorang penerima Anugerah Pelajar Terbaik.



"SAYA berharap akan berpeluang untuk meneruskan pengajian di peringkat seterusnya," ujar Awang Arizal seorang Pelajar Terbaik penerima Diploma Kebangsaan dalam jurusan 'Electronic and Communication Engineering' yang juga berkhidmat di Tentera Udara Diraja Brunei.

"PENGAJIAN yang diikuti di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal sememangnya dapat menyumbangkan kemahiran yang berguna bagi pihak jabatan," jelas penerima Diploma dalam bidang Pembinaan Dayang Lila binti Haji Ismail yang berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya.



"WALAU saya telah berhenti dari meneruskan pengajian sebelum ini, tetapi dengan adanya sokongan pihak ABDB saya kemudiannya meneruskan pengajian dan akhirnya berjaya menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat 2 dalam bidang 'Electrical,' ujar Awang Julprzan @ Izzul Faisal bin Haji Akop dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah yang juga berkhidmat di ABDB.

"SAYA bersyukur usaha yang dibuat selama ini berbaloi dengan adanya saya menerima diplomat ini. Saya berharap untuk meneruskan pelajaran di masa akan datang dan memudahkannya saya untuk memperolehi pekerjaan nanti," kata Awang Khairul Anwar penerima Diploma dalam bidang 'Electronic and Communication Engineering'.



DAYANG Norbadiyah binti Haji Puteh (tengah) merancang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat seterusnya, ketika ditemui bersama kakaknya (kiri), Dayang Norhatijah dan ibu mereka Pengiran Hajah Normah binti Pengiran Haji Taha (kanan).



PEMBELAJARAN secara praktikal merupakan kelebihan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di institusi-institusi pendidikan teknik di negara ini.



INSAN istimewa Dayang Hajah Nurul Ezzah binti Haji Emran (tengah) dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain juga berjaya menerima 'National Vocational Certificate in Clerical Studies (General Office Clerk).

BILA kita menyebut 'hadiah' apakah yang pertama sekali biasanya kita bayangkan? Bagi kebanyakan orang, hadiah dikaitkan kepada sesuatu benda, kecil atau besar, yang diberikan khusus sebagai ingatan atau tanda kenangan pada ketika-ketika tertentu - hari jadi, pertunangan, perkahwinan, ucapan tahniah, perpisahan dan sebagainya. Bagi orang lain pula hadiah itu adalah sesuatu yang tidak boleh tidak, ianya mesti dibeli, sama ada berhutang - bergadai, demi menjaga maruah diri.

Dalam konteks yang lebih luas lagi hadiah bukan sahaja merupakan barang tertentu, tetapi merangkumi juga pengucapan dan pertukaran kata-kata manis dan bersopan. Ucapan tahniah dan ucapan selamat adalah di antara hadiah dalam bentuk kata-kata. Puji-pujian pun boleh dianggap sebagai hadiah.

Di dalam sesebuah masyarakat, moden atau primitif, hadiah dalam bentuk apa sekalipun, adalah ritual yang diwajibkan. Kadangkala kita lihat bahawa seseorang tu, datang melawat sahabat handai atau saudara-mara tidak dengan tangan kosong. Setidak-tidaknya ada juga buah tangan dibawa bersama. Begitu juga dengan perpisahan nanti, ada pula balasan, setimpal dengan hadiah yang dibawa tadi.

Ramai pula di antara kita yang menganggap bahawa sesuatu lawatan sosial itu agak kurang lengkap tanpa membawa apa-apa sebagai buah tangan. Nilai sebegini paling jelas kelihatan apabila kita lihat bahawa kadangkala seseorang itu akan membicarakan sahaja tujuan untuk menghadiri sesuatu majlis keramaian kerana tidak ada hadiah untuk diberikan, sedangkan orang lain ada membawanya. Yang paling menarik sekali pula, ada orang yang tidak mahu menunjukkan muka ke majlis tersebut kerana pada anggapannya hadiah yang dibelinya itu tidak 'standard' setelah dibandingkan dengan hadiah orang lain.

Apakah tradisi memberi hadiah ini merupakan perkara baru atau memang sudah lama wujud dalam masyarakat kita? Sebenarnya, ritual memberi hadiah ini adalah suatu perlakuan yang universal. Tiap-tiap masyarakat di dunia ini mempunyai adat kebiasaan tertentu di dalam memberi dan menerima hadiah. Mungkin apa yang diberikan itu berbeza-beza dari masyarakat ke masyarakat, tetapi konsep dan tujuan sosialnya adalah sama. Walaupun hadiah dikaitkan dengan pemberian barangan, tetapi menjadi kebiasaan juga bahawa hadiah itu disumbangkan dalam bentuk tenaga, dalam konteks kerjasama seperti bergotong-royong, berderau atau menyeraya.

Pada setengah masyarakat tribal pula, kadangkala kita dapati bahawa pertukaran hadiah itu diasaskan kepada pertukaran perempuan. Dalam maksud ini perempuan, terutama anak dara, ditukar-tukarkan untuk diperisterikan, perlakuan ini tidak jauh bezanya dengan penggunaan manusia seba-

CERMIN KEHIDUPAN

gai barangan untuk di-hadiahkan dalam bentuk hamba abdi dan sebagainya. Kita sendiri tahu bahawa sudah menjadi suatu amalan dimasa lampau bagi orang-orang besar Melayu untuk menghadiah hamba abdi kepada raja dan sebagainya.

Tidak syak lagi bahawa fenomena memberi dan menerima hadiah ini merupakan suatu tradisi lama yang akan terus diamalkan. Betapa tidaknya, boleh dikatakan pada setiap detik ada sahaja orang membeli sesuatu untuk dihadiahkan. Jumlah tahunan perbelanjaan kepada pembelian hadiah ini bukanlah sedikit. Misalnya di Britain sahaja tiap-tiap tahun lebih kurang 4.3 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pengguna dikhususkan kepada pembelian hadiah.

Tidaklah pula kita tahu angka sebenar perbelanjaan ke atas barang-barang bersifat hadiah di negara ini, tetapi jika dikira, angka ini tidaklah kecil. Hitung sahaja berapa banyak seseorang itu habiskan untuk membeli kad ucapan selamat, dari jenis untuk Hari Raya, Hari Krismas, tahun baru, Deepavali kepada jenis khas hari jadi, kelahiran anak damit, perkahwinan, pertunangan dan sebagainya. Itu kad sahaja. Betapa pula barangan yang dibeli untuk dihadiahkan. Terdapat banyak jenisnya, dari yang sekecil-kecil sehingga kepada yang sebesar-besarnya, dari yang semurah-murah sehingga kepada yang semahal-mahalnya. Kerana hadiah itu sebagai maka ianya perlulah dipilih dengan berhati-hati supaya kena pada 'ketikanya'.

Di dalam masyarakat yang mengamalkan pemberian hadiah pada musim perayaan, maka sudah tentulah pembelian hadiah meningkat pada masa menjelang perayaan itu. Ketika inilah juga pedagang dan peniaga akan mengambil kesempatan, sama ada dalam bentuk

menaikkan harga barang-barang ataupun dengan mengadakan 'jualan khas' atau 'special offer'.

Di kalangan masyarakat Cina, pemberian 'angpau' pada hari tahun baru dianggap tidak boleh tidak. Bagi orang-orang Kristian pula, hadiah pada Hari Krismas adalah wajib demi menjaga jalinan baik hubungan kekeluargaan dan persahabatan. Pemberian hadiah pada Hari Raya tidaklah diwajibkan di kalangan orang-orang Melayu.

Tetapi akhir-akhir ini nampaknya fenomena untuk memberi hadiah pada Hari Raya juga telah mula disyorakan, setidak-tidaknya oleh pengiklan dan pihak perniagaan. Kita sekarang selalu membaca iklan khusus Hari Raya yang berbunyi lebih kurang seperti berikut: 'Belilah satu untuk anda dan satu lagi untuk hadiah Hari Raya sahabat anda,' atau ungkapan kata 'jadikan Hari Raya ini lebih bermakna dengan menghadiahkan barang X ini untuk orang yang awda kasih.' Oleh kerana pemberian hadiah berkait rapat dengan emosi dan hubungan psikologis, maka peranan pengiklanan untuk mempengaruhi perlakuan seseorang di dalam memilih dan membeli hadiah ini agak berkesan juga. Mungkin pada suatu masa nanti akan juga menjadi tradisi di kalangan orang Melayu untuk mengamalkan pemberian hadiah pada Hari Raya seperti yang diamalkan pada Hari Krismas dan sebagainya.

Sebelum kita tinjau implikasi sosial yang terdapat pada institusi pemberian hadiah ini, biarlah kita sentuh dahulu asal usulnya. Pada mulanya pemberian hadiah dilakukan di atas dasar pertukaran barang, 'exchange of goods.' Sudah menjadi kebiasaan pada masyarakat primitif untuk bertukar-tukar barang ke-mana satu jenis barang yang

Hadiah : Pengertian dan Implikasi Sosialnya

Oleh : Tarif Haji Abd. Hamid

dikeluarkan oleh satu puak itu tidak semestinya dikeluarkan juga oleh puak lain. Pertukaran begini adalah penting bagi keperluan hidup dari hari ke hari.

Jadinya, pertukaran ini dilakukan dalam konteks 'exchange for survival.' Tetapi kemudiannya, proses pertukaran yang membawa unsur 'survival' dan juga unsur ekonomi ini diresapi pula oleh nilai sosial. Apabila ini berlaku, pertukaran barang ini diasaskan bukan sahaja kepada benda yang ditukarkan itu, tetapi juga kepada maksud dan nilai sosial di sebalik perlakuan itu, tetapi juga kepada maksud dan nilai sosial di sebalik perlakuan itu. Maka dari sinilah timbulnya perbezaan halus di antara pertukaran yang berdasarkan kepentingan sosial. Perdagangan jenis pertukaran barang (barter trading) adalah pertukaran ekonomi sementara 'hadiah' adalah pertukaran barang yang lebih diasaskan kepada kepentingan sosial.

Kadangkala jenis pertukaran yang telah diresapi nilai sosial itu diadakan untuk menunjukkan kekayaan dan kedudukan status. Di dalam konteks ini hadiah dan pertukaran barang itu boleh dipanggil sebagai prestasi sosial. Di dalam sistem prestasi sosial 'podlatch' di kalangan orang-orang Kwakwilt di Amerika Utara, apa yang berlaku sebenarnya ialah pertukaran hadiah secara besar-besaran; lagi banyak benda yang diberi, lagi tinggilah status orang yang memberi itu. Kadangkala timbul persaingan hebat di antara individu-barang siapa yang dapat mengeluarkan hadiah yang paling banyak sekali, dialah yang dinamakan 'big man' dalam masyarakat tersebut.

Apabila sesuatu pemberian hadiah itu lebih mementingkan faedah sosialnya, maka dengan sendirinya berlakunya dari tahap 'exchange for survival.' Jadi dengan sendirinya orang memberi hadiah yang baik-baik bukan sebab apa-apa, tetapi sebab menjaga 'air muka' dan kedudukan mereka, kerana hadiah yang tidak

setimpal dengan kedudukan mereka di tangga sosial itu akan membangkitkan pengumpatan di pihak yang menerima dan juga, di kalangan pihak ketiga yang memerhati.

Di dalam masyarakat Cina pula, sudah menjadi normanya bahawa seseorang itu dinilai secara sosialnya di atas pemberiannya kepada orang lain. Jadi seseorang akan cuba sedaya upaya untuk menjaga maruah dan air mukanya dengan memberikan hadiah berharga dia sendiri tidak berapa mampu membelinya. Di kalangan orang Melayu pun cemuhan akan lemparkan kepada orang yang disifatkan sebagai 'tangkai jering.'

Pemberian hadiah yang berharga melambangkan kemurahan hati dan perlakuan demikian dianggap sebagai satu nilai sosial yang baik. Kadangkala juga mengadakan sesuatu majlis kenduri untuk suatu tujuan itu pun boleh dilihat dalam konteks hadiah kerana ianya mengandung unsur-unsur prestasi sosial. Betap tidaknya, pengendalian sesuatu majlis itu memerlukan perbelanjaan. Pada kebiasaannya, besarnya perbelanjaan itu bergantung kepada kemampuan seseorang. Sungguhpun kemampuan ini merupakan sesuatu yang relatif, tetapi ianya dikaitkan dengan kedudukan ekonomi dan status sosial seseorang. Dengan ini semakin tinggi status sosialnya, semakin besar majlis kenduri itu dan semakin ramai pula jemputannya. Sudah tentulah perbelanjaannya pun besar juga. Segala-gala ini perlu dilakukan demi menjadi taraf. Sekurang-kurangnya untuk menunjukkan kepada umum bahawa tuan rumah mampu mengadakan prestasi sosial yang sedemikian rupa besarnya. Ianya juga telah memenuhi jangkaan dan harapan masyarakat umumnya.

Di majlis perkahwinan pula kita dapati bahawa para jemputan biasanya akan membawa 'hadiah' tertentu; nilainya terpujalah kepada corak perhubungan sosial dan emosi yang wujud di antara si pemberi dengan si penerima. Lagi dekat hu-

bungan itu, lagi bernilai hadiah itu sepatutnya. Setengah orang yang betul-betul berada akan menghadiahkan barang-barang yang begitu mahal untuk sesuatu majlis perkahwinan. Walaupun hadiah itu keterlaluan mahalannya, tetapi ianya tidaklah melanggar apa-apa peraturan dalam adat memberi dan menerima hadiah. Mungkin pemberian itu dianggap sedikit 'extravagant', tetapi ianya mempunyai fungsi sosial yang mendalam. Melalui hadiahnya, pemberi itu telah berjaya memperlihatkan kepada umum pencapaian dan kemampuan ekonomi dan sosialnya, kerana hadiah yang mahal-mahal itu biasanya dikaitkan kepada orang yang kaya-kaya sahaja.

Apabila kita membicarakan tentang ritual memberi dan menerima hadiah ini, perlulah juga kita melihat aspek perhubungan sosial yang wujud di antara si pemberi dengan si penerima. Pertama, hadiah diberi demi mengeratkan hubungan yang sudah sedia ada. Dalam konteks ini hadiah memainkan peranan sebagai simbol kepada 'social expression' ke atas persahabatan, kesetiaan kawan dan kerjasama yang sudah sedia wujud itu. Sebab itulah setiap hadiah mestilah diterima dan dihargai dengan pembalasan yang setimpal.

Kedua, di dalam keadaan di mana tidak ada hubungan yang wujud terlebih dahulu di antara dua pihak, maka pemberian hadiah oleh pihak pertama kepada pihak kedua itu dapat dianggap sebagai tanda pembuka persahabatan. Sekiranya hadiah tersebut ditolak, maka implikasinya ialah pihak kedua tidak mahu mewujudkan apa-apa hubungan langsung. Seandainya hadiah itu diterima tetapi tidak dibalas, maka sudah tentulah perlakuan ini melanggar adat pemberian hadiah.

Kadangkala juga kita lihat bahawa sesuatu perhubungan akan tergugat jika pertukaran hadiah itu tidak seimbang ataupun jika hadiah itu tidak dibalas langsung. Misalnya, seseorang yang telah memberi hadiah mungkin mengharap balasan yang lebih atau setidaknya pemberian yang sama nilainya dengan apa yang diberikannya dahulu. Jika hadiah balasan itu kecil

nilainya dari hadiah mula-mula tadi, maka pihak yang menerima itu boleh menganggap bahawa dirinya telah terhina atau dipandang rendah dan dengan demikian hubungan emosi dan sosial mungkin akan terjejas.

Akhir sekali, biarlah kita tinjau perkaitan di antara 'hadiah' dengan 'rasuah'. Walaupun pertukaran hadiah secara umumnya mempunyai fungsi sosial, tetapi kadangkala pemberian hadiah boleh juga dijadikan 'pelindung' bagi penyogokan 'rasuah'. Perlakuan demikian tidaklah begitu mudah dikesan tetapi kalau ditinjau dari segi motifnya sudah tentulah dapat kita bezakan di antara hadiah ikhlas dengan hadiah yang membawa unsur 'rasuah'. Setidak-tidaknya pihak yang menerima sesuatu rasuah berbentuk hadiah itu akan tahu bahawa yang diterimanya itu adalah pemberian yang tidak diduga ataupun sogokan yang berselamatkan 'hadiah ikhlas'.

Pemberian yang sedemikian rupa akan menyebabkan dilema pada si penerimanya itu. Sekiranya tidak diterima sogokan ala hadiah itu, maka perlakuan itu tidak setimpal dengan adat memberi dan menerima hadiah. Seperti yang kita tahu, keengganan menerima sesuatu hadiah itu, terutamanya daripada orang yang kita kenal, akan membawa akibat buruk terhadap perhubungan sosial pada masa-masa hadapan, seolah-olah penolakan itu menjadi petanda kepada pemutusan tali perhubungan tersebut. Sebaliknya pula, jika 'hadiah' itu diterima, maka timbullah rasa selesa di pihak yang menerimanya, seolah-olah dia telah termakan 'umpan'. Bagi pihak si pemberi pula, jika hadiah itu diambil maka menjadi satu kejayaanlah kepadanya kerana pancingnya telah membawa tuah. dalam keadaan demikian si penerima jugalah yang menanggung perasaan serba salah; ditelan pahit dibuang sayang.

Dengan ini juga dapat kita lihat bagaimana memberi hadiah, yang pada mulanya wujud sebagai sesuatu yang penting dalam masalah 'survival' dari segi ekonomi dan sosial telah berganjak dari satu fungsi kepada fungsi lain pula.

Jangan salah gunakan kenderaan bagi tujuan peribadi

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin semasa menepung tawar kenderaan Pasukan Polis Diraja Brunei yang baru.

GADONG, Khamis, 17 Mei. - Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani mengingatkan kepada para pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) supaya tidak menyalahgunakan kenderaan-kenderaan yang dibekalkan untuk tujuan peribadi atau yang tidak berkaitan dengan tugas-tugas kepolisan.

Peringatan itu dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei ketika menyempurnakan ucapan di Majlis Penyerahan Kenderaan Baru dan Pelancaran 'Stripe' Baru bagi kenderaan PDB yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Polis di sini.

Yang Dimuliakan berkata, harus disedari bahawa penggunaan yang bertanggungjawab itu mencerminkan keperibadian kita menjaga amanah harta benda kerajaan yang dibekalkan.

"Sikap seperti menggunakan kenderaan pasukan dengan cuai dan bagi tujuan-tujuan peribadi semestinya dielakkan sama sekali kerana ia bukan sahaja melanggar etika kerja malah boleh saja menimbulkan persepsi atau tanggapan negatif masyarakat terhadap PDB," jelasnya.

Yang Dimuliakan menjelaskan, penambahan kenderaan khususnya kereta-kereta peronda kawasan rondan akan dapat dikesilkan, kekerapan rondaan dapat dipertingkatkan di mana liputan 100 pe-

ratus dapat dilaksanakan yang dipercayai sekali gus dapat mengurangkan kadar kejadian jenayah ke tahap yang minimum.

Yang Dimuliakan seterusnya menjelaskan bahawa pertukaran 'stripe' bagi kenderaan PDB juga adalah merupakan simbolik kepada permulaan perubahan modenisasi yang dihasratkan dan bertujuan untuk memberikan identiti baru kepada imej PDB.

"Ianya direka bagi memastikan yang kenderaan-kenderaan operasi pasukan mudah dikenali orang ramai serta mampu menggambarkan yang PDB adalah sebuah organisasi penguatkuasa undang-undang yang mesra masyarakat," ujarnya.

Majlis diikuti dengan penyampaian anak kunci oleh wakil syarikat-syarikat pembekal kenderaan PDB kepada Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin dari Syarikat G. H. K Motor Sdn. Bhd. dan Yang Dimuliakan di majlis itu juga turut menyempurnakan majlis menepung tawar bagi pelancaran 'stripe' salah sebuah kenderaan PDB.

Sebanyak 31 buah kenderaan diserahkan di majlis itu iaitu sepuluh buah jenis Toyota Corolla dari Syarikat NBT Brunei Sdn. Bhd, 13 buah Volvo dari Syarikat United Motor Sdn. Bhd. dan lapan buah pelbagai jenis daripada Syarikat G. H. K Motor Sdn. Bhd.

Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

RENCANA

PERKEMBANGAN dalam dunia pendidikan semakin cepat sekarang. Pelbagai sistem dilaksanakan dalam usaha memberikan kesan pendidikan yang lebih baik dan positif. Pelbagai aspek diambil kira dalam melakukan perubahan tersebut. Aspek psiko, kemahiran, fizikal dan mental adalah sukatan yang diambil kira dalam sebarang perubahan dalam bidang pendidikan. Selain itu keperluan subjek atau mata pelajaran disesuaikan dengan tuntutan semasa dan masa yang akan datang.

Salah satu perubahan yang dilakukan sekarang ialah dalam sistem memberikan maklum balas terhadap keputusan setiap ujian penilaian atau peperiksaan. Sebelumnya setiap kali selepas ujian penilaian dan peperiksaan, murid-murid dan ibu bapa atau penjaga diberikan maklum balas tentang pencapaian dengan memberikan nombor yang disandang oleh anak tersebut mengikut markah yang mereka perolehi secara keseluruhan. Kedudukan ini dilihat memainkan peranan yang penting sebelumnya kerana dengan adanya kedudukan tersebut, murid mengetahui kedudukan mereka dan ibu bapa mengetahui pencapaian anak mereka. Nombor itu memperlihatkan sejauh mana penguasaan murid dan anak mereka dalam pelajaran dengan membandingkan antara seorang pelajar dengan seorang pelajar.

Konsep penilaian berasaskan gred atau peratus kepada murid dalam peperiksaan pada peringkat sekolah biasa masih belum begitu menyerlah kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak malah oleh guru-guru dan pihak tertentu. Penilaian berasaskan gred atau peratus hanya dipandang sebagai penilaian yang berlaku dalam peperiksaan besar sahaja. Sering kali apabila konsep pemberian gred atau peratus pencapaian kepada murid dilakukan, maka akan timbul senario ibu bapa atau penjaga malah guru-guru di sekolah itu sendiri yang kurang menyenangi penilaian berasaskan kepada gred atau peratus. Mereka lebih senang kepada konsep pemberian nombor. Kalau diukur dari konsep pendidikan banyak sebab pemberian nombor adalah kurang sesuai lagi dipraktikkan dalam pendidikan sekarang.

* Pemberian nombor tidak dapat memberikan tafsiran yang betul kepada pencapaian sebenar seorang murid tersebut. Ini lebih ketara jika terdapat banyak kelas dalam level yang sama (sekolah rendah) dan juga pengambilan subjek yang berasaskan pilihan (sekolah menengah). Subjek yang berbeza tentunya berlainan dari tahap dan sudut penguasaannya. Begitu juga dengan barisan murid yang begitu ramai dan mempunyai kemampuan yang berbeza dari satu kelas kepada satu kelas yang lain. Dalam keadaan yang sebenar, nombor yang diperolehi sukar menerangkan perkembangan seseorang murid itu. Ini lebih buruk lagi jika dalam pemberian nombor kepada barisan murid dalam level yang sama tetapi mempunyai banyak bilik darjah. Walaupun kedudukan nombor seseorang murid itu sama dengan murid kelas yang lain, tetapi ia tidak dapat menjelaskan pencapaian mereka adalah sama baik atau sama tidak baik. Contohnya, murid yang dapat nombor satu dalam sesuatu kelas 'A' tidak dapat diberikan nilai yang sama pencapaiannya dengan murid yang dapat nombor satu pada kelas 'C'. Mungkin murid yang dapat nombor satu kelas 'C' itu adalah sebanding dengan murid yang nombor sepuluh pada kelas 'A'. Namun ibu bapa akan beranggapan anak mereka adalah sebanding dengan murid kelas 'A' tadi. Begitu juga halnya dengan murid kelas 'A' yang dapat nombor 20 yang beranggapan mereka lemah. Sedangkan mungkin pada kelas 'C' mereka mungkin berkedudukan nombor dua atau tiga.

* Pemberian nombor memberikan maklum balas yang mengelirukan kepada murid dan ibu bapa kerana mereka beranggapan nombor dapat menjelaskan pencapaian murid dalam pelajaran. Mereka melihat pencapaian mereka secara satu hala sahaja. Pemberian nombor menimbulkan dua masalah. Pertama, murid yang dapat nombor yang baik akan beranggapan mereka berkebolehan dan terus merasa puas hati. Kedua, murid yang dapat nombor yang terkebelakang merasa rasa rendah diri dan menghambat psikologinya. Sedangkan pada sebenarnya mungkin dia lebih baik jika dilihat dan dinilai pada pencapaian peratus dari semua pelajaran yang didudukinya. Mungkin pelajaran yang dapat nombor satu itu tinggi secara puncak pada beberapa subjek tetapi gagal pada sesuatu subjek. Yang paling penting dalam penguasaan pelajaran ialah pencapaian yang seimbang pada semua pelajaran yang dipelajari. Inilah sebenarnya aspek yang amat merugikan dalam pembahagian nombor kepada seseorang murid.

* Pemberian nombor berkonsepkan pertandingan. Pemberian nombor hanya sesuai sebagai satu usaha untuk mengkategorikan murid untuk memberikan mereka hadiah. Keadaan ini sebenarnya hanya sesuai untuk bidang atau aktiviti yang berkonsepkan pertandingan, contohnya dalam pertandingan lumba lari, pertandingan melukis dan pertandingan menyanyi. Pertandingan tersebut dilakukan sebagai satu usaha mencungkil bakat kanak-kanak dan pertandingan itu ditandingkan biasanya hanya untuk satu-satu kemahiran sahaja. Ini jauh beza jika kita bandingkan dengan konsep pendidikan. Pendidikan adalah proses menimba ilmu pengetahuan di samping pembentukan kognitif, sikap, moral, kemahiran dan sosial murid. Pendidikan bukannya pertandingan antara murid.

* Pendidikan juga bukannya satu perbandingan. Pemberian nombor menyebabkan seorang murid itu dibandingkan dengan murid yang lain dalam satu bilik darjah yang jumlah murid adalah terhad. Apakah alasan kita untuk membandingkan keupayaan murid dalam menuntut ilmu pengetahuan. Apakah kita mahu memberikan ilmu atau tetapi pendidikan ialah satu usaha berterusan mengembangkan potensi kanak-kanak ke arah yang lebih maksimum.

* Pendidikan juga bukannya satu perbandingan. Pemberian hadiah yang kurang adil. Contoh, murid kelas 'A' yang dapat nombor 10 tentunya tidak akan menerima hadiah jika diukur pada kedudukan tiga murid terbaik dalam kelas tersebut. Namun murid kelas 'C' yang jumlah markahnya sama dengan murid nombor sepuluh kelas 'A' tadi layak diberikan hadiah pertama. Ini memperlihatkan satu jurang kedudukan yang berbeza tetapi pada dasarnya mempunyai pencapaian yang lebih kurang sama. Ini juga memperlihatkan konsep pertandingan dan perbandingan dalam pendidikan tidak sesuai diaplikasikan.

* Pada dasarnya pemberian nombor bukanlah satu cara untuk memberikan motivasi yang wajar kepada murid-murid dalam pendidikan. Pemberian nombor hanya sesuai dalam sesuatu pertandingan bagi memilih peserta yang terbaik dalam satu-satu bidang. Peserta dalam pertandingan telah menyedari kehadiran mereka untuk dikategorikan dan dibandingkan. Namun dalam pendidikan kehadiran murid adalah untuk belajar dan memperoleh ilmu dan kemahiran. Kemudian sebagai satu tindakan motivasi, maka murid tersebut diberikan perbandingan dengan memberikan mereka nombor. Ini dapat dilihat sebagai satu kesilapan dalam cara kita memberikan motivasi atau penghargaan.

* Dalam jangka yang panjang pemberian nombor juga memberikan kesan kepada cara berfikir dan pembentukan pribadi seseorang murid. Nombor ertinya kedudukan. Dengan memberikan kedudukan kepada setiap murid, maka akan timbul perasaan berbeza-beda di kalangan mereka. Murid yang dapat nombor tinggi akan merasa bangga dan dihormati, manakala murid yang dapat nombor rendah akan merasa malu dan rendah diri. Perasaan berbeza-beda ini akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku mereka dalam kehidupan sehari-hari. Murid yang merasa bangga akan cenderung untuk mengabaikan tugas-tugas yang diberikan, manakala murid yang merasa malu akan cenderung untuk mengabaikan tugas-tugas yang diberikan. Ini adalah kesan negatif dari pemberian nombor dalam pendidikan.

* Dalam jangka yang panjang pemberian nombor juga memberikan kesan kepada cara berfikir dan pembentukan pribadi seseorang murid. Nombor ertinya kedudukan. Dengan memberikan kedudukan kepada setiap murid, maka akan timbul perasaan berbeza-beda di kalangan mereka. Murid yang dapat nombor tinggi akan merasa bangga dan dihormati, manakala murid yang dapat nombor rendah akan merasa malu dan rendah diri. Perasaan berbeza-beda ini akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku mereka dalam kehidupan sehari-hari. Murid yang merasa bangga akan cenderung untuk mengabaikan tugas-tugas yang diberikan, manakala murid yang merasa malu akan cenderung untuk mengabaikan tugas-tugas yang diberikan. Ini adalah kesan negatif dari pemberian nombor dalam pendidikan.



GAMBAR HIASAN ... Setiap murid dan manusia itu memiliki kemampuan berbeza, terpulung kepada pendidik mendekati murid itu dari memberi mereka didikan.

Pemberian nombor dalam penilaian sekolah

Oleh : Abdul Samat bin Banin

Dengan memberikan kedudukan nombor pertama sebagai yang terbaik dan nombor yang semakin jauh dari nombor satu sebagai semakin lemah maka pembentukan diri seseorang juga demikian. Pelaziman ini akan menjadikan murid yang dapat nombor ke depan merasa diri mereka adalah lebih baik. Kepercayaan pada diri sendiri dan tahap keyakinan mereka juga adalah tinggi. Seorang murid yang sering mendapat nombor yang terkebelakang merasakan diri mereka adalah lemah dan rasa kepercayaan diri juga semakin berkurangan. Cara mereka memandang antara satu dengan lain juga adalah berbeza. Malah ibu bapa dan masyarakat sering mempunyai pandangan negatif kepada murid yang nombor terkebelakang. Pemberian nombor menimbulkan konsep pandai dan tidak pandai. Sedangkan dalam pendidikan, pandai dan tidak pandai tidak sepatutnya wujud kerana ia soal menuntut ilmu. Ia bergantung kepada kemampuan seseorang murid. Bukannya layak kita membandingkan keupayaan murid. Setiap orang murid dan manusia itu memiliki kemampuan yang berbeza. Itu terpulung kepada pendidik mendekati murid itu dan memberikan mereka didikan mengikut apa yang ada pada anak itu. Apakah anak yang bijak dalam akademik itu layak kita gelar pelajar terbaik jika dalam latihan jasmaninya adalah lemah. Sedangkan murid yang dapat nombor terkebelakang itu melihat pencapaian yang baik dalam latihan jasmaninya.

Ertinya setiap anak itu mempunyai kemampuan mereka pada satu-satu bidang dan mereka tidak dapat dinilai secara keseluruhan mengikut apa yang kita mahu. Pendidikan adalah membangun potensi seseorang semaksimalnya mengikut apa yang ada padanya. Namun kita telah terbiasa dengan cara berfikir bahawa subjek yang kita sediakan sekarang adalah sukatan sebenar untuk mengukur kemampuan murid. Jika murid itu dapat mengikuti pelajaran itu maka murid itu dianggap bijak dan berkebolehan. Namun jika tidak, murid itu dianggap tidak pandai. Sedangkan penguasaan terhadap subjek itu hanyalah satu usaha sistem pendidikan untuk mengembangkan seseorang anak mengikut keperluan. Cara mengajar sekarang sering bermula dari mencurahkan isi pelajaran kepada murid agar murid dapat menguasai pelajaran itu. Jarang-jarang cara mengajar sekarang bermula dari melihat keupayaan murid dan dirangka cara untuk memudahkan murid itu memahami isi pelajaran tersebut. Ini adalah dua pendekatan yang berbeza dalam bentuk pengajaran. Namun akhirnya murid itu dibandingkan seseorang dengan seseorang dengan memberikan nombor kepada mereka. Sewajarnya dalam pemberian pelajaran, biarpun kecil dan sedikit manapun yang murid itu perolehi, itulah pencapaian sebenar. Murid itu layak diberikan penghargaan dan hadiah. Kurang wajar penghargaan itu diberikan atas sebab berapa banyak isi kandungan pelajaran yang anak itu boleh perolehi mengikut pilaian yang telah kita tetapkan.

Jangan yang anak itu boleh perolehi mengikut pilaian yang telah kita tetapkan.

* Selain itu pemberian nombor juga sering menimbulkan perbandingan antara ibu bapa atau penjaga murid itu. Anak yang diberikan nombor ibu bapa atau penjaga yang bersaing dan menimbulkan perasaan yang kurang sihat.

Kita dapat melihat dalam peperiksaan yang besar, dalam konteks negara kita - PSR, PMB, 'O' Level, 'A' Level dan peringkat universiti - keputusan peperiksaan adalah diberikan berdasarkan kepada gred sahaja. Ini merupakan dasar yang betul dalam memberikan penilaian kepada keupayaan seseorang murid atau pelajar. Mereka tidak dibandingkan antara seseorang dengan seseorang. Mereka dinilai berdasarkan kepada keupayaan dan kebolehan mereka sendiri dalam penguasaan pelajaran atau kemahiran. Namun dalam peperiksaan biasa, penilaian kepada penguasaan isi kandungan pelajaran masih lagi berkonsepkan kepada pemberian nombor. Bagaimanapun, berdasarkan kepada pemerhatian, ada beberapa sekolah di negara kita yang telah mengamalkan penilaian yang bukan berasaskan kepada pemberian nombor. Murid dinilai dengan diberikan gred atau peratus pencapaian mereka sahaja.

Jika pemberian nombor ini tidak lagi digunakan, maka sistem pemberian hadiah kepada murid juga perlu diambil kira. Jika pemberian hadiah juga masih berdasarkan kepada kedudukan nombor yang dicapai, maka ia masih juga berkonsepkan pertandingan seperti yang dijelaskan tadi. Lagipun dengan cara itu dengan sendirinya juga akan menjelaskan kedudukan murid tersebut di pentas penerimaan hadiah walaupun kedudukan mereka tidak dijelaskan. Pemberian mestilah dirangka dengan teliti dengan melihat pencapaian yang terbaik pada satu-satu subjek sama ada perseorangan ataupun secara berkelompok. Ini memang memerlukan perancangan yang jelas dan sistematis agar ia dapat menjelaskan pencapaian dan penguasaan murid secara lebih konkrit.

KESIMPULAN

Memanglah sukar untuk mengubah satu pelaziman yang kita sudah terbiasa dalam sistem pendidikan kita sebelumnya. Ini tidak pula bermakna pelaziman sistem pemberian nombor adalah tidak baik. Namun perlu diingat pendidikan adalah satu perkara yang dinamik. Banyak perkara yang terdahulu yang sudah kurang relevan dengan tuntutan pendidikan sekarang. Sayidina Ali pernah berkata bahawa cara mengasuh anak kita jangan disamakan dengan cara kita diasuh. Pendidikan tidak dapat mengelakkan dirinya dari sebarang perubahan yang lebih bersifat rasional dan lebih memberikan banyak manfaat dalam dunia pendidikan itu. Ini sebenarnya tanggungjawab kepada pemerhati dan pengkaji pendidikan untuk lebih peka kepada tuntutan pendidikan dewasa ini dan juga masa yang akan datang. Mereka bertanggungjawab mengadakan perubahan dan juga menjelaskan perubahan itu sendiri agar organisasi pendidikan di negara kita dan masyarakat kita memahami tentang maksud perubahan dan juga manfaat perubahan tersebut. Pendidikan adalah tanggungjawab kita bersama untuk membina insan Brunei yang cemerlang dan terbilang. Semuanya adalah bertolak dari semua asas pendidikan. Asas yang betul dan murni yang bermula dari paling bawah dan dasar akan memudahkan kita mencorakkan bangsa di masa akan datang.



GAMBAR HIASAN ... Dalam pemberian pelajaran, biarpun kecil dan sedikit manapun yang murid itu perolehi, itulah pencapaian sebenar.

Ikatan pernikahan perkara yang dituntut oleh agama Islam

MARILAH kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dengan penuh keyakinan dan keikhlasan. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sudah menjadi lumrah alam, setiap yang dijadikan Allah Subhanahu Wata'ala itu berpasang-pasangan, sebagaimana yang berlaku ke atas diri manusia dijadikan ada lelaki dan ada perempuan. Hidup berpasangan ini adalah di antara sebesar-besar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia dan juga makhluk-Nya yang lainnya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yaa Siin ayat 36, tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasang-pasangan, sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun apa yang mereka tidak mengetahuinya."

Di dalam syariat Islam, hidup berpasang-pasangan itu terbentuk melalui pernikahan atau perkahwinan. Perkahwinan adalah perkongsian hidup antara suami isteri dengan ikatan pernikahan. Nikah itu pula ialah suatu akad (ijab dan kabul) bagi menyatukan lelaki dan perempuan dalam satu ikatan untuk mengharuskan dengan menghalalkan pergaulan dan persetubuhan menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh syaraq.

Pernikahan atau perkahwinan merupakan salah satu sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana hadis Baginda, maksudnya:

"Dari A'isyah Radiallahuanha ia berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Perkahwinan itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak suka mengikut sunnahku maka bukanlah dia dari golongan umatku." (Riwayat Ibnu Maajah).

Perkahwinan itu mempunyai banyak hikmah, di antaranya ialah untuk mengekalkan dan meneruskan zuriat manusia di muka bumi ini dan seterusnya meramaikan manusia, kerana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan berbangga dengan umat Baginda yang ramai di akhirat nanti. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Dari Makali ibni

Yaasar dia berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Berkahwinlah kamu dengan wanita yang pengasih dan subur, kerana aku akan berbangga dengan jumlah kamu yang ramai." (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

Dengan ikatan perkahwinan juga akan dapat menjaga kehormatan diri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Dari Abdullah bin Masuud Radiallahuanha ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada kami: Wahai orang-orang muda! Barang siapa yang berkuasa antara kamu untuk berkahwin, maka berkahwinlah, sesungguhnya perkahwinan itu melembutkan pandangan dan menjaga kehormatan dan barangsiapa yang tidak mampu, kerjakanlah puasa kerana puasa itu boleh melembutkan syahwat." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Dengan perkahwinan juga akan memudahkan datangnya rezeki bagi setiap pasangan tersebut. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Dari A'isyah Radiallahuanha, telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Berkahwinlah kamu kerana perempuan itu juga boleh menolong kamu mencari harta atau boleh menolong kamu menjimatkan harta." (Ri-

wayat Al-Imam Al-Baz-zar).

Selain daripada itu, hikmat atau tujuan perkahwinan adalah untuk memperoleh kehidupan yang bahagia, aman damai, berkahsi sayang dan cinta-mencintai.

Firman Allah Subha-

nahu Wata'ala dalam Surah Ar Ruum ayat 21, tafsirnya:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu wahai kaum lelaki, isteri-isteri dari jenis kamu sendiri,

supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikannya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang menimbulkan kesedaran bagi orang-orang yang berfikir."

Selain dari itu juga, perkahwinan dapat menambah kaum kerabat dan mengeratkan silaturahim antara satu dengan yang lain.

Dalam sebuah pernikahan, perlu diingat bahawa kedua-dua belah

DALAM sebuah pernikahan, perlu diingat bahawa kedua-dua belah pihak sama ada suami atau isteri adalah mempunyai tanggungjawab yang amat besar bagi mencapai keharmonian dalam kehidupan berumah tangga.

pihak sama ada suami atau isteri adalah mempunyai tanggungjawab yang amat besar bagi mencapai keharmonian dalam kehidupan berumah tangga. Di antaranya, sebagai seorang suami hendaklah menjaga keselamatan, keselesaan dan keperluan isteri dan anak-anaknya setakat yang dia mampu. Iaitu menyediakan tempat tinggal, memberikan makanan dan pakaian serta mendidik isteri dan anak-anaknya dengan didikan agama. Manakala sebagai seorang isteri pula hendaklah menjaga hak suami dan mengurus rumah serta mendidik anak-anak.

Memandangkan pernikahan adalah suatu yang digalakkan dan dituntut di dalam Islam, maka adalah sesuai pernikahan itu dilakukan di tempat yang mulia seperti di masjid kerana dengan yang demikian diharapkan pernikahan tersebut akan sentiasa mendapat berkat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, adalah elok suatu pernikahan itu dilakukan di masjid sesuai dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:


"Dari A'isyah Radiallahuanha dia berkata: Telah

bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Hibahkanlah pernikahan ini dan lakukanlah pernikahan di masjid." (Riwayat Al-Imam At Tirmidzi).

Dalam kita melakukan pernikahan di masjid itu apa yang perlu diambil perhatian dan dititikberatkan ialah kita hendaklah menjaga adab-adab dan tata tertib semasa berada di masjid. Mudah-mudahan dengan melakukan pernikahan di masjid itu akan melahirkan keluarga yang bahagia dan seterusnya mewujudkan masyarakat yang harmoni serta mendapat keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Furqaan ayat 73, tafsirnya:

"Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah orang-orang yang berdoa dan berkata: Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan menjadikan kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertaqwa."



وقت سمبهيڭ، امساک، شوروڤ دان ضحی									
وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروڤ دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 20 جمادی الأول، 1428 برسامان دغن 6 جون، 2007 هيڭڭ كهاري ثلاث، 26 جمادی الأول، 1428 برسامان دغن 12 جون، 2007 اداله سمرت دباوه اين :-									
هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
جمادی الأول									جون
20	12.20	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.32	6
21	12.21	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	7
22	12.21	3.46	6.32	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	8
23	12.21	3.47	6.32	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	9
24	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	10
25	12.21	3.47	6.32	7.48	4.34	4.44	6.07	6.32	11
26	12.21	3.47	6.32	7.48	4.34	4.44	6.07	6.33	12
وقت ۲ سمبهيڭ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڦهاري.									

PERKAHWINAN itu mempunyai banyak hikmah, di antaranya ialah untuk mengekalkan dan meneruskan zuriat manusia di muka bumi ini dan seterusnya meramaikan manusia, kerana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan berbangga dengan umat Baginda yang ramai di akhirat nanti.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

BAGAIMANA DENGAN ISI PERUT IKAN?

IKAN, seperti mana jua dengan haiwan yang lainnya, memiliki rongga perut dan padanya juga terkandung kotoran dan najis. Menurut ulama, sesuatu yang keluar (berasal) dari rongga perut haiwan, tidak terkecuali ikan, merupakan najis. Maka dalam perkara ini, tahi ikan juga dihukumkan sebagai najis.

Jadi apakah memakan ikan yang telah dimasak atau dibakar sekali gus dengan isi perutnya itu halal atau sebaliknya? Bagaimana pula dengan ikan yang dimasinkan atau diasamkan dan diperam sekali gus dengan isi perutnya? Berikut disebutkan beberapa pendapat ulama mengenainya:

1. Halal memakan ikan yang kecil yang digoreng atau dibakar (sekali gus dengan isi perutnya), iaitu tanpa dibersihkan atau dibuang terlebih dahulu kandungan isi perutnya. Kandungan (kotoran) dalam isi perut ikan kecil tersebut adalah dimaafkan. Ini merupakan pendapat beberapa ulama antaranya Imam An-Nawawi, Al-Khatib Asy-Syarbini dan Imam Ar-Ramli Rahimahumullah.

Imam Ibnu Hajar Rahimahullah juga berpendapat bahawa tidak wajib membersihkan atau membuang kandungan (kotoran) dalam perut ikan kecil kerana kesukaran.

Imam Asy-Syabramallisi Rahimahullah pula menjelaskan, ikan besar yang dibakar atau digoreng (sekali gus dengan isi perutnya) hukumnya adalah haram, kerana menurut Imam Ar-Ramli Rahimahullah yang dihafalkan itu hanyalah pada ikan yang kecil sahaja. Ini bermakna haram memakan ikan besar sekali gus dengan isi perutnya, kerana tiada kesukaran untuk membersihkan isi perutnya dari najis (kotoran), berbeza dengan ikan yang kecil. Najis dalam perut ikan yang besar adalah tidak dimaafkan.


2. Adapun ikan yang diperam seperti ikan masin atau pekasam dan seumpamanya, menurut pendapat Al-Imam Ar-Rafi'e dan An-Nawawi Rahimahumallah bahawa hukumnya adalah harus memakan ikan masin berukuran kecil (yang diperam) sekali gus dengan isi perutnya kerana kesukaran untuk membersihkan kotoran yang ada dalam isi perut ikan kecil.

Adapun ikan masin yang berukuran besar yang diperam dengan isi perutnya, maka ikan masin yang sedemikian adalah najis.

APAKAH UKURAN YANG DIKATAKAN SEBAGAI IKAN KECIL?

Kadar atau ukuran ikan yang dikatakan sebagai

MEMAKAN ISI PERUT IKAN: ADAKAH NAJIS?



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 254
Bahagian Akhir

ikan kecil itu menurut pendapat ulama ialah:

1. Apa yang menurut adat kebiasaannya diakui atau disebut sebagai ukuran ikan kecil.
2. Sekadar dua jari besarnya. Ini adalah pendapat Al-'Allamah 'Ali Asy-Syabramallisi Rahimahullah.

LAIN-LAIN PERSOALAN YANG BERKAITAN

Berikut dibawakan beberapa persoalan serta penjelasan ringkas mengenainya:

1. Bangkai Ikan Dalam Perut Ikan Lain

Jika seseorang itu mendapati bangkai ikan dalam perut ikan lain dan bangkai ikan tersebut keadaannya belum terputus-putus (hancur), maka hukum memakan bangkai ikan tersebut adalah halal. Dengan kata lain, halal memakan kedua-dua ikan tersebut. Begitu juga bangkai ikan yang didapati dalam perut binatang lain.

Jika sebaliknya, iaitu jika bangkai ikan dalam perut itu sudah membusuk serta terputus-putus, maka hukumnya tidak halal (haram) kerana ia umpama sudah menjadi muntah dan tahi.

Manakala memakan ikan yang berubah; misalnya bau atau rasa dagingnya, hukumnya adalah makruh (tidak

haram) dengan syarat tidak akan menjadi najis apabila ianya digoreng bersama isi perutnya.

2. Memperlakukan Sesuatu Terhadap Ikan Yang Masih Hidup

Kadangkala kerana sebab-sebab tertentu, sesetengah orang memotong, memakan atau memasak ikan ketika ianya masih hidup. Maka berikut diterangkan secara ringkas akan hukum perbuatan ini:

(a) Memotong

Makruh memotong, mengerat atau membahagi ikan dalam keadaan ikan tersebut masih hidup. Kemudian memakan bahagian yang dipotong itu adalah halal, namun hukumnya adalah makruh.

(b) Menelan

Menelan ikan kecil atau besar yang masih hidup (berserta isi perutnya), sama ada dikunyah ataupun tidak, adalah halal namun hukumnya adalah makruh.

Begitu juga halnya menelan bangkai ikan yang kecil, hukumnya adalah harus (halal). Manakala menelan bangkai ikan besar adalah tetap haram, kerana isi perutnya adalah najis.

(c) Menggoreng atau membakar

Menggoreng ikan yang masih hidup dalam minyak yang panas mengelegak atau membakarnya hidup-hidup hukumnya adalah makruh, kerana ada unsur penyesaan.

3. Minyak Yang Digunakan Untuk Menggoreng

Oleh kerana (kotoran dalam) isi perut ikan kecil adalah dimaafkan, maka minyak yang digunakan untuk menggoreng ikan kecil tersebut tidak dikira sebagai najis. Adapun bagi ikan yang besar hukumnya adalah sebaliknya, iaitu minyak yang digunakan untuk menggoreng ikan besar

KESIMPULAN

Hukum memakan ikan adalah halal; sama ada ia mati tanpa sebab atau mati dengan sebab yang nyata, selama mana tidak mendatangkan mudarat. Manakala hukum bangkai ikan itu adalah suci (tidak najis).

Adapun memakan ikan yang kecil sekali gus dengan isi perutnya, tanpa membuang dan membersihkannya terlebih dahulu, adalah halal dan kotoran dalam kandungan isi perut ikan yang kecil adalah dimaafkan. Ini kerana adanya kesukaran untuk membersihkan kotoran yang ada pada perut ikan yang kecil.

Berbeza hukumnya bagi ikan yang besar, iaitu sekira-kira dua jari lebarnya, maka hukum memakan ikan berukuran besar yang tidak dibuang atau dibersihkan isi perutnya adalah haram dan dianggap najis kerana kotoran dalam isi perutnya adalah najis.

Apabila dilihat dari sudut yang lain pula, ulama juga mengaitkan hukum haram memakan ikan besar sekali gus dengan isi perutnya kerana isi perutnya adalah najis dan tiada kesukaran untuk membuangnya. Manakala halal pada ikan kecil, kerana isi perutnya adalah najis yang dimaafkan dan juga kerana adanya kesukaran untuk membuangnya. Oleh yang demikian dapat difahami, jika isi perut ikan kecil itu mudah dan tiada kesukaran untuk dibuang, maka wajarlah ia dibuang kerana ini bertepatan dengan kehendak syarak sebagaimana yang disebutkan dalam ayat 168 daripada Surah Al-Baqarah, 'مذبحه' iaitu halal lagi baik. Baik yang bermaksud bersih, selamat, berkhiasat dan menyelerakan.

WALLAHU'ALAM

SABAR ialah menahan dan mengawal perasaan dari sifat-sifat mazmumah seperti: marah, kecewa, putus asa dan hampa. Ini termasuk menahan lisan dari keluhan dan rungutan serta menahan anggota tubuh dari hal-hal yang merosakkan. Ianya merupakan akhlak Islami yang penting dan menjadi kemestian bagi seorang hamba memilikinya meskipun ianya suatu perkara yang amat sukar dan amat berat bagi seseorang hamba untuk melaksanakannya. Tiada yang sanggup bersabar kecuali pada mereka yang mempunyai inayah dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 96, yang tafsirnya:


"(Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal dan sesungguhnya Kami akan membalas orang-orang yang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan."

Sabar adalah sebahagian daripada iman. Di dalam menempuh kehidupan ini, bermacam-macam perkara yang harus kita hadapi. Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan sesuatu dengan berpasang-pasangan, malam dengan siang, kaya dengan miskin, sedih lawannya gembira, sakit dengan sihat dan sebagainya. Dengan adanya semua ini sekiranya terjadi kepada seseorang, umpamanya seorang yang kaya, tiba-tiba jatuh miskin, mereka akan merasa kecewa dan tidak dapat menerima hakikat sebenar. Dari sini timbul persoalan, mengapa kejadian ini menimpa ke atas diri mereka. Pelbagai pemikiran dan andaian timbul di benak mereka. Justeru itu perkara ini mudah memesonkan mereka kepada kesesatan kerana mereka tidak dapat menguasai diri. Mereka akan menyalahkan takdir. Menyalahkan Allah Subhanahu Wata'ala yang mentakdirkan mereka mengalami nasib seumpama itu.

Sebagai umat Islam yang mempunyai kemantapan iman sudah tentunya tidak akan berlaku perkara tersebut kerana mereka yakin segala yang ada di muka bumi ini adalah amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Tanpa merasa ragu, mereka akan menerima dan mensyukuri segala nikmat dan akan bersabar apabila ditimpa musibah atau masalah sarna ada kecil atau besar. Dialah yang mengatur alam semesta seperti firman-Nya dalam Surah Al-Buruj ayat 16, yang tafsirnya:

"Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya."

Mereka yang beriman akan rela dan sabar menerima apa yang dikurniakan Allah kepadanya di samping meneruskan perjalanan hidup ke arah kebaikan, memperkuat dan memperkukuhkan kesabaran dalam diri sendiri. Sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 200 yang



Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)."

Kita hendaklah bersabar dalam segala hal termasuk kehilangan orang yang tersayang, harta benda dan dalam menghadapi ketakutan atau cubaan dan sebagainya. Seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 155, yang tafsirnya:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta

benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang bersabar."

Mereka yang sabar dan reda menghadapi cubaan dan rintangan hidup akan diberi balasan oleh Allah dengan pahala yang berlipat ganda. Setiap musibah yang menimpa, kita disarankan mengucap: "Sesungguhnya kami berasal dari Allah dan kepada-Nya kami akan kembali." Apabila kita mengucapkannya ketika mendapat cubaan, ini menunjukkan kita dari golongan orang yang mendapat untung di sisi Allah. Dengan erti kata yang lain, kita termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala amat menyayangi orang-orang yang sabar seperti firman-Nya dalam Surah Az-Zumar ayat 10, yang tafsirnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad, akan firman-Ku ini, kepada orang yang berakal sempurna itu): "Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). Dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas).

Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira."

Dalam memperjuangkan dan menegakkan agama Islam, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah berjaya melumpuhkan beberapa cubaan dan rintangan dengan penuh kesabaran dan keimanan. Sebagai contoh, baginda telah dilemparkan dengan najis unta dan juga batu semasa mengerjakan solat. Begitu juga dengan kesabaran Bilal bin Abi Rabah dalam menghadapi penderitaan disiksa oleh tuannya dalam mempertahankan imannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Beliau tetap bersabar menahan sebihi batu besar yang diletakkan di atas dadanya di bawah terik matahari.

Seorang mukmin yang sejati akan bernodatkan kesabaran dalam menempuh segala macam dugaan. Di hati mereka tertanam keyakinan bahawa setiap kejadian ada rahmat di sebaliknya sama ada kejadian itu diharapkan atau tidak. Namun begitu ia akan bersyukur dan tidak lupa diri apabila nikmat Allah Subhanahu Wata'ala datang bertandang. Kesengsaraan dan kemalangan tidak akan mengeretnya kepada lupa dengan tanggungjawab malah ia akan menjadikan segala kejadian yang berlaku sebagai iktibar dan pengajaran.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Pengguna Perlu Bijaksana Memilih Maklumat'. Tarikh tutup 13 Jun 2007.
2. 'Generasi Muda Mustahak Punya Jati Diri dan Patriotisme'. Tarikh tutup 20 Jun 2007.
3. 'Keharmonian Berkeluarga Perlu Dikekalkan'. Tarikh tutup 27 Jun 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn,
e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Kes Kecurian Harta Benda Kerajaan Semua Pihak Bertanggungjawab'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Laporkan kes kecurian dengan segera

PADA masa ini telah banyak terdengar ataupun terbaca di dada-dada akhbar mengenai kes kecurian harta benda awam yang semakin menjadi-jadi di negara kita. Ke mana hilangnya nilai luhur kita sebagai rakyat yang beragama Islam? Kita sudah mengetahui bahawa perbuatan mencuri merupakan perbuatan yang bertentangan dengan agama, adat resam dan budaya kita. Tidakkah kita berasa malu dengan negara-negara Islam yang lain?

Kita sepatutnya bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak

menyediakan pelbagai jenis kemudahan awam. Ini adalah kerana baginda sangat prihatin kepada rakyatnya. Malah kerajaan juga telah banyak mengeluarkan wang yang banyak untuk kemudahan-kemudahan ini. Jika kita perhatikan di negara-negara luar jarang sekali kita mendapat kemudahan seperti ini.

Di antara kemudahan yang disediakan ialah seperti: di sekolah, kebanyakan peralatan itu diperuntukkan oleh kerajaan. Tetapi yang amat dikesalkan ialah ada sesetengah orang yang tidak bertanggungjawab sanggup mencuri barang perkakas sekolah.

Bayangkanlah jika ke-

mudahan ini tiada, tentu sekali proses pembelajaran anak-anak di sekolah terganggu malah mereka sukar untuk memperluaskan ilmu mereka. Bukanlah mereka menimba ilmu untuk masa depan negara juga.

Baru-baru ini pula kita digemparkan dengan berita mengenai kes kecurian kabel elektrik yang mana mengakibatkan satu gangguan bekalan elektrik secara meluas iaitu keseluruhan kawasan Brunei dan Muara dan Tutong terputus bekalan elektrik. Secara langsung, semua penduduk yang lain menghadapi kesusahan. Kerajaan pula mengalami kerugian besar.

Amat dikesali lagi apabila diganti yang baru itu

pun dicuri. Bukan sahaja kabel elektrik malah kabel telefon juga dicuri. Akibatnya seluruh penduduk di kawasan itu tidak menikmati perkhidmatan telefon dengan masa yang lama. Bayangkanlah betapa susahnyanya mereka untuk berhubung jika berlaku sesuatu kecemasan.

Oleh yang demikian semua pihak patut bertanggungjawab. Orang ramai janganlah bersifat camah mata, laporkanlah jika kita melihat suatu kumpulan yang mencurigakan. Pihak-pihak berkuasa hendaklah memantau di kawasan-kawasan tertentu yang tiada berpenghuni. Kita hendaklah mengetahui bahawa perbuatan mencuri tidak sepatutnya wujud di zaman serba

canggih ini.

Selaku rakyat negara ini, sama-samalah kita berusaha menjaga harta benda awam agar ia dapat dimanfaatkan untuk kepentingan bersama. Marilah kita menghayati firman dari ayat Al-Qur'an Surah Ibrahim ayat 7, tafsirnya:

"Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur sesungguhnya azab-Ku amat keras."

**Nurisma binti Ismail,
No. 11, Simpang 1534,
Jalan Lamunin Barat,
Kampung Lamunin,
Tutong, TG 2343
No. k/p : 01-048778.**

Bersama menjaga harta benda kerajaan

HARTA benda kerajaan adalah hak milik semua. Orang ramai hendaklah sama-sama menjaga dari dirosakkan dan dicuri oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab.

Kebelakangan ini, kita sering mendengar berita-berita tentang kecurian harta benda kerajaan seperti kabel-kabel elektrik, penutup-penutup longkang, papan-papan tanda di jalan raya, cermin-cer-

min di dalam tandas awam juga turut dicuri.

Baru-baru ini kita turut digemparkan dengan berita mengenai kecurian kabel-kabel elektrik di salah satu stesen elektrik di Daerah Brunei-Muara. Kejadian ini telah menyebabkan separuh dari penduduk di Daerah Brunei dan Muara terputus bekalan elektrik.

Isu ini telah menjadi tajuk utama dalam khutbah Jumaat yang baru lalu. Kerajaan telah kerugian lebih kurang \$50,000.00 akibat kecurian tersebut. Ini belum lagi termasuk perbelanjaan bagi membaiki kerosakan tersebut. Alangkah baiknya jika perbelanjaan tersebut disalurkan bagi kegunaan lain. Ini juga disentuh dalam khutbah Jumaat.

Adakah disebabkan kerana harga besi, tembaga atau timah begitu tinggi nilainya di pasaran yang

menyebabkan kecurian harta benda kerajaan sering menjadi sasaran. Atau kerana tidak mempunyai wang ada setengah individu yang tidak bertanggungjawab sanggup mencuri harta benda kerajaan untuk mendapatkan wang.

Oleh yang demikian orang ramai sama-sama bertanggungjawab menjaga harta benda kerajaan. Tanggungjawab ini bukan hanya diserahkan pada pihak kerajaan tetapi orang ramai yang mustahak memelihara dari terus dirosakkan atau dicuri. Kerana harta-benda kerajaan ini setentunya untuk kemudahan kita semua.

Perbuatan mencuri itu adalah salah dari segi undang-undang juga dilanggar kerana di dalam agama Islam dan hukumnya adalah berdosa besar

jadi janganlah ada individu-individu yang cuba mencuri harta benda kerajaan dari untuk kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kesulitan yang akan dialami oleh pihak kerajaan mahupun penduduk di negara ini.

Orang ramaiilah penyelamat harta benda kerajaan ini dari terus dicuri kerana orang ramai adalah pengguna serta kerana merekalah pihak kerajaan terus berusaha untuk mempertingkatkan keselamatan di mana adanya harta benda kerajaan ini disediakan.

**Hasmahwati binti Haslan,
No. 17, Simpang 544-22-73-3-15, Kampong Peninjau Jerudong,
BG 3122.
No. k/p : 00-278241.**

Barang curian tidak halal

PERBUATAN mencuri adalah menjadi satu kesalahan dan jenayah dari segi hukum. Hukum bagi pencuri ini adalah berupa denda wang ringgit dan penjara.

Dari pandangan Islam pula mencuri adalah satu perbuatan keji dan ianya sangat berdosa. Barang dari hasil curian tidak halal untuk digunakan.

Kejadian kes curi ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan mempengaruhi ekonomi dan menjejaskan penghasilan negara.

Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Perisikan Jenayah, Senior Superintenden, mengenai keadaan jenayah bagi tahun 2006 di Sidang Akhbar menjelaskan bahawa "Kenyataan yang dikeluarkan, faktor ekonomi adalah pendorong utama bagi peningkatan kejadian curi seperti: curi besi dan kabel dengan fenomena jenayah itu bukan saja menjejaskan negara kita bahkan juga beberapa negara jiran disebabkan permintaan besi yang meningkat dengan harga besi yang melonjak mendorong pencuri untuk mencuri dan menjual besi berkenaan."

Kerajaan telah banyak memperuntukkan belanjawan berjuta ringgit untuk menyediakan harta benda baik di bangunan-bangunan kerajaan mahupun di tempat awam bagi kemudahan bersama seperti: telefon, kerusi, meja, tandas, jalan raya dan sebagainya. Semua harta benda ini disediakan percuma adalah bagi kesejahteraan dan kemudahan bagi kegunaan orang awam.

Tidak kurangnya juga kita melihat ada beberapa barang yang disediakan itu rosak dari perbuatan si 'pemugut' dan dicuri oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita sepatutnya berasa bersyukur dan berterima kasih kepada pihak kerajaan di atas pemeduliaan dan memberi kesejahteraan kepada rakyatnya, seharusnya kita sama-sama menjaga dan menyelamatkannya kerana ia adalah tanggungjawab bersama. Cuba bayangkan bagaimana nasib kita jika semua barang keperluan ini tidak lagi disediakan? Sudah pastinyalah kita sendiri juga akan mendapat kesusahannya. Tepuk dada, tanyalah selera.

Apakah lebih memalukan lagi ialah jenayah kes curi ini kebanyakannya dilakukan sendiri oleh rakyat tempatan yang melibatkan remaja di bawah umur 18 tahun. Biasanya jenayah kes curi ini dilakukan secara berkumpulan yang mana dua ketiga orang dari mereka akan bertindak sebagai pemerhati dan selebihnya akan melakukan pencurian. Apa akan jadi kepada negara kita ini jika jenayah-jenayah seperti ini berleluasa. Bagaimana kita hendak membuktikan dan merealisasikan kepada mata dunia bahawa negara kita ini terkenal dengan aman damainya dan bebas dari jenayah-jenayah jika rakyat tempatan sendiri membuat perangai yang mengaibkan negara.

Para belia adalah aset dan pemangkin negara akan datang tapi jika mereka sendiri yang melakukannya apa yang

akan terjadi kepada negara? Huru-hara. Kita semua tidak mahu ianya berlaku, Na'uzubillahiminzalik.

Untuk mengurangkan risiko jenayah curi ini, ada baiknya pihak-pihak yang berkuasa juga memberikan pemantauan yang lebih 'sophisticated' dengan menyediakan beberapa biji kamera di tempat-tempat yang strategik bagi membolehkan mereka mengesan dan menangkap kumpulan penjenayah-penjenayah curi itu. Selain itu juga perlu mengadakan kempen beramai-ramai yang bertema 'Menyayangi Harta Benda Kerajaan' demi untuk menarik minat orang awam ke atasnya.

Sepatutnya jenayah curi ini tidak akan timbul jika kita mempunyai keimanan yang berlandaskan kepada ajaran-ajaran Islam dan sama-sama menjaga, menyangi serta mengangap harta benda kerajaan itu adalah milik kita bersama yang patut dihormati, dijaga dan dipelihara.

**Serudin bin Awang Damit,
No. 16, Simpang 345-5-10, Jalan Kota Batu,
Kampung Mentiri.
No. k/p : 00-110713.**

Semua pihak bertanggungjawab

ISU kecurian mengenai harta benda kerajaan kini menjadi bualan. Ia tidak lagi dilihat sebagai perkara biasa, kini kes seperti ini semakin menular dan berleluasa. Sekiranya tidak dijaga serta dibanteras gejala-gejala semacam ini akan memabahkan lagi ketidakselesaan masyarakat sekeliling dan akan mengancam keselamatan pelbagai pihak.

Disarankan agar semua pihak turut sama-sama mendukung pihak kerajaan dalam memelihara apa jua harta benda agar tidak terjadi kejadian yang tak diinginkan sehingga berlakunya kecurian serta juga kemusnahan objek-objek tersebut. Seandainya tidak dibendung segera

maka kerajaan akan menanggung kerugian yang amat besar dan merugikan negara kita sendiri.

Sebagai negara yang pesat membangun, masyarakat kita haruslah memahami betapa pentingnya kegunaan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak tertentu kerana ia amat berguna bagi kita. Segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam menggugat harta benda awam akan mencautkan lagi keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara.

Baru-baru ini hampir separuh kawasan Brunei Muara dan Tutong telah terputus bekalan elektrik

hanya kerana perbuatan mereka yang sanggup membolos diri dengan memotong wayar elektrik di kabel-kabel yang sedia ada. Sikap seperti ini menunjukkan betapa rendahnya moral dan jati diri 'SI PELAKU' itu dan mereka akan diambil tindakan serta hukuman yang sewajarnya atas perbuatan yang dilakukan.

Kejadian-kejadian yang sering didengar seperti kecurian pagar besi, besi penutup longkang, wayar elektrik, kabel telefon, barang yang dibuat dari logam seperti: besi dan tembaga, papan-papan tanda dan yang lainnya. Terdorong dan terdesak menyebabkan keinginan mereka memperoleh apa

jua barang-barang yang berada di sekeliling mereka termasuklah di jalan-jalan sanggup didapatkan demi untuk mengaut keuntungan dengan menjual benda-benda tersebut demi untuk kepentingan diri sendiri.

Sementara itu sebilangan penduduk juga tidak dapat menikmati kemudahan telefon dalam waktu yang lama hanya kerana akibat kecurian kabel telefon. Dengan kemudahan ini amatlah mustahak dalam suatu perhubungan harian kita. Ia dapat membantu mempercepatkan akan sesuatu perkara atau urusan pada bila-bila masa yang diperlukan.

Sebagai rakyat yang

hidup dalam sekelompok masyarakat yang berbilang-bilang puak, bersama-samalah kita menjadikan diri kita seorang yang bertanggungjawab dalam menyelamatkan persekitaran, harta benda dalam menjaga kesempurnaan dan kerohanian serta keperibadian kita. Harga dan lindungilah apa yang kita miliki dalam menjaga harta benda kerajaan kerana ia tanggungjawab bersama. Hindari diri dari gejala-gajala yang tidak sihat.

**Rudin bin Duraman,
No. 2305 Kampong Junjongan, Jalan Lumapas, BH 2123.
No. k/p : 01-070209.**

REMAJA

Pesan untuk generasi belia

TIDAK boleh tidak kita mesti meneruskan untuk sering berpesan-pesan ke arah perkara berkebaikan untuk kebaikan hidup di dunia dan akhirat nanti. Perkara ini semakin penting tuntutan bagi generasi muda belia. Jangan sampai mereka menjadi generasi yang mudah lupa, akibatnya kita akan menanggung segala akibat dan implikasinya. Generasi baru di kalangan remaja dan belia harus diasuh dan dijinakkan untuk menghayati Al-Qur'an. Pembinaan yang terpadu dengan keindahan pendidikan Al-Qur'an, akan menjamin suatu kehidupan yang boleh mewujudkan ketenteraman dan keamanan yang berterusan. Generasi yang terdidik dengan pengajaran Al-Qur'an sudah pasti akan dapat mewujudkan masyarakat yang lebih sempurna dan terarah. Gejala sosial dan cabaran negatif yang selalu menghantui masyarakat sudah pasti akan dapat dihindarkan. Ramai yang merasakan di saat perubahan sosial yang bergerak pantas melanda, pelbagai kemungkinan akan berlaku. Kemungkinan-kemungkinan sedemikian ini juga adakalanya mempunyai hambatan yang merosak dan merubah suasana yang sedia ada.

Justeru keadaan ini menghasilkan banyak bahana sosial yang tidak bermanfaat. Nati-jahnya mungkin akan meninggalkan kesan perubahan sosial yang bercelaru di antara kebaikan dan kejahatan yang tercipta dari perubahan sosial yang diwujudkan. Banyak contoh jelas betapa rapuhnya perubahan sosial jika ia tidak disandarkan kepada keluhuran akhlak dan keindahan budi. Kedua-duanya saling berkait kerana ia melahirkan 'standard' diri yang berkualiti tinggi. Kita sebenarnya tidak dapat lari dari keadaan ini, akan tetapi bagaimana kita mengemudikannya menyebabkan kita tidak mudah karam dengannya.

Isu sosial bukan lagi merupakan hal yang tidak memerlukan pemedulian segera. Ia perlu

ditangani dengan bekalan yang sempurna dan mantap. Hanya dengan menjadikan Al-Qur'an sebagai asas dan panduan kita semua, segalanya akan dapat diatasi dan dibanteras dengan sebaiknya. Banyak perkara dan hal yang kita lalui dalam kehidupan ini, kini sebahagiannya sudah menjadi isu sosial sebarisan. Paling ketara bila pergaulan bebas semakin menjadi budaya yang sudah meresap di kalangan generasi muda belia kita. Kebebasan yang ditimbulkan dari fenomena sedemikian ini, tidak dapat tidak menimbulkan kesan perubahan masyarakat yang sedia ada. 'Virus' yang dihasilkan dari pergaulan ini bukan merupakan masalah ringan yang tidak perlu dipedulikan. Kerana itu setiap anggota masyarakat remaja memainkan peranan dalam membentuk cara dan corak pergaulan yang baik dan cemerlang yang berteraskan ajaran agama yang kukuh.

ARUS PERUBAHAN

Belia remaja yang ingin mengekalkan pergaulan terpuji di kalangan rakan-rakan mereka mestilah mempunyai dan mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti berakhlak mulia, beradab ketika berbicara, sering memberi salam, jujur, memelihara amanat, sabar, toleransi dan banyak lagi hingga kepada hendaklah menanamkan rasa memuliakan teman atau rakan yang baik di setiap pertemuan. Pergaulan juga harus dijaga dari perkataan yang sia-sia, kotor dan yang merupakan bagi setiap individu Muslim. Sebenarnya fenomena sedemikian ini berlaku kerana ada arus dan gelombang perubahan.

Gelombang perubahan bukanlah sesuatu yang pada keseluruhannya berbentuk negatif kepada individu tertentu akan tetapi ia merupakan satu proses yang akan mengangkat dan merubah keadaan yang sedia ada. Ramai yang tersalah tafsir apabila mendepani perubahan sosial misalnya. Generasi muda remaja akan lebih terarah kepada pembaharuan yang dibawa sama ada

OLEH : H. A. MANAP

dalam bentuk fesyen, keterampilan dan gaya pembawaan. Sedangkan perubahan itu bukanlah merupakan alasan untuk kita menjadi pak turut. Perubahan itu jika kita tersalah tafsir akan membawa kita kepada satu keadaan yang ada kalanya tidak bersesuaian dengan cara dan falsafah kehidupan kita sendiri. Inilah halnya pada diri dan sekeliling kita, kalau kita perhatikan seakan terdapat perubahan-perubahan sosial yang menjurus ke arah penghakis budaya dan nilai-nilai identiti.

NILAI TAMBAH

Banyak perkara-perkara yang sebelumnya tidak pernah wujud kini sudah menjadi 'added value' dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai yang kita maksudkan sama ada baik ataupun tidak ternyata ia sudah berada di tengah-tengah kehidupan masyarakat kita. Bila ini berlaku kita tidak boleh membiarkan begitu sahaja. Kerana jika kita hanya menjadi penonton dalam menyaksikan perubahan yang bukan berdasarkan nilai-nilai kehidupan kita, ia akan bertapak menjadi budaya. Perkara ini selalunya banyak mengundang gejala sosial yang menjadi virus masyarakat. Generasi belia Islam, hendaklah sentiasa ingat bahawa kita diciptakan di muka bumi ini untuk mewujudkan ketaatan dan pengabdian kepada Allah serta untuk menyerahkan diri sepenuhnya terhadap seluruh keputusan-Nya.

Janganlah kita jadi orang yang mudah lupa dan ingatkan peranan dan tanggungjawab kita untuk membina keharmonian dan kesejahteraan bersama. Kita perlu menandai tanggungjawab sedemikian dengan penuh teliti dan tidak membiarkannya berlalu dengan begitu sahaja, kerana jika kita lalai atau dilalaikan oleh suasana sekeliling ia akan mengundang kerisauan. Inilah yang menjadi kerisauan kita, jika semakin kurangnya

sensitiviti generasi belia remaja untuk berperanan menjadi benteng pembauran suasana yang sedemikian, maka akan rapuhlah warisan yang menjadi nilai dan identiti bangsa. Sebagai generasi muda remaja, kita perlu menjadi benteng dalam mempertahankan apa yang kita miliki, sekalipun arus dan gelombang perubahan sekeliling bergolak dengan giatnya. Kita tidak boleh kehilangan peranan dan tanggungjawab. Jika ini berlaku maka kita akan diperangkap dengan ke-masukan pelbagai anasir atau gejala sosial yang lebih merunsingkan kita.

HADAPAI DENGAN PENUH HARAPAN

Justeru pesanan khusus kepada generasi belia remaja, jangan lalaikan peranan dan tanggungjawab. Meskipun perubahan yang berlaku dengan pesatnya, namun jangan jadikan ia sebagai halangan untuk mengorak langkah kebaikan yang dapat menyempurnakan impian menjadi masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kita memerlukan keadaan seperti ini, kerana kita menginginkan kemajuan yang dipimpin dan cara hidup yang dikawal dan sempurna oleh kehendak beragama dan bermasyarakat yang lebih baik. Kita perlu mempertahankan identiti bangsa dan negara. Kerana kehilangan identiti dan budaya yang ada, merupakan satu kehilangan besar dalam mewujudkan semangat nasionalisme.

Justeru generasi belia remaja meskipun mahu untuk melangkah maju ke hadapan jangan tinggalkan kewajipan terhadap agama, bangsa dan negara tercinta. Sebagai generasi harapan bangsa hendaknya sentiasa kembali dan ingat bahawa tanggungjawab kita adalah untuk agama, masyarakat dan negara tercinta. Biarkan tanggungjawab yang kita mainkan itu dapat membantu sekurang-kurangnya mengurangkan gejala sosial dan membina kebaikan secara menyeluruh dan berpanjangan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soal-an tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar 776 keluaran 23 Mei 2007, ialah :

Menara Cendera Kenangan, di Daerah Tutong.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 778

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruan Alai Pintar, 778,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 778

1. Apakah nama tempat menarik ini?
2. Di manakah letaknya?

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 776 keluaran 23 Mei 2007

Nur Alia Liyana binti Alihen,
 Sekolah Pertama,
 Umur : 7 tahun

Shafiee bin Alias,
 Sekolah Rendah Muda Hashim,
 Umur : 9 tahun

Norathirah binti Hamdan,
 Sekolah Menengah R. L. P. A. S.
 Umur : 13 tahun

IPA perlu bergerak dengan imej profesional

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Haji Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Mei. - Dalam kedudukan kita masa kini yang mengharungi proses globalisasi, sudah menjadi kemestian bagi setiap institusi atau organisasi itu menjadikan program-program latihan dan latihan semula sebagai asas kepada pembangunan sumber tenaga manusia.

"Perubahan-perubahan mengikut kehendak tuntutan semasa dan mempraktikkan inovasi secara berterusan sememangnya lumrah dan kritikal bagi memastikan apa jua yang dilaksanakan itu membawa kemanfaatan dan peningkatan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan, yang akan menjadikan kewujudan sesebuah organisasi itu adalah relevan."

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku tetamu kehormat di Majlis Hari Pelanggan dan Sambutan 30 Tahun Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Seterusnya beliau berkata, oleh yang demikian, IPA perlulah bergerak maju dengan imej profesional dan kewibawaannya yang tinggi demi untuk memenuhi keperluan-keperluan latihan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang semakin mencair.

Dalam kata lain jelas Yang Berhormat, IPA perlu berfungsi sebagai institusi pemangkin yang membawa kepada pembaharuan-pembaharuan ke atas pendekatan mahupun amalan-amalan yang terbaru, terkini dan efektif yang memberi nilai tambah kepada kelincahan dan keberkesanan perkhidmatan sesebuah organisasi itu dan ini ditambah lagi di dalam situasi yang kita hadapi sekarang adalah lebih dinamik dan ketidak-tentuan keadaannya.

Yang Berhormat menambah, IPA perlu sentiasa peka dan seharusnya memainkan peranan proaktif ke arah memastikan institut ini berada setapak di hadapan dalam mengetahui ketidak-tentuan (uncertainties) itu dan cuba dengan sedaya upaya untuk mengurangkan impak daripada ketidak-tentuan tersebut.

Sehubungan dengan itu, terang Yang Berhormat, institut ini hendaklah menyediakan pelan latihan pembangunan sumber tenaga manusia yang jelas dan terancang yang akan membawa ke arah kecemerlangan warga Perkhidmatan Awam (PA) yang pintar dan bijak dalam menghadapi apa jua kerehnan dan masalah dalam PA serta mampu menyelesaikannya dengan sebaik-baiknya.

"Seterusnya perancangan juga perlu dirancang bagi memastikan sumber tenaga manusia yang ada

bukan sahaja pintar dan bijak, tetapi juga berakhlak mulia dan tidak korupsi atau bebas rasuah, bagi memacu negara ke arah kejayaan dan kecemerlangan dalam PA, sebagaimana yang dituntut dan sememangnya menjadi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam," jelas Yang Berhormat.

Perkara ini kata Yang Berhormat, bukanlah mudah untuk dilaksanakan dan penuh kepercayaan dengan kepakaran dan usaha gigih serta komitmen padu di kalangan pegawai dan kakitangan IPA, maka apa yang dihasratkan itu tidak mustahil untuk dicapai.

"Apa yang menjadi asasnya adalah IPA perlu menyediakan latihan-latihan berkualiti tinggi yang setanding dengan amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa, yang akan membawa perubahan-perubahan yang positif kepada kecakapan perkhidmatan sektor awam," kata Yang Berhormat.

Sesuai dengan tuntutan ini jelas Yang Berhormat, usaha ke arah memastikan bahawa latihan-latihan yang diberikan oleh IPA itu benar-benar berkesan perlu menjadi keutamaan.

Yang Berhormat menambah, kita menyedari bahawa dengan hanya bekalkan beberapa waktu untuk mengikuti sesuatu latihan tidak akan menjamin seseorang itu mempunyai kemampuan untuk memper-

tingkatkan keupayaannya, dan seterusnya membuat perubahan-perubahan yang dikehendaki itu dengan sekelop mata.

"Usaha itu seharusnya diiringi dengan persekitaran yang mendukung bagi perubahan tersebut mengambil tempat dan oleh yang demikian itu jelas Yang Berhormat, proses inilah yang sebenarnya merupakan cabaran terbesar bagi IPA, tambahan pula semua perancangan dan usaha yang dibuat oleh pihak institut ini, hendaklah selaras dan selari dengan hasrat serta inspirasi negara.

Dalam perkembangan semasa di negara-negara luar pula, terang Yang Berhormat, kebanyakan negara telah pun mempunyai agensi khas yang bertanggungjawab khusus terhadap perkembangan sumber tenaga manusia mereka masing-masing.

"Mengambil iktibar daripada pengalaman-pengalaman di luar negara itu, maka negara kita juga sewajarnya mengambil langkah yang serupa iaitu perlunya menubuhkan sebuah entiti di setiap kementerian yang perannya seumpama agensi-agensi di luar negara," tambah Yang Berhormat.

Dengan penubuhan entiti yang bertanggungjawab khususnya untuk memeduli perkara yang berkaitan dengan perkembangan sumber tenaga manusia itu, tambah Yang Berhormat, sudah tentunya setiap kementerian akan



Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.
MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menyaksikan Pameran Hari Pelanggan dan Sambutan 30 Tahun IPA.

memikirkan laluan-laluan kerjaya (career paths) bagi setiap pegawai dan kakitangannya, seterusnya mengenal pasti rupa bentuk latihan-latihan yang diperlukan, sejajar dengan keperluan strategik kementerian-kementerian masing-masing.

"Perkembangan peralihan itu sudah tentunya akan banyak mempengaruhi peranan yang perlu dimainkan oleh IPA," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, dalam keadaan sedemikian, IPA perlu menilai semula kedudukannya bagi memastikan institut ini akan terus relevan dan mampu berhadapan dengan keadaan permintaan yang lebih mencabar, terutama dalam konteks jenis-jenis latihan yang meningkat serta kompleks dari kementerian-kementerian itu nanti.

Oleh sebab itu, sudah tiba saatnya bagi IPA menaik taraf program-program yang sedia ada ke tahap yang lebih tinggi, kata Yang Berhormat.

"Hasrat itu boleh dicapai melalui kerjasama-kerjasama dengan pihak universiti tempatan dan luar negara," tambah Yang Berhormat.

Dengan cara ini jelas Yang Berhormat, IPA akan menjadi institusi yang lebih disegani dan dihormati, bukan sahaja di dalam negara, malah diakui di peringkat serantau dan antarabangsa.

Menoleh tiga dekad yang lalu, IPA memulakan sejarahnya dengan penubuhan satu unit yang dipanggil 'Unit Latihan' pada tahun 1977, pada ketika itu, kerajaan memikirkan bahawa penubuhan unit latihan berkenaan adalah khusus untuk memperbaiki serba sedikit pengurusan pentadbiran dengan memperkenalkan 'management tools' yang baru kepada kakitangan dan pegawai-pegawai.

Penekanan ini juga diberikan dalam bentuk program induksi kepada kakitangan-kakitangan perkeranian dan pegawai-pegawai tadbir untuk membiasakan diri mereka dengan ke-

perluan-keperluan tugas harian di pejabat-pejabat kerajaan.

Pada masa itu, setiap pegawai kerajaan akan dikehendaki untuk memulakan kerjaya mereka dengan diberikan pendedahan 'hands-on' dan mereka dikehendaki untuk bertugas bermula dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Ini difikirkan adalah merupakan cara yang terbaik pada waktu itu.

Sementara itu penglibatan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) pada ketika itu juga telah banyak membantu Unit Latihan merangka dan melaksanakan program-program latihan kerana sumber-sumber adalah cukup terhad dalam menjalankan latihan-latihan yang dikehendaki.

Kelahiran IPA semenjak 30 tahun sudah tentunya meletakkan IPA sebagai sebuah institusi yang mencapai kematangan institusi latihan yang mempunyai kecemerlangan yang tersendiri.

Skim pemberian kenderaan tanpa faedah dimeterai

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

SERIA, Isnin, 7 Mei. - Kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) dan Syarikat Gas Caciir Asli Brunei (BLNG) diberi kemudahan untuk membeli kereta melalui skim bantuan pembelian kenderaan Brunei Shell.

Skim tersebut menyediakan pinjaman kenderaan tanpa faedah bagi kakitangan ketiga-tiga

buah syarikat berkenaan untuk membeli kereta baru, kereta terpakai atau untuk membayar baki pinjaman kenderaan yang dimiliki.

Sehubungan itu, satu perjanjian kerjasama ditandatangani di antara Bank Standard Chartered dengan BSP, BLNG dan BSM yang diadakan di Pusat Pembelajaran dan Pembangunan Brunei Shell.

Di bawah perjanjian tersebut akan membantu

kakitangan syarikat berkenaan yang merupakan pelanggan bank tersebut bagi membeli kereta melalui skim bantuan tersebut.

Menandatangani bagi tiga pihak organisasi berkenaan, Pemangku Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali; BSM diwakili oleh Pengarah Urusannya, Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohammad dan BLNG diwakili oleh Pengurus Kewangan, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Matarsat, sementara Bank Standard Chartered diwa-

kili oleh Ketua Eksekutifnya, Tiew Siew Chuen.

Skim tersebut diperkenalkan pada tahun lalu dan merupakan sebahagian dari kemudahan atau pampasan yang luas yang dikenali sebagai cadangan penilaian pekerja (EVP) yang ditu-

buhkan bagi kakitangan ketiga-tiga buah syarikat tersebut.

Pada masa ini empat lagi institusi kewangan di negara ini yang bekerjasama di bawah skim tersebut, Bank Baiduri, Perbadanan Tabung Amanah

Islam Brunei, Bank Islam Brunei Darussalam dan HSBC.

Awang Haji Zainal Abidin dalam ucapannya menyatakan di bawah EVP, pihak syarikat telah berjaya meningkatkan inisiatif

sumber manusia dalam pelbagai bidang seperti pengambilan pekerja baru yang berbakat, ganjaran dan insentif kepada pekerja, kemudahan dan bantuan pekerja termasuk perubatan, pergigian, perumahan dan pendidikan.



PEMANGKU Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali dan wakil Bank Standard Chartered, Ketua Eksekutifnya, Tiew Siew Chuen ketika bertukar-tukar dokumen perjanjian.

Berazam perolehi keputusan 100 peratus peperiksaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Mei. - Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Omar (SUBPUKHO), Kampong Setia, tahun ini Berazam memperoleh keputusan 100 peratus bagi peperiksaan ke sekolah Arab walaupun tahun lalu hanya mencapai 79 peratus lulus.

Hasrat tersebut mungkin tercapai dengan komitmen penuh dari para guru dan murid yang akan menduduki peperiksaan itu pada tahun ini di sebalik senarai calon yang mungkin bertambah.

Perkara ini didedahkan oleh Guru Besar sekolah itu, Awang Haji Asman bin Daud ketika menyampaikan taklimat sempena lawatan kerja Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Paduka Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah ke sekolah tersebut.

Turut serta dalam rombongan program siri lawatan kerja ke sekolah-sekolah agama seluruh negara itu ialah Penolong Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani dan pegawai-pegawai dari KHEU.

Awang Haji Asman juga menyampaikan taklimat kepada rombongan berkenaan mengenai visi, misi,

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

matlamat, pencapaian sekolah berkenaan termasuk program '3K' iaitu Kesihatan, Kebersihan dan Keindahan yang dijalankan di sekolah itu.

Jelas beliau, pihak sekolah telah menjalankan beberapa program lain bagi kebaikan para pelajar, ibu bapa dan guru-guru selain berusaha melahirkan sekolah cemerlang, mengasuh pelajar berdisiplin dan menyediakan asas pendidikan yang syumul.

Selesai taklimat, sesi soal jawab dan perbincangan di antara Dato Paduka Awang Haji Ishaaq dan rombongan dengan pihak sekolah, rombongan kemudian dibawa melawat ke sekitar sekolah dan beramah mesra dengan guru-guru serta murid-murid di sekolah berkenaan.

Bangunan asal sekolah tersebut mula dibina oleh penduduk kampung pada bulan Julai 1978 melalui kutipan derma di kalangan penduduk berjumlah sekitar \$30,000.00.

Sementara sekolah yang ada sekarang dibina pada tahun 1989 dan siap pada tahun 1991 dengan peruntukan kerajaan melebihi \$3 juta.



TIMBALAN Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.

Penderma terima sijil penghargaan

KUALA BELAIT, Sabtu, 12 Mei. - Kemurahan hati para penderma yang menjayakan sambutan Hari-hari Kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul diberi penghargaan melalui Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada mereka.

Penyampaian sijil di Dewan Santap disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman. Seramai 117 orang penderma terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, syarikat swasta, persatuan, masjid dan surau, maktab dan sekolah kerajaan dan bukan kerajaan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta orang persendirian.

Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi majlis berkata dengan adanya pemberian derma dapat memudah carakan segala perancangan dan pelaksanaan serta menjayakannya dengan sempurna ke arah kecemerlangan.

Majlis bertujuan memupuk semangat dan bekerjasama serta mewujudkan suasana harmoni dan bersatu padu di kalangan masyarakat berbilang bangsa dan berlainan agama. Di majlis itu juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah dan sijil Peraduan Tulisan Jawi secara spontan yang disempurnakan oleh Pengarah Pentadbiran KHEU, Pengiran Haji Mohd. Tahir bin Pengiran Haji Yusoff.

Peraduan dibahagikan kepada lima kategori, guru-guru agama, penuntut maktab dan sekolah menengah dan swasta, murid-murid sekolah agama, murid-murid sekolah rendah kerajaan dan swasta serta masyarakat Tionghoa Daerah Belait.



TIMBALAN Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali dan Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai menandatangani perjanjian skim pemilihan rumah.

Jabatan Daerah Tutong terima kunjungan muhibah

Sumbangan : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Khamis, 24 Mei. - Jabatan Daerah Tutong telah menerima kunjungan muhibah rombongan dari Kedutaan Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Herijanto Soeprapto.

Ketibaan Duta Besar Republik Indonesia di Pejabat Daerah Tutong dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin.

Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Herijanto Soeprapto juga berkesempatan membuat lawatan yang diiringi oleh Pemangku Pegawai Daerah ke beberapa tempat iaitu Kolam Ternakan Udang Semaun Aquaculture Sendirian Berhad, Hakisan Tembok Batu Pantai Danau, rumah kediaman Ketua Kampung Danau, Awang Haji Abdullah bin Abdul Rashid, rumah kediaman Ketua Kampung Telisai, Awang Haji Mohd. Zun bin Haji Mohd. Tajin dan Taman

Warisan Tasik Merimbun, Mukim Rambai.

Kedutaan Besar Republik Indonesia berserta rombongan juga berkesempatan beramah mesra bersama rakyat Republik Indonesia yang berkerja di kawasan Kampong Telisai, Daerah Tutong.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Haji Mohd. Taha bin Abdul Rauf; Penghulu Mukim Tanjong Maya, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong serta beberapa orang penghulu dari Daerah Tutong.

Agama Islam pilihan tepat

KUALA BELAIT, Khamis, 17 Mei. - Memilih agama Islam sebagai pegangan hidup merupakan pilihan yang paling tepat dan insya-Allah akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, jelas Timbalan Menteri Kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan menambah pilihan saudara-saudara itu juga sebagai pengorbanan dalam hidup mereka menuju kebalan. "Dengan pilihan mereka untuk memeluk agama Islam itu akan menjadikan mereka sebagai orang yang sentiasa diberikan hidayah

dan taufik daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa mendapat keberkatan dan kejayaan dalam kehidupan mereka," doa Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan menyatakan demikian di Majlis Meraikan Saudara-saudara Baru terdiri daripada jururawat Hospital Suri Seri Begawan yang baru memeluk agama Islam. Majlis bertempat di kediaman Dr. Soad Bosseri di Jalan Maulana.

Yang Dimuliakan seterusnya berkata pada peringkat permulaan ini ianya merupakan satu perjalanan awal kepada mereka kerana Islam itu adalah agama yang bersifat universal bukan semata-mata bertitik tolak

daripada hukum-hukum tetapi ianya juga mengenai kehidupan.

"Sebagai orang Islam, kita sentiasa belajar dan mendalami ajaran agama Islam daripada peringkat awal hingga ke peringkat setinggi-tingginya dan dalam hal ini mereka memerlukan bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar," ujar Yang Dimuliakan.

Oleh yang demikian, selaku umat Islam yang bersaudara telah menjadi tanggungjawab untuk memberi bimbingan, tunjuk ajar kepada saudara-saudara baru dan menerima mereka sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

Yang Dimuliakan seterusnya menasihatkan saudara-saudara baru supaya akan tabah dan kental berpegang kepada Islam walau dalam apa keadaan sekalipun kerana dalam kehidupan ini pelbagai dugaan akan ditempuhi bagi menguji ketabahan dan kesetiaan mereka kepada agama Allah.

Mereka yang diraikan terdiri dari empat orang jururawat Hospital Suri Seri Begawan, Jucee Abdullah @ Tuah, Nur'aliza Abdullah @ Jaya, Nur'ain Qistina Abdullah Tony dan Sazisuziana Abdullah, manakala seorang lagi, Aziyati Alia Abdullah bertugas di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Di majlis tersebut Timbalan Menteri Kesihatan dan isteri serta tetamu yang hadir menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baru yang diraikan dengan iringan Dikir Marhaban. Sebelum acara bermula para tetamu yang hadir menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib diikuti Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang penderma.

Majlis diserikan dengan ceramah bertajuk 'Kelebihan Menderma' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiyah, Dr. Haji Muhd. Shahrini bin Haji Abdul Kahar. Ceramah berkisar mengenai hikmah, nikmat, fadilat dan keberkesanan menghulurkan pemberian berupa sedekah atau derma.

Di samping itu persembahan deklamasi sajak variasi bahasa Cina, Dusun, Iban dan Melayu turut menyerikan majlis dengan hasrat akan dapat memberikan kefahaman, di samping mengenalkan lagi penggunaan sebahagian bahasa yang digunakan di negara ini serta dapat dikembangkan dalam kesusasteraan Melayu.

Peluang miliki rumah idaman

KUALA BELAIT, Rabu, 9 Mei. - Pegawai dan kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) yang menjadi pelanggan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berpeluang memiliki rumah idaman mereka menerusi skim pemilihan rumah.

Sehubungan itu, satu perjanjian dimeterai antara BSP dengan TAIB oleh Pengarah Urusan Perbadanan berkenaan, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai dan Timbalan Pengarah Urusan merangkap Pengarah Sumber Tenaga Manusia dan Hal Ehwal Luar BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd.

Ali yang diadakan di perbadanan berkenaan.

Pengiran Datin Paduka menyatakan objektif utama skim tersebut dihasratkan untuk memberikan pilihan pembiayaan yang berkonsepkan syariah yang berdaya saing. Beliau menambah, pihaknya berbesar hati kerana telah dipilih untuk ikut serta bagi menjayakan skim hos BSP.

Pengarah TAIB juga akan membuka ruang bagi menjalin kerjasama yang erat dan rakan perkongsian strategik yang lebih kukuh dan efektif di antara kedua-dua belah pihak.

"Perbadanan TAIB akan

dapat memberikan perkhidmatan dan produk-produk kewangan Islam yang lebih efektif dan bertepatan dengan kehendak pelanggan selaras dengan moto baru Perbadanan TAIB 'Progresif dan menjadi pilihan utama' di negara ini," ujarnya.

Di bawah skim tersebut setiap kakitangan yang berminat akan mendapatkan peruntukan tertakluk kepada had pendedahan dan jumlah yang boleh diperolehi dengan tempoh pembayaran balik maksimum selama 15 tahun. Melalui skim itu juga pelanggan akan memperolehi pelbagai faedah antaranya

TAIB akan mensubsidi jumlah kos pembiayaan, namun ianya tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Majlis diselenggarakan dengan pelancaran Jerayawara Hijrah Perbadanan TAIB Ketiga. Jerayawara tersebut telah dilancarkan pada Januari lalu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam dan pelanggan perbadanan itu terhadap perkhidmatan dan produk TAIB yang sedia ada dan yang akan ditawarkan di masa akan datang.

Di samping itu, jerayawara juga untuk memberikan pendidikan mengenai perancangan kewangan secara Islam dan seterusnya mengeratkan hubungan silaturahim dengan semua pelanggannya. Jerayawara tersebut akan diteruskan di gedung perniagaan Soon Lee, Jalan Pandan selama dua hari bermula 10 Mei.

Majlis juga diselenggarakan dengan pelancaran Pusat Kewangan Platinum TAIB. Pusat tersebut merupakan Pusat Kewangan Platinum yang kedua selain cawangan utamanya di ibu negara.

Pusat Platinum tersebut bagi memberikan perkhidmatan khas kepada pelanggan-pelanggan yang mempunyai simpanan melebihi \$1,000.00 di bank tersebut termasuk menawarkan beberapa perkhidmatan dan produk kewangan Islam yang kompetitif dan menarik seperti produk pelaburan, pembiayaan nafaq, perumahan dan kereta. Di samping itu beberapa cabutan bertuah juga disediakan termasuk cabutan utama wang tunai bernilai \$10,000.00.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin dan Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Herijanto Soeprapto membuat lawatan ke beberapa tempat di Daerah Tutong.



Diterbitkan dengan kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka

ISTILAH GOLF

BAHASA INGGERIS

BAHASA MELAYU

gimme	gimi/beri
gloves	sarung tangan
golf	golf
golf car(t)	kereta golf
golf club	kelab golf; klab golf
golf course	padang golf
golf etiquette	etika golf
golf professional	profesional golf
golfer	pemain golf; pegolf
grain	halaan
Grand slam	Grand slam
graphite	grafit
greenkeeper	penjaga gren
greenside bunker	bunker tepi gren
grip	pegangan/grip
grip gauge	tolok pegangan/tolok grip
grose	semak
gross score	skor kasar
ground under repair (GUR)	kawasan sedang dibaiki
grounding the club	bumikan klab
halved hole	seri
handicap	handikap
hanging lie	letak gantung
hardpan	kematu
hazardn	halangan
head	kepala
head up	langut/mendongak
heel	tumit
high spin ball	bola spin tinggi
Hogan tour	jelajah Hogan
hole in one	masuk langsung
holed	masuk
home and away matches	pertandingan kandang dan tandang
home green	gren akhir
honour	kehormat/keutamaan
hood	tudung
hook	cangkuk
Hooters tour	jelajah Hooter
hosel	hosel
hoseled shot	pukulan hosel
in jail	terperangkap
index	indeks
initiation	inisiasi
inside-out	dalam-keluar
interclub match	pertandingan antara kelab
interlocking grip	pegangan kait/grip kait
invitational	undangan
iron	besi
junior golfer	pemain golf remaja/pegolf remaja
knock-down	ketuk bawah
lateral	sisi

ISTILAH SOSIOLOGI KELUARGA

BAHASA INGGERIS

BAHASA MELAYU

abduction	penculikan
abortion	pengguguran
achieved role	peranan capaian
achieved status	status capaian
achievement	pencapaian
adaptation	adaptasi
addiction	ketagihan
adjustment	peyesuaian
adolescence	masa remaja
adopted child	anak angkat
adoptive father	bapa angkat
adoptive mother	ibu angkat
adultery	zina
affection	afeksi
affinal kin	sanak semenda/sanak afinal
affinal kin group	kelompok sanak semenda
affinal relation	hubungan afinal
affinity	persemendaan
age	usia
age at first marriage	usia kawin pertama
aggressive	agresif/langsang
aggressiveness	keagresifan
agnatic	agnatik

Bersambung

Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BALADA PERTABALAN

Inilah ketikanya
kita mesti ingat
bahawa Dialah
yang mengurniakan kerajaan
kepada siapa
yang dikehendaki-Nya
dan juga
mencabutnya
dari siapa yang dikehendaki-Nya.

Canangkan ini, penyair!
balada pertabalan
yang cukup meremangkan ...
bagi orang-orang salih yang insaf
merek tidak mengambil ringan
ya, tidak mengambil ringan
berita dari langit ini
iaitu suatu 'pegangan'
yang tiada duanya.

Sekali lagi cukup meremangkan ...
ya, betapa tidak
kerajaan diunjuk kerajaan dijawab
tiba-tiba dicabut!
seperti nyawa dicabut
ya, seperti nyawa dicabut
tidakkah ini perit dan mengerikan?
pasti! namun tidak mungkin digambarkan
kerana ia bulat 'kerja Tuhan'.

Semua 'kerja Tuhan'
ya, semua 'kerja Tuhan':
kemuliaan datang kemuliaan pergi,
kita cuma siapa?
sebuah rumah usang
hari ini dihuni
dan esok ...
ia mungkin roboh atau kosong.

Bagi yang 'arif'
datangnya disyukuri
perginya diredhai
dan tanda bersyukur itu
kukuh tauhidnya
banyak ta'atnya
ya jika mahu jaya juga
jika mahu kekal juga
patuhilah ini!

Ini janji-Nya
ia bukan promosi
kerana Allah tidak berhajat kepada promosi,
promosi itu hanya alat
senjata hamba yang lemah
ya, senjata hamba yang lemah,
yang memerlukan hanyalah kita
bukan Allah ...
adapun Dia itu, Maha Suci dari sebarang
keperluan.

Kita sepatutnya faham
besar kecil kerajaan
bukan dari siapa,
tegak bangunnya
juga bukan oleh siapa.
Begitu juga ...
roboh tumbangnya
bukan oleh siapa
dan bukan juga mahu siapa.

Jadi kalau sudah tahu begitu
besar dan kecil kehendak Allah
tegak dan roboh kehendak Allah
mengapa terus membantah?
mengapa terus ingkar?
sehingga tercalar
kemuliaan agama
dan nama sendiri?

Oh insan, khalifatullah!
marilah cepat
kita memuhasabah diri
tunggak kehebatan ...
bukannya dengan mengasah bongkak,
ini tidak betul, kerana
tiada dari kesombongan itu
melainkan keredahan jua,
tiada dari amal derhaka
melainkan azab dan kebinasaan.

Adi Rumi
Shangri-La Hotel,
Kuala Lumpur
26 April, 2007.

WARISAN YANG HILANG

Di sini, keluhan sudah tidak bererti lagi
ia hilang bersama bayu pagi
muka-muka kusam yang layu
murung di situ ...
kerana tahu nasib tidak mungkin berubah.

Tidak ada yang kasihan
kecuali Tuhan,
kerana beginilah situasi
orang yang tewas
dalam apapun percaturan.

Wajah kota yang menarik
tidak berjaya menghiburkan
kerana hati-hati ini
masih lagi
merindui warisan yang hilang.

Dalam maju sebetulnya mundur
ibarat seringgit tinggal satu sen,
di manakah kemajuan ...?
jika yang tinggal cuma kenangan
dan air mata jadi penglipur?

Ini pengajaran untuk kamu, anak-anak
setakat 'kilauan' saja bukanlah mutu
malah sejarahnya boleh di sita
oleh manusia ...
jika mereka ada kepentingan.

Adi Rumi
Grand Hyatt Singapore,
29 April, 2007.

IDOLAKU

Sampai bilapun, tiada lupa
di sinilah sedu-sedanku bermula,
tinggal mama tinggal bapa tinggal negara
hanya untuk mencari
setitik ilmu sesuap rezki.

Modal hanya bapa, itupun beliau selalu
sakit-sakit
dan mama yang cekal liat.
Inilah idolaku
merek miskin tetapi kaya hemah
sehingga tiada ku ingat sama ada
merek pernah mengeluh?

Yang menonjol ialah hikmah dari mama:
"Wang, kau belajar!
nyangantah gagaukan kami
sedang ulat dalam batupun makan - inda mati,
insya-Allah, inikan kita jalama, pasti lebih
hebat dari ulat."

Inilah modalku di perantauan
susah kerana itulah rakan,
oleh itu datanglah, berapapun kuatnya
gelombang
mampu dititi
kerana bapa mama
mengirim hati ...

Kalau sekarang orang mengadu susah
tetapi bantuan mudah mencurah,
tidak halnya bapa kita dulu sakit
dan hilang pekerjaan
namun tiada mengeluh, malah jauh
dari meminta-minta
sebaliknya bangkit mama mengambil
tanggungjawab.

Dengan apa cara?
dengan turun ke sawah atau ke ladang?
oh tidak! kami tidak punya tanah
walau sekengkeri, kami lahir dan membesar
di Kampong Ayer, dengan kerja mama
cuma menganit kirai.

Satu kerja penuh cabaran
dari awal pagi sampai ke satu subuh
hanya untuk lima ringgit saja,
jika siang turun hujan, maka
kirai pun binasa! tiada pedapatan walau
satu sen.

Jika kirai menjadi, maka
sehari itu dapatlah lima ringgit.
Dari sinilah beras, ikan dan juga sayur
untuk tujuh kepala ...
ya tujuh kepala, saudara!
tujuh kepala ...

Kerana itu tidak mungkin terlupakan
berapa kali pernah membuka
pasu beras mama - kosong!
"Nak, pergilah kepada Tuamu dan sampaikan
mama minta sambuti barang secupak."

Alhamdulillah, Tua yang memang baik
hajat secupak diunjuk dua cupak,
ya, inilah masyarakat kita setengah
abad dulu
merek tidak memerlukan media untuk
publisiti
yang penting ... semata-mata membantu.

Besok ... pasu belum kering lagi
orang suruhan Tua sudah datang :
"Apa ini ...?"
"Ini beras daripada Tua kita."
seperti sudah tahu dia, bahawa
kita tidak akan mengulangnya lagi untuk
kedua kali.

Sampai pula giliran adik
untuk dihantar ke England,
tetapi patuan dan anak-anaknya
menentang keras. Pendirian mereka
bekerja lebih utama dari mengaji
untuk membantu mama.

Merek betul dalam penilaian dekat
kerana bapa sakit
keluarga melarat,
di manakah rasionalnya
semua beban diletak ke pondak mama?
di mana?

Tetapi ini mama ...
dia bukan patuan dan anak-anaknya,
mama sukar dibaca
kerana jiwanya besar ...
dan bertabi'at dengan tabi'at
tidak mengenal undur.

Inilah mama
idola sepanjang hayat
dialah ilham
dialah semangat
dialah 'jalan panjang'
yang tiada penghujung.

Adi Rumi
Grand Hayatt Singapore,
29 April, 2007.

CENDERA HATI HARI PERKAHWINAN

Tergantung sebuah seni
itulah wajah Istana Darulhina
ini sebuah cendera hati
di waktu hari perkahwinanku
hari kemegahanku
hari penting dalam hidupku
hari terakhir hidupku seorang bujang.

26 Julai 1974
menjangkau usia 32 tahun
cenderahati ini
tergantung dengan megahnya
cenderahati yang masih wujud
hadiah hari perkahwinanku.

Cenderahati ini
mengingatkan kembali persahabatan,
kesetiawanan, kemesraan
merek yang menyumbangkan
istana melambangkan;
kebahagiaan
kerukunan
kemakmuran
amin!!!
terima kasih.

SEORANG BIDUAN

Seorang biduan
bagaikan seekor ular 'cobra'
bila dia di atas pentas
suara dan muzik bersama
membuat seluruh anggotanya bergerak
dia menghelai
dia berlelekan
dia bergelek
dia menjeling
kepalanya menggeleng
dia menerjang
punggung bergoyang
kaki diangkat
bagaikan pokok bergoyang
bila ditiup angin
inilah selebiteri
manusia yang bernama anak remaja
kebebasan itulah idola
kebahagiaan
keseronokan
kepuasan
itulah yang diunjuk.

Haji Sulaiman Haji Duraman



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan



RABU 6 JUN

PAGI	WAKTU	PROGRAM
6.00	6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	6.15	MOTIVASI
6.30	6.30	BERITA TERKINI
6.35	6.35	PEDOMAN
7.00	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	9.00	BERITA
9.15	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	10.05	DRAMA - 'Ada Apa Dengan Cinta?'
11.00	11.00	PLAY WITH SESAME
11.30	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

PETANG	WAKTU	PROGRAM
4.00	4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	4.20	BIG GUY AND THE RUSTY THE BOY
4.45	4.45	ANNA TALES
5.15	5.15	DRAMA MOU (TV12) - 'Tiang Berukir'
5.45	5.45	BERITA
6.00	6.00	DRAMA MOU (TV12) - Sambungan
6.20	6.20	FINGER TIPS
6.31	6.31	AZAN MAGHRIB
6.37	6.37	FINGER TIPS - Sambungan
6.45	6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM	WAKTU	PROGRAM
7.00	7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	7.25	SILVER SUN
7.47	7.47	AZAN ISYAK
7.53	7.53	SILVER SUN - Sambungan
8.00	8.00	BERITA NASIONAL
9.00	9.00	DI PINGGIRAN KASIH
9.30	9.30	LEGENDA - Ulangan
10.00	10.00	NEWS AT 10
11.00	11.00	ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA - 'Berjaga-jaga dan persembahan corak agama'
12.00	12.00	SUKAN ANTARABANGSA
12.45	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 7 JUN

PAGI	WAKTU	PROGRAM
6.00	6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	6.15	MOTIVASI
6.30	6.30	BERITA TERKINI
6.35	6.35	PEDOMAN
7.00	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	9.00	BERITA
9.15	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	10.05	DRAMA - 'Ada Apa Dengan Cinta?'
11.00	11.00	PLAY WITH ME SESAME
11.30	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	12.00	DRAMA - 'Adam dan Hawa'
12.21	12.21	AZAN ZUHUR
12.27	12.27	DRAMA - Sambungan

PETANG	WAKTU	PROGRAM
1.00	1.00	MIND BODY & SOUL

WAKTU	PROGRAM
1.30	GUINNESS WORLD RECORDS: ULTIMATE
2.30	SENARIO - Ulangan
3.00	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
3.46	AZAN ASAR
3.52	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT - Sambungan
4.00	SAMURAI X
4.30	SILVER BRUMBY
5.00	BEYOND 2000
5.45	BERITA
6.05	COMPLETELY HAMMERED
6.31	AZAN MAGHRIB
6.37	COMPLETELY HAMMERED - Sambungan
6.45	INFO MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

MALAM	WAKTU	PROGRAM
7.00	7.00	MUSLIMAH
7.25	7.25	WARTA ISLAM
7.47	7.47	AZAN ISYAK
7.53	7.53	WARTA ISLAM - Sambungan
8.00	8.00	BERITA NASIONAL
9.00	9.00	AN-NUUR - 'Masjid Kampung Penanjong, Tutong'
10.00	10.00	NEWS AT 10
11.00	11.00	ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA - 'Majlis Istiadat Akad Nikah'
12.00	12.00	LIGA SUPER MALAYSIA 2006/07
1.00	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 8 JUN

PAGI	WAKTU	PROGRAM
6.00	6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	6.15	MOTIVASI
6.30	6.30	BERITA TERKINI
6.35	6.35	PEDOMAN
7.00	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	9.00	BERITA
9.15	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	10.15	SESAME STREET
10.45	10.45	LENS
11.00	11.00	KULIAH SUBUH BERSAMA MUFTI - Ulangan
11.30	11.30	BERITA
11.45	11.45	KULIAH SUBUH BERSAMA MUFTI - Sambungan
12.15	12.15	ART ATTACK
12.30	12.30	SEMPAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG	WAKTU	PROGRAM
1.30	1.30	VISI SUCI
2.00	2.00	GOL GOL BRUNEI - Siaran Langsung
2.30	2.30	MENARA SUMBER
3.15	3.15	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Phool Aur Kante'
3.46	3.46	AZAN ASAR
3.52	3.52	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	5.45	BERITA
6.00	6.00	KUDWAH
6.32	6.32	AZAN MAGHRIB
6.38	6.38	KUDWAH - Sambungan
6.45	6.45	BICARA IMAN

MALAM	WAKTU	PROGRAM
7.00	7.00	LIPUTAN SEMASA

WAKTU	PROGRAM
7.25	SITKOM - 'Tamu' - Ulangan
7.47	AZAN ISYAK
7.53	SITKOM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TRADISI - Ulangan
9.30	NERVES OF STEEL
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	MAJLIS ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA - 'Berjaga-jaga dan Persembahan corak agama'
12.00	TELEDRAMA - 'Atuk, Emak dan Aku'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 9 JUN

PAGI	WAKTU	PROGRAM
6.00	6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	6.15	MOTIVASI
6.30	6.30	BERITA TERKINI
6.35	6.35	PEDOMAN
7.00	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	9.00	BERITA
9.15	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	10.15	MONSTER BY MISTAKE
10.45	10.45	SCOUT'S SAFARI - 'An Elephant Never Forgets'
11.15	11.15	DRAMA - 'Liku-liku Ke Puncak'
11.30	11.30	BERITA
11.45	11.45	DRAMA - Sambungan
12.00	12.00	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
12.21	12.21	AZAN ZUHUR
12.27	12.27	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO - Sambungan
12.30	12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Sweet Revenge'

PETANG	WAKTU	PROGRAM
